

Jilid IV
Bil. 8



Hari Rabu
16hb April, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1081]

USUL-USUL:

Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990 [Ruangan 1158]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 1225]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI DATUK BENEDICT STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan—Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN NG CHENG KIAT (Dilantik).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- „ Lt Kol (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ PUAN AINON BINTI ARIFFIN (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH AZIZAH BINTI HAJI MOHD. SAID (Dilantik).
- „ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).
- „ TUAN CHAN CHONG TAK (Dilantik).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ PUAN HAJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).
- „ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).
- „ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI DATIN JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ PUAN MAZIDAH BINTI HAJI ZAKARIA (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I. A.M.N. (Johor).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ DATO DR K. S. NIJHAR (Dilantik).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN RAJOO A/L DESARI *alias* GOVINDASAMY (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).
- „ PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ Tuan A. Shaik Dawood Abu Bakar *alias* A. S. DAWOOD, (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).

„ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).

„ TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).

„ TUAN D. P. VIANDRAN (Dilantik).

„ TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).

„ TUAN WONG YAU KET (Sabah).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar.
Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.
Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.
Penyunting Kanan: P. B. Menon.
Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.
Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.
Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Hajjah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 16hb April, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PERWAKILAN MALAYSIA
DI LUAR NEGERI—
PENYELARASAN

1. Puan Mazidah binti Haji Zakaria minta Menteri Luar Negeri menyatakan bagaimanakah penyelesaian dilakukan bagi berbagai-bagai perwakilan luar negeri Malaysia di seberang laut seperti kedutaan, perdagangan, pejabat-pejabat buruh, hal ehwal pelajar, kastam penerangan, tentera dan sebagainya supaya tidak berlaku tindih-menindih dari segi fungsi dan supaya lebih berkesan.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, semenjak penubuhan Perwakilan-perwakilan Malaysia dan pejabat-pejabat lain di luar negeri, memang sudah sedia wujud hubungan yang agak longgar bagi menyelaraskan kegiatan-kegiatan ekonomi yang diketuai oleh Ketua Perwakilan Malaysia di negara tersebut. Walaupun belum wujud sebarang badan bagi tujuan menyelaras kegiatan ekonomi di luar negeri, secara tidak langsung pejabat-pejabat luar negeri menerima arahan yang

dikeluarkan oleh badan penyelaras yang ditubuhkan di Malaysia bagi menjaga kepentingan dalam negeri.

Oleh sebab perubahan dasar Kerajaan dan bertepatan dengan langkah Kerajaan mengadakan konsep Persyarikatan Malaysia, maka Kabinet pada 11hb Disember, 1985 telah bersetuju bahawa badan penyelaras di peringkat perwakilan di luar negeri perlu ditubuhkan di tiap-tiap negara di mana terdapat kepentingan Malaysia. Badan penyelaras ini akan dipengerusikan oleh Ketua Perwakilan Malaysia dan dianggotai oleh agensi-agensi Kerajaan, dan jika perlu akan melibatkan pihak swasta yang mempunyai kepentingan di negara tersebut. Di mana tidak ada Ketua Perwakilan dan ada Pesuruhjaya Perdagangan, maka Pesuruhjaya Perdagangan akan mempengerusi jawatankuasa ini. Badan penyelaras ini akan mengadakan mesyuaratnya secara tetap, melapor dan membuat cadangan ke Badan Penyelaras Induk di Malaysia.

Mengenai hal ehwal pelajar pula, oleh sebab ia merupakan suatu masalah yang khusus, satu Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan, yang dipengerusikan oleh Ketua Perwakilan di mana ahli-ahlinya terdiri daripada pegawai-pegawai dari Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia (MSD). Jawatankuasa ini akan mengadakan mesyuarat secara tetap dan melaporkan segala hasil mesyuarat kepada Jawatankuasa Khas di Malaysia yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri.

LUTH—KEMUDAHAN KEPADA JEMAAH HAJI

2. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Perdana Menteri menyatakan bahawa memandangkan sungutan Jemaah Haji tahun lalu mengenai sistem muassasah sudah berkurangan dan layanan kepada Jemaah Haji makin bertambah baik apakah pula rancangan LUTH dan Kerajaan pada tahun ini untuk lebih mengemaskinikan lagi dan memberi layanan yang lebih baik dari tahun lalu kepada Jemaah Haji kita pada tahun ini dan tahun berikutnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah yang telah diambil pada tahun lalu terbukti telah memudah dan memberi keselesaan kepada jemaah-jemaah haji akan terus dilaksanakan pada tahun ini. Di samping itu juga, Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan melaksanakan dua langkah baru bagi meningkatkan perkhidmatannya kepada jemaah haji. Langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) *Menubuhkan Pasukan Khas Untuk Menunggu Jemaah Haji di Mina dan di Mekah*

Petugas-petugas yang menganggotai pasukan ini adalah terdiri daripada mereka yang pernah menunaikan Fardhu Haji. Mereka ini tidak dibenarkan berwukuf di Arafah supaya mereka berada dalam keadaan segar dan bertenaga untuk membantu jemaah haji yang tiba di Mina dan Mekah selepas berwukuf.

- (ii) *Pembayaran Sewa Rumah Jemaah Haji di Madinah*

Selama ini, sewa rumah di Madinah dijelaskan oleh jemaah haji kepada pihak Dalil. Peraturan seperti ini kurang memuaskan kerana

kadar sewa seringkali turun naik. Hasil rundingan yang telah diadakan, Muassasah Adilak yang bertanggungjawab terhadap jemaah haji di Madinah telah bersetuju supaya Tabung Haji membayar sewa rumah kepadanya bagi pihak jemaah haji. Langkah ini akan lebih menjimatkan serta menyenangkan lagi jemaah haji kita.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri yang berkenaan di atas langkah-langkah bagi memperbaiki beberapa cara untuk memberikan beberapa kemudahan kepada jemaah-jemaah haji. Saya ingin bertanya, masih ada kedapatan yang dinamakan Amir. Amir ini ada wakil-wakilnya di negara kita ini, kemudian wakil-wakilnya ini telah mengumpulkan beberapa ramai jemaah haji, kadang-kadang sampai 100 orang lebih, kemudian manakala jemaah ini sampai di tanah suci, maka jemaah-jemaah kumpulan ini akan diserahkan kepada Amir yang tertentu dan banyakkah perkara-perkara yang telah berlaku; kadang-kadang wakil-wakil ini hilang manakala sampai di tanah suci. Saya ingin mendapatkan penjelasan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mencuba sistem Amir ini pada tahun lalu dan didapati ianya mempunyai beberapa unsur negatif kerana bukan semua Amir-amir ini menjalankan tugasnya dengan ikhlas dan ada kalanya memang betul beberapa jemaah-jemaah kita sebenarnya ada dalam keadaan seolah-olah tertipu oleh Amir-amir ini dalam menjalankan tugas. Oleh itu, pada tahun ini, sistem ini, dari segi Tabung Haji tidak diadakan lagi dan kalau ada Amir-amir ini menjalankan tugas ia adalah bertentangan dengan peraturan yang disediakan dan kita harap juga

bakal-bakal jemaah haji tidak akan mengikuti janji-janji daripada Amir ini. Sekiranya ada juga yang ingin berbuat demikian, ianya dianggap sebagai dilakukan secara persendirian (private). Kita harap juga oleh kerana kita tidak lagi mengiktiraf Amir-amir ini secara rasmi, maka jemaah-jemaah haji apabila berada di tanah suci akan mengikuti peraturan-peraturan yang disediakan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji sendiri.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, oleh sebab keadaan ekonomi negara yang meleset pada masa ini, tidakkah jumlah jemaah haji dari negara kita berkurangan dari setahun ke setahun.

Kedua, oleh sebab penurunan harga minyak pada masa kini, tidakkah Tabung Haji bercadang untuk menurunkan tambang jemaah haji ke Mekah.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama tadi keadaan kemelesetan ataupun merosot ini tidak ada kait-mengait dengan hakikat seseorang jemaah itu hendak naik haji kerana kita tahu sistemnya ialah jemaah-jemaah ini telah lama menyimpan, mana yang dia ada duit, dia simpan, bila telah cukup dia pergi. Bukanlah maknanya mengejut sahaja dia hendak pergi, tengok-tengok keadaan meleset, harga getah turun, sawit turun, tidak mampu tahun ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak hari ini 23,166 orang telah mendaftar, tahun dahulu 24,000, jadi nampaknya keadaan tidak berbeza.

Kedua mengenai tambang ini telah tiga tahun saya rasa tambangnya sama, kita tidak naikkan kosnya dan juga perbelanjaan yang lain tidak dinaikkan kerana sebahagian daripadanya sudahpun ditampung melalui peruntukan Tabung Haji

sendiri. Kalau ada harga minyak turun pada tahun ini dalam perkiraan kita nampaknya tambang belum lagi turun. Kalau mungkin besok MAS mengatakan tambang boleh diturunkan, jadi Tabung Haji akan membenarkan perbezaan turun tambang supaya dapat manfaat kepada jemaah sendiri. Kalau MAS tidak menurunkan tambangnya, saya rasa kita pun tidak boleh hendak menurunkan jumlah bayaran untuk jemaah berbuat demikian.

KERETAPI TANAH MELAYU—KERUGIAN

3. Dato Dr K. S. Nijhar minta Menteri Pengangkutan mengesahkan sama ada Keretapi Tanah Melayu mengalami kerugian, sebab-sebab kerugian dan jumlah kerugian semenjak tahun 1980, dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan supaya perkhidmatannya mendapat keuntungan dan bila agaknya keuntungan dapat diperolehi supaya tidak membazir.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran KTM mengalami kerugian di segi operasinya dan ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Perkhidmatan masih dijalankan dengan objektif utamanya memberi perkhidmatan sosial.
- (ii) Persaingan yang hebat dari "mode" pengangkutan yang lain.
- (iii) Penggunaan dan penyelenggaraan infrastruktur yang telah lama dan usang seperti landasan, lokomotif dan stokereta di mana terpaksa diselenggarakan dengan kos yang meningkat dan di masa yang sama menjejaskan

kemampuan untuk bertanding dengan pengangkutan-pengangkutan yang lain.

- (iv) Kesan sampingan dari kemelesetan ekonomi.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum tidak ada organisasi perkeretapian di dunia yang dijalankan oleh sektor awam iaitu Kerajaan yang mencapai keuntungan dalam operasinya. Keretapi adalah juga satu jenis pengangkutan yang terpaksa membiayai infrastrukturnya sendiri.

Walau bagaimanapun, Kerajaan adalah menyedari sumbangan kepada ekonomi negara pada keseluruhannya yang telah dan akan dilaksanakan oleh sistem perkeretapian di negara ini. Dalam Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan telah membelanjakan sejumlah \$498 juta dalam usaha untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan keretapi di negara ini dalam semua bidang dan dalam Rancangan Malaysia Kelima pula sejumlah \$343.97 juta telah diperuntukkan bagi maksud yang sama.

Kerugian operasi KTM adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Kerugian Operasi Juta (\$)</i>
1980	11.42
1981	31.06
1982	25.79
1983	22.64
1984	28.29
1985	39.01

Tuan Ahmad bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap soalan saya ini termasuk dalam lingkungan yang telah dijawab oleh Timbalan Menteri tadi iaitu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam proses peruntukan untuk membangunkan keretapi itu, saya dapati iaitu koc malam daripada Kuala Lumpur/

Butterworth dan Butterworth/Kuala Lumpur iaitu dalam bahagian tempat tidurnya lebih teruk lagi. Kalau kita lihat daripada Bas Eksespres Nasional, tempat duduknya lebih selesa daripada tempat tidur koc malam antara Kuala Lumpur/Butterworth dan Butterworth/Kuala Lumpur. Apakah Timbalan Menteri bercadang di dalam proses untuk memperkembangkan dan mempertingkatkan mutu perkeretapian Malaysia ini diubahsuai di masa akan datang.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah pun menjawab soalan Yang Berhormat tadi kerana kita sedang berusaha, terutama peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kelima ini sejumlah yang saya sebutkan tadi itu termasuklah membaiki koc-koc yang tidak memuashatkan Yang Berhormat itu.

Lt. Kol (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelima Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$343 juta untuk Keretapi Tanah Melayu. Saya ingin bertanya sama ada Kerajaan kita sebenar-benarnya menaruh kepercayaan penuh kepada KTM. Saya bertanya demikian kerana kita semua sedia maklum bahawa alat-alat, sistem dan struktur KTM adalah sangat tua dan tidak memuaskan dan dengan peruntukan \$343 juta ini saya percaya kita tidak boleh langsung membuat apa-apa, jauh sekali daripada memodenkan KTM. Saya ingin bertanya sekali lagi, adakah Kerajaan kita sebenar-benarnya menaruh kepercayaan penuh kepada KTM.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, jika Kerajaan tidak mempunyai kepercayaan penuh kepada pengwujudan KTM ini sudah

tentulah ada rancangan untuk memansuhkannya, tetapi kalau Yang Berhormat mengikuti peruntukan perbelanjaan Rancangan Malaysia Kelima ini oleh kerana ada kepercayaan Kerajaan kepada KTM, maka peruntukan khas sebanyak itu dibuat untuk membaiki KTM.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dua soalan tambahan, tetapi tidak mengapa. Tunggu dahulu Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat Dato G. Pasamanickam ada berdiri.

Dato G. Pasamanickam: Saya beri peluang kepada dia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat memberikan peluang kepada dia? Baiklah.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, menilik kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan masih ada keyakinan Kerajaan kepada KTM, kalau kita lihat statistik kerugian daripada tahun 1980 hingga kepada 1985 daripada \$11 juta, \$31 juta, \$25 juta dan akhirnya pada 1985 \$39 juta ini menimbulkan keraguan kita tentang keyakinan Kerajaan. Dengan sebab itu pertanyaan saya ialah sebelum memberi pukulan maut memansuhkan Keretapi ini, adakah pihak Kerajaan memberi peluang untuk penswastaan? Jika ada, bila, dan kalau tiada apa sebabnya kerana kerugian yang tenat ini mungkin akan bertambah tenat lagi?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, menilik daripada soalan Yang Berhormat tadi itu, telah saya tilik tetapi saya dapati bahawa kerugian ini telah pun saya sebutkan tadi, memang kita alami. Saya telah menyebutkan dalam jawapan saya tadi, tidak ada satu

syarikat ataupun satu badan ataupun organisasi perkeretapi di dunia yang menjalankan perkhidmatan ini boleh untung tetapi ini merupakan satu keperluan untuk membantu, menolong rakyat terutama di luar-luar bandar dan di tempat-tempat pedalaman yang mana kenderaan lain tidak boleh menembusnya. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha memanglah ada dibuat oleh Kerajaan untuk menswastakan agensi-agensinya termasuklah KTM ini, dan kita sudah pun memulakan usaha-usaha menswastakan bahagian-bahagian tertentu di dalam KTM mengikut keadaan.

HUTANG PKEN-PKEN KEPADA KERAJAAN PUSAT

4. Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapakah jumlah hutang PKEN-PKEN negeri-negeri yang masih belum dijelaskan sehingga kini menjadi tanggungan berat kepada Kerajaan Pusat. Apakah masalah menyebabkan PKEN-PKEN itu tidak dapat menyelesaikan hutang-hutang tersebut mengikut tempoh yang ditentukan.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, pinjaman yang diberikan kepada PKEN-PKEN oleh Kerajaan Pusat adalah disalurkan melalui Kerajaan-kerajaan Negeri dan pinjaman ini adalah dikira sebagai pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri tersebut.

Mengikut maklumat yang diberikan oleh Perbadanan Malaysia, pinjaman atau tunggakan hutang terkumpul Kerajaan-kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat bagi projek-projek PKEN-PKEN pada 31hb Disember 1985 berjumlah sebanyak \$470,712,812.89 iaitu terdiri daripada \$355,776,635.13 pokok dan \$114,936,177.76 faedah.

Memandangkan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Pusat oleh PKEN-PKEN adalah juga dibuat melalui Kerajaan Negeri masing-masing dan Kerajaan-kerajaan Negeri pula mengambil masa sebelum membuat pembayaran seterusnya kepada Kerajaan Pusat, kedudukan pinjaman atau tunggakan hutang terkumpul sebenar yang perlu dijelaskan oleh PKEN-PKEN adalah tidak seburuk seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Pembayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Pusat telah pun dilakukan oleh PKEN-PKEN mengikut kemampuan masing-masing dan usaha-usaha ini akan diteruskan dengan bersungguh-sungguh lagi pada masa akan datang. Masalahnya ialah pembayaran balik itu tidak dapat dibuat mengikut jadual bayaran balik yang telah ditetapkan. Bahkan ada setengah-setengah PKEN yang hanya mampu membayar balik pinjaman semasa sahaja. Di antara sebab-sebab pinjaman Kerajaan Pusat kepada PKEN-PKEN telah dapat diselesaikan mengikut jadual yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

- (i) Keadaan kemelesetan ekonomi yang berlanjutan telah mengakibatkan pulangan projek-projek PKEN-PKEN menjadi lebih rendah daripada yang diramalkan semasa projek-projek tersebut dirancang.
- (ii) Terdapat projek-projek PKEN-PKEN yang sengaja dilaksanakan atas pertimbangan sebab-sebab sosio-ekonomi walaupun tidak begitu meyakinkan jika dipertimbangkan dari segi perniagaan. Projek-projek begini seperti yang disedari dari awal adalah memberi pulangan yang rendah.

(iii) Setengah-setengah PKEN-PKEN memerlukan tempoh "gestation" yang agak panjang sebelum mengeluarkan hasil.

(iv) PKEN-PKEN menggunakan pendapatan untuk membiayai projek-projek baru dan juga untuk menjelaskan pinjaman yang diperolehi daripada bank-bank atau institusi kewangan bukan Kerajaan. Ini menyebabkan keupayaan PKEN-PKEN untuk membayar balik pinjaman Kerajaan Pusat menjadi lemah.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Daripada keterangan-keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas menyatakan sebab-sebab, satu daripadanya ialah kemelesetan ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, sedarkah pihak Kerajaan dan Timbalan Menteri yang berkenaan di antara sebab-sebab kelembapan PKEN-PKEN negeri-negeri ini ialah perancangan-perancangan projek yang agak tidak begitu rapi, umpamanya kita pernah melihat perataan satu projek perumahan tidak sampai 30 ekar memakan belanja sejuta lebih sehingga hari ini bukan kerana kemelesetan ekonomi projek ini tidak jalan tetapi kerana tidak berdaya menurunkan harga murah kepada rumah yang akan dibina. Jadi, kalau pihak Kerajaan sedar, adakah alasan-alasan kelewatan ini ditimpakan untuk memberi sebab-sebab di atas kelewatan dan tidak berdayanya PKEN untuk menjelaskan hutang-hutang kepada Kerajaan Pusat? Adakah pihak Kerajaan menyelidiki dan memastikan bahawa rancangan-rancangan yang tidak teratur itu boleh merugikan dan mengakibatkan tanggungan yang berat kepada Kerajaan Pusat?

Tuan Haji Daud bin Haji Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar dari segi implimentasi projek-projek itu ada kadangkala perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Tetapi saya suka menjawab mengenai perkara merata tanah ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, segala kerja-kerja adalah dengan secara tender, dengan secara kontrak dan selalunya tender-tender yang termurah ataupun yang paling layak diberikan kerja-kerja tersebut. Walau bagaimanapun, adakalanya kerja-kerja itu terpaksa dibuat dengan harga yang mahal disebabkan kerana tender-tender yang ditawarkan adalah tinggi.

Mengenai sebab-sebab PKEN tidak dapat dibayar balik, sepertimana yang saya katakan tadi kemelesetan ekonomi adalah satu-satunya sebab, lain sebab-sebab itu saya telah sebutkan tadi ada empat sebab-sebab yang mengapa PKEN tidak dapat menjelaskan hutangnya dalam masa yang ditetapkan.

TANAMAN TEH

5. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) keluasan penanaman teh secara perindustrian seluruh negara dan jumlah pengeluaran daun teh daripada perusahaan tersebut;
- (b) jumlah daun teh bagi keperluan negara dan jumlahnya yang diimport dari luar negeri; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil bagi memperluaskan penanaman teh atas tanah-tanah bersesuaian seluruh negara, untuk kegunaan tempatan dan eksport.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penanaman teh di Malaysia diusahakan oleh sektor estet dan hingga akhir tahun 1983 jumlah keluasan tanah yang diusahakan dengan tanaman ini ialah 2,555 hektar. Keluasan ini dianggarkan meningkat kepada 2,770 hektar pada tahun 1984. Jumlah keluasan pada tahun 1983 ialah 3,377 tan metrik dan dianggarkan meningkat kepada 3,690 tan metrik pada tahun 1984.
- (b) Keperluan teh negara ialah kira-kira 7,770 tan metrik adalah import bersih, manakala bakinya dikeluarkan dalam negeri.
- (c) Kemungkinan untuk memperluaskan penanaman teh adalah terhad kerana kekurangan kawasan tanah tinggi yang sesuai. Beberapa syarikat kini sedang berusaha memajukan penanaman teh di tanah pamah di Perak, Pahang, Selangor, Sabah dan Sarawak. Usaha ini nampaknya berpotensi baik kerana penanaman di tanah pamah akan membolehkan masalah-masalah yang dihadapi sekarang, iaitu kekurangan tenaga buruh dan kos pengeluaran yang tinggi diatasi.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita puas hati mendengar keterangan daripada Timbalan Menteri yang tersebut. Soalan saya, tadi beliau telah menyebut kita kekurangan tenaga buruh untuk hendak menyediakan projek-projek yang berkenaan, tetapi setahu saya tenaga buruh ini bukan kurang, berlebih-lebihan. Semalam telah disebutkan angkanya yang menganggur, yang tidak mempunyai

pekerjaan, di dalam Dewan ini saya telah sebutkan. Adakah pihak Kementerian Pertanian bercadang untuk meluaskan lagi tanaman teh di negara ini dan adakah Yang Berhormat berfikir supaya dapat bekerjasama dengan Kementerian yang berkenaan yang bersangkut-paut dengan tanah. Semalam telah diterangkan di dalam Dewan ini tanah yang terbiar sahaja yang tidak diubaikpulih sebanyak 1,000,300 ekar lebih, maka dalam 1 juta ekar ini tidak adakah tanah yang tinggi yang bersesuaian untuk ditanam tanaman teh di negara ini?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, barangkali Ahli Yang Berhormat itu cara saya membuat jawapan tadi, langkah ataupun rentak cakapan saya itu ada macam mengelirukan Yang Berhormat oleh kerana saya tidak berapa jelas melihat taip yang begini halus kerana saya mengalami penyakit mata (*Ketawa*), tetapi saya akan menjelaskan sekali kepada Yang Berhormat.

Maksudnya jawapan saya tadi bukanlah saya membuat penjelasan bahawa kita mengalami kekurangan buruh, sebagaimana yang disoal balik oleh Yang Berhormat itu, bahkan yang sebenarnya saya sebutkan tadi, para pengusaha teh ini telah menanam teh di tanah pamah akan membolehkan masalah-masalah yang dihadapi—sorry. Beberapa syarikat kini sedang berusaha memajukan penanaman teh di tanah pamah di Perak, Pahang, Selangor, Sabah dan Sarawak. Usaha ini nampaknya berpotensi, saya sebutkan begitu—berpotensi baik kerana penanaman di tanah pamah akan membolehkan masalah-masalah yang dihadapi sekarang, iaitu kekurangan tenaga buruh dan kos pengeluaran yang tinggi diatasi. Bermakna, bukan saya

menyebutkan ada kekurangan buruh di bidang estet teh, bahkan tanah pamah yang digunakan untuk tanaman teh pada ketika ini sangat sesuai untuk mereka mengatasi masalah kos yang tinggi dan kos buruh yang tinggi juga di negara ini. Begituiah maksudnya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji

Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya kira maksud Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah tanah pamah. Jadi saya ingin bertanya, tanaman teh di Lenggong, di negeri Perak itu adakah termasuk di dalam lingkungan tanah pamah yang dimaksudkan dan dari segi apakah mutu teh ini ditentukan. Adakah dari segi bau, maksudnya “aroma”, dengan izin, dan jika bau, apakah bau-bau keharuman teh Cameron Highlands, teh Sabah, teh negeri Perak—Lenggong itu diciptakan. Adakah Kerajaan akan menciptakan nama kepada bau-bau keharuman yang berbeza di antara teh-teh yang ditanam di negara ini?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat ini, sejauh mana yang saya ketahui pada ketika ini pihak Kerajaan belum lagi membuat nama mengikut bau-bau teh yang ditanam di negara ini, bahkan teh-teh ini dinamakan, saya ingat, mengikut kumpulan, kompeni, macam Boh Tea, Lipton Tea, macam di Sabah—Sabah Tea, ada di Sarawak—Mayang Tea, nama kompeni yang digunakan. Dan saya minta maaf, saya tidak dapat membuat statement khas untuk bagaimana bau jenis teh yang ditanam di tanah Cameron Highlands dan di Sabah bagaimana baunya kerana saya pun belum lagi membuat satu kajian supaya kita dapat meneliti bagaimana bau-baunya teh-teh yang ditanam di Malaysia ini.

**LEMBAGA PENDUDUK DAN
PEMBANGUNAN KELUARGA
NEGARA—SUMBANGAN**

6. Puan Habibah binti Abdul Ghani minta Perdana Menteri menyatakan apakah jenis bantuan atau kemudahan yang diberi kepada penduduk-penduduk luar bandar oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, sehingga pada masa ini berapakah projek "Nadi Desa" telah dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumbangan Lembaga kepada penduduk luar bandar di dalam bidang sosial bermula sejak tahun 1971 apabila perkhidmatan perancang keluarga telah diperluaskan melalui Klinik Ibu dan Kanak-kanak, Kementerian Kesihatan. Pada tahun 1978 Lembaga, di bawah pinjaman Bank Dunia Kedua, telah mendapat peruntukan untuk melaksanakan projek inovatif di kawasan luar bandar. Projek ini dipanggil Projek Nadi Desa di mana tujuan utamanya ialah untuk meningkatkan pendapatan keluarga-keluarga di kampung, selain daripada memberi pendidikan dalam bidang kesihatan keluarga.

Selaras dengan dasar baru kependudukan, aktiviti-aktiviti pembangunan keluarga seperti kursus keibubapaan, perkhidmatan klinikal dan kaunseling keluarga akan diperkenalkan. Aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan pendapatan keluarga adalah berupa latihan dalam bidang sulam-menyulam, tekad-menekad, jahit-menjahit dan membuat bunga tiruan. Peserta projek ini terdiri daripada kaum ibu dan belia. Untuk menjalankan aktiviti ini, Lembaga telah menghantar tenaga pengajar dan

meminjamkan beberapa mesin jahit di pusat-pusat yang telah diwujudkan untuk tempoh masa tertentu memandangkan bilangan alat-alat ini tidak mencukupi kerana Lembaga tidak mempunyai peruntukan untuk membeli mesin-mesin tambahan.

Dengan adanya peruntukan di bawah pinjaman Bank Dunia, beberapa tempat telah dikenalpasti untuk melaksanakan projek ini di mana bantuan telah diberi untuk mengubahsuai bangunan yang tersedia ada untuk menampung aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Dalam hal ini, Pejabat Daerah dan Wakil Rakyat, khususnya Ahli Parlimen telah memainkan peranan yang penting. Ada juga terdapat di satu tempat di mana salah seorang daripada penduduk kampung telah mewakafkan sekeping tanah dan peruntukan telah diberi untuk mendirikan sebuah bangunan di tanah tersebut.

Sehingga ini ada 4 buah negeri yang telah melaksanakan Projek Nadi Desa, iaitu Semerah di Johor, Paya Keladi di Pulau Pinang, Pekan dan Jerantut di Pahang Darulmukmur, Selayang dan Ampang di Selangor. Projek Nadi Desa yang telah diwujudkan juga digalakkan menubuhkan syarikat kerjasama terdiri daripada peserta-peserta untuk bertanggungjawab ke atas pengeluaran, pemasaran hasil-hasil kerja tangan dan juga membeli alat-alat yang diperlukan. Hasil-hasil kerja tangan yang dikeluarkan sehingga ini adalah seperti telekung, kain kusyen yang ditekad, bunga tiruan, alas-alas meja, cadar-cadar tekad dan lain-lain bahan jahitan, sulaman dan tekad. Perkembangan sehingga ini dari segi penjualan adalah menggalakkan.

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada Yang Berhormat menyebutkan 4 buah negeri yang diberi perhatian atau

tempat yang dikenalpasti untuk Nadi Desa, negeri-negeri yang lain itu macam mana kiranya, ketinggalankah atau dalam perhatian ataupun dilenyapkan langsung. (*Ketawa*)

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed: Terima kasih, Yang Berhormat, bahawa negeri-negeri yang lain itu nampaknya belum ada membuat sebarang permintaan, maka dengan sebab itulah belum ada diberikan pertimbangan dan perhatian.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: (*Bangun*)

Puan Ainon binti Ariffin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Wa! (*Ketawa*). Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan dua soalan. Yang pertama ialah mengenai perkhidmatan counselling. Adakah LPPKN melatih counsellors di pendalaman atau hanya menggunakan counsellor yang qualified, dengan izin, daripada ibu pejabat sahaja.

Yang Kedua, nampaknya fungsi kepada LPPKN di luar bandar menyamai fungsi yang dibuat oleh KEMAS. Tidakkah pernah timbul duplikasi antara kedua-duanya.

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan yang diberi oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga ada dua cara. Yang pertamanya ialah ke dalam atau internal, di mana pegawai-pegawai daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga sendiri yang memberikan khidmatnya di pusat kepakaran ataupun kita mengadakan bengkel-bengkel ke luar.

Yang kedua, pada tiap-tiap hari Sabtu, kami juga menjemput mereka daripada pertubuhan-pertubuhan untuk menghadiri kursus counselling ini bagi diperluaskan perkhidmatan.

Berhubung dengan fungsi luar bandar ini adalah tidak duplicate kerana yang ini adalah kita jalankan secara koperasi dan wanita-wanita itu kita latih supaya dia berdikari. Selepas dia dilatih di pusat Nadi Desa itu, dia akan membeli sendiri mesin-mesinnya dan dia sendiri mengusahakan perusahaan itu dan menjualnya sendiri.

GETAH ASLI—PASARAN

7. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan dengan adanya persaingan hebat antara getah asli dengan getah tiruan, apakah langkah-langkah Kementerian ini untuk menembusi/mengatasi supaya getah asli dapat sambutan di pasaran getah asli.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh langkah-langkah bagi menambah sambutan pasaran getah asli, saya ingin menjelaskan bahawa persaingan antara getah asli dan getah tiruan hanya berlaku bagi bidang kegunaan sebanyak 10% sahaja daripada jumlah kegunaan getah dunia. Oleh kerana sifat-sifat teknikal masing-masing, penggunaan getah asli daripada jumlah keseluruhan penggunaan getah dunia adalah dalam lingkungan 30% manakala penggunaan getah tiruan pula dalam lingkungan 60%. Kedua-dua bahan tersebut mempunyai ciri-ciri yang tersendiri yang menyebabkan kedua-duanya saling bergantung dan perlu digunakan bersama dalam berbagai kegunaan.

Walau bagaimanapun, berbagai langkah akan terus diambil untuk mengukuhkan lagi pasaran getah asli Malaysia di pasaran dunia supaya sambutan getah asli dapat bertambah di masa-masa akan datang. Antaranya ialah usaha-usaha penyelidikan seperti berikut:

- (i) bagi memperbaiki mutu getah asli Malaysia termasuk mengkaji semula skim Getah Mutu Malaysia (SMR) dari masa ke semasa untuk memenuhi kehendak-kehendak pengguna yang sentiasa berubah berikutan daripada perubahan teknologi dalam pembuatan barang-barang getah.
- (ii) memaju serta mengubahsuai getah asli dalam bentuk yang lebih baik yang mempunyai ciri-ciri getah tiruan seperti memperkenalkan getah asli epoksid (ENR) dan getah asli termoplastik bagi membolehkannya menghadapi persaingan dengan getah tiruan, khususnya dalam sektor pembuatan tayar dan juga keluaran berasaskan getah yang lain.
- (iii) beberapa penggunaan baru getah asli telah berjaya dimajukan di mana ianya mempunyai kelebihan dari segi teknikal dan ekonomi daripada getah tiruan dan di antaranya ialah dalam bidang kegunaan kejuruteraan seperti pelapik jambatan, pelapik rail keretapi, alas ampaian kenderaan bermotor, atau dengan izin, automative suspension mountings dan pelapik bangunan bagi perlindungan dari gegaran gempa bumi.

Pencapaian penyelidikan ini sudah tentu dapat membuka jalan bagi memperluaskan lagi sambutan pasaran getah asli di dunia.

Di samping itu, usaha-usaha juga diteruskan bagi memperluaskan penggunaan dan ruang pasaran getah asli Malaysia dengan menghantarkan misi galakan keluar negeri. Pejabat Biro Getah Malaysia juga telah ditubuhkan di beberapa buah negara pengguna utama bagi mendapat maklumbalas ekonomi dan teknikal dari pengguna-pengguna dan membekalkan maklumat-maklumat serta memberi khidmat sokongan teknikal kepada pengguna dalam usaha meningkatkan penggunaan getah asli.

Puan Hajjah Azizah binti Mohd.

Said: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana memandangkan penggunaan getah tiruan begitu menggalakkan, tidakkah Kementerian Perusahaan Utama bercadang untuk mengeluarkan getah tiruan di pasaran dunia ini, kerana ianya lebih tahan lama dan murah. Oleh itu, tidakkah sekali lagi, saya ulangkan, Kementerian Perusahaan Utama mengeluarkan getah tiruan yang membuat ataupun getah tiruan made-in-Malaysia ataupun getah tiruan Malaysia.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun dalam penggunaan getah di negara kita yang pada tahun lepas berjumlah 70,620 tan, daripada itu ialah 5,151 tan getah tiruan, namun begitu, Malaysia setakat ini belum lagi bercadang untuk mengeluarkan getah tiruan, kerana kita mempunyai getah asli yang begitu banyak.

Tuan Haji Mohamad bin Yahaya:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan, berapa banyakkah negara luar yang membeli getah asli daripada

negara kita dan negara manakah yang banyak membeli getah asli daripada negara kita?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Dianggarkan hampir 60 buah negara di dunia membeli getah daripada negara kita dan kebanyakan daripada getah ini telah dihantar kepada USA, Russia dan juga Jepun.

RUMAH KOS RENDAH— PEMBINAAN

8. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah benar Kerajaan bercadang mendirikan rumah kos rendah sebanyak 240,000 unit dalam masa 3 tahun. Jika benar, bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan:

- (a) berapa unitkah diperuntukkan kepada tiap-tiap Negeri; dan
- (b) adakah bilangan 240,000 unit rumah kos rendah itu memenuhi keperluan rakyat dalam masa tiga tahun. Jika tidak, apakah perancangan Kerajaan bagi memenuhi keperluan rakyat untuk mendapatkan rumah kos rendah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) program khas perumahan kos rendah yang diumumkan baru-baru ini melibatkan pembinaan rumah-rumah kos rendah sebanyak 240,000 unit bagi tempoh 1986 hingga 1988 iaitu sebanyak 80,000 unit tiap-tiap tahun bagi tempoh tersebut. Bagi memenuhi matlamat 80,000 unit setahun ini, setiap Kerajaan Negeri telah mengemukakan senarai projek dan bilangan unit rumah yang dicadangkan. Senarai projek ini adalah berasaskan kepada

permintaan yang wujud di negeri-negeri berkenaan. Sehingga kini sejumlah kira-kira 179,600 unit rumah kos rendah telah dikemukakan oleh kesemua Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan di bawah program khas ini. Daripada jumlah ini sejumlah 88,490 unit rumah kos rendah bagi tahun 1986 yang telah dikemukakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri tersebut. Pihak Kementerian kini sedang menyelaras dan menyediakan senarai akhir projek dan bilangan unit yang akan dibina bagi setiap negeri. Jumlah projek dan bilangan unit ini bukanlah muktamad dan akan ditambah dari semasa ke semasa.

- (b) pembinaan rumah kos rendah sebanyak 240,000 unit dalam tempoh tiga tahun dari 1986-1988 akan memenuhi sebahagian besar daripada keperluan rumah jenis ini dan bagi tempoh berkenaan. Di samping pelaksanaan program khas perumahan kos rendah ini, program perumahan biasa akan terus dilaksanakan oleh sektor awam dan sektor swasta di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Jumlah yang terlibat di bawah program perumahan biasa untuk jenis kos rendah di sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelima ialah sebanyak 255,000 unit bagi kedua sektor awam swasta.

Tuan D. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dalam program khas perumahan ini dari tahun 1986 hingga 1988 apakah jumlah unit rumah yang akan dibina di negeri Perak dan berapakah daripadanya rumah kos rendah dan kos sederhana?

Dato S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jawabkan tadi, senarai yang dikemukakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri masih belum muktamad dan akan ditambah dari masa ke semasa.

Walau bagaimanapun, sehingga sekarang kita telah menerima cadangan dari Kerajaan Negeri Perak untuk membina sebanyak 11,562 unit rumah dalam tempoh 1986-1988. Dari jumlah 11,562 unit itu, sebanyak 11,506 unit adalah rumah kos rendah dan sebanyak 56 unit adalah rumah kos sederhana.

Tuan Haji Mohamed bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apa yang kita nampak di sini iaitu akan dibina 240,000 unit rumah dan saya ingin mendapat tahu harga rumah murah, berapakah agaknya satu unit untuk membolehkan orang-orang yang miskin dapat membelinya. Berapa agaknya harga satu unit?

Dato S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, mengikut definisi Kerajaan, rumah kos rendah adalah rumah yang berharga kurang daripada \$25,000. Bagi rancangan khas perumahan kos rendah yang dicadangkan itu kita telah meminta pihak swasta yang akan melaksanakan projek ini untuk menjual rumah-rumah ini dengan harga kurang daripada \$25,000 seunit. Untuk membolehkan pihak swasta menjualkan rumah ini kurang daripada \$25,000, kita telah meminta pihak Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengurangkan kadar premium atas tanah sehingga mana yang boleh. Jadi ini adalah satu seruan daripada Kerajaan Pusat. Walau bagaimanapun, saya boleh cuma menerangkan bahawa rumah-rumah ini akan dijual dengan harga \$25,000 seunit atau kurang daripadanya.

KADAR PENGANGGURAN— LANGKAH MENGURANGKAN

9. Tuan Tiong Hiew King minta Menteri Buruh menyatakan memandangkan kadar pengangguran dalam negeri semakin bertambah akibat kemelesetan ekonomi terus berpanjangan dan keadaan makin buruk:

- (a) apakah langkah-langkah telah atau akan diambil oleh Kementerian Buruh untuk memperbaiki keadaan itu; dan
- (b) adakah Kementerian Buruh telah atau akan diambil tindakan mencegah/mengurangkan pengambilan buruh luar negeri bekerja di negara kita.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sukalah saya memaklumkan bahawa Kementerian Buruh dengan kerjasama Kementerian-kementerian lain serta Kerajaan-kerajaan Negeri memang telah dan akan terus mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah pengangguran akibat kemelesetan ekonomi dunia.

Di antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan ialah menggalakkan penubuhan sebuah pasukan petugas di tiap-tiap negeri untuk mengikuti perkembangan mengenai pemberhentian pekerja-pekerja di peringkat negeri serta menempatkan semula pekerja-pekerja tersebut dalam pekerjaan-pekerjaan alternatif yang sesuai di sektor awam dan swasta. Badan ini juga membantu menyelaraskan program-program latihan semula yang sesuai. Kegiatan-kegiatan pasukan-pasukan petugas di peringkat negeri ini akan diselaraskan oleh sebuah Jawatankuasa Penyelaras di Peringkat Persekutuan.

Di samping itu, Kementerian saya juga menggalakkan penganggur-penganggur supaya mendaftarkan diri dengan Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian saya untuk mendapat pekerjaan. Kementerian saya juga akan berusaha untuk menentukan agar pemberhentian pekerja adalah di atas sebab-sebab yang munasabah dan sebagai langkah yang terakhir.

Selain daripada itu, Kerajaan telah juga menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet mengenai kemelesetan ekonomi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri untuk membantu mengatasi masalah pengangguran dan pemberhentian pekerja-pekerja dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru dalam berbagai sektor ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengambilan buruh luar negeri untuk bekerja di negara kita pula, saya ingin menegaskan di sini bahawa adalah dasar Kerajaan untuk mengutamakan peluang-peluang pekerjaan dalam negara ini untuk rakyat sendiri.

Untuk mencegah majikan-majikan khususnya di sektor perladangan dan pembinaan daripada menggaji tenaga buruh pendatang haram, Kementerian saya sedang dan akan terus mengambil tindakan di bawah Akta Sekatan Kerja, 1968 terhadap majikan yang menggaji tanpa permit kerja ataupun pas kerja pekerja-pekerja asing termasuk pendatang haram. Di samping itu, operasi serbuan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Imigresen dan Polis Di Raja Malaysia.

Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Buruh sedar tentang pengambilan buruh-buruh asing telah disalahgunakan iaitu yang mana berlaku baru-baru ini di beberapa buah negeri mengenai buruh-buruh asing yang mana setelah mereka tamat

bekerja di siang hari, sebelah malam mereka menjalankan pula "businessnya" iaitu dengan beberapa kumpulan, dengan vannya mencuri dan sebelum datang merompak-mencuri, mereka telefon: "Tuan ini di mana? Saya akan datang merompak di rumah tuan, malam ini".

Perkara ini betul dan benar berlaku di beberapa buah negeri, mereka datang merompak dengan van, apa yang ada diambil, tak ubah seperti dilakukan oleh Ali Baba ataupun Kasim Baba dengan 40 orang pencuri. Perkara ini telah dapat dikesan ialah dilakukan oleh pendatang ataupun pekerja-pekerja asing yang telah tamat tempoh perमितnya dan kadang kala buruh-buruh asing yang masuk secara haram dan secara halal juga pernah melakukan ini tak payahlah saya sebut di negeri mana. Adakah Kementerian ini sedar dan kalau sedar apakah tindakan selanjutnya oleh Kementerian Buruh?

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Senator itu patut sampaikan soalan itu kepada Kementerian Dalam Negeri oleh kerana perkara ini memang di bawah pengawasan pihak Polis dan bukan Kementerian Buruh. Walau bagaimanapun, saya sendiri pun pernah dengar khabar-khabar angin itu. Dengan itu saya harap jika ada bukti-bukti, Ahli Yang Berhormat patutlah melaporkan kepada pihak Polis, bukan kepada Kementerian Buruh.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal tenaga kerja di negara ini, perkara ini dibangkitkan secara ketara dalam Pelan Induk Perindustrian kita dan banyak disebutkan dalam bab yang berkenaan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Kita juga dengar berlakunya kurang dipadankan antara kelayakan dan peluang pekerjaan di antara lulusan di

peringkat institusi pengajian tinggi, berlakunya pengangguran di kalangan mereka di peringkat rendah dan kemudian itu ditubuhkan suatu Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji tentang soal pengangguran dan ditubuhkan Pasukan Petugas di peringkat-peringkat Negeri dan diselaraskan di peringkat Pusat, tetapi sehingga kini saya belum lagi dapat membaca ataupun melihat sama ada pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat berusaha untuk melihat perkara ini dalam jangka masa panjang, bukan sekadar untuk mengatasi masalah pengangguran semasa di peringkat yang tinggi ataupun di peringkat yang rendah.

Jadi soalan saya ialah bilakah pihak Kementerian sekurang-kurangnya memulakan usaha untuk menyediakan satu pelan induk untuk tenaga rakyat di negara ini sama ada dari segi latihan mengikut keperluan yang dikehendaki oleh negara ini pada 20 tahun yang akan datang. Jadi, saya rasa Kementerian ini telah pun sedia wujud untuk beberapa lama dan tiba masanya untuk sekurang-kurangnya kita mempunyai satu "master plan on manpower planning", dengan izin, untuk negara ini.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah pun menjawab soalan seperti itu beberapa hari dahulu. Memangnya Kementerian saya sedar perkara ini dan pada masa sekarang Kabinet telah pun meluluskan satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh untuk mencari jalan mengadakan satu program ataupun satu pelan induk untuk gunatenaga buruh pada masa yang akan datang.

PROJEK TURNKEY BAGI KONTRAKTOR BUMIPUTERA

10. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada

Kementeriannya telah mengambil langkah yang tegas dan berkesan bagi memastikan kontraktor-kontraktor bumiputera mendapat kerja-kerja seperti yang diperuntukkan di dalam projek-projek turnkey. Jika ada, apakah langkah-langkah itu.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang ada mengambil langkah yang sewajarnya supaya kontraktor-kontraktor bumiputera diberi kerja oleh kontraktor-kontraktor yang mendapat tawaran projek turnkey seperti yang diperuntukkan di dalam dokumen tawaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat yang dinyatakan dalam tawaran adalah meminta kontraktor utama untuk menyediakan kerja sekurang-kurangnya 30% daripada nilai kontrak kepada kontraktor bumiputera.

Satu daripada langkah yang diambil bagi memastikan kontraktor mendapat kerja adalah meminta kontraktor utama itu menyenaraikan kerja-kerja yang akan diberi kepada kontraktor-kontraktor bumiputera dengan mengiklankan kerja-kerja itu melalui akhbar-akhbar.

Sebuah Jawatankuasa yang terdiri daripada agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan akan menyelaras pemilihan kontraktor-kontraktor bumiputera yang layak berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dan keupayaan menjalankan kerja yang diberi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk soal jawab mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 52 adalah diberi di bawah ini).

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA— BANTUAN

11. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Perdana Menteri menyatakan usaha-usaha yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia bagi membantu pasangan yang mengalami kesukaran untuk mendapat cahayamata dan juga menolong mereka yang mandul.

Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed: Di antara usaha-usaha yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara ialah:

- (i) Menubuhkan Pusat Kepakaran dan Reproduksi Manusia untuk menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan, kajian dan rawatan dalam bidang reproduksi manusia, iaitu termasuklah pengurusan kesuburan dan rawatan kemandulan; sebanyak 4 buah Pusat Kepakaran akan diadakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima iaitu di Ipoh, Johor Bahru, Kota Bharu dan Pulau Pinang;
- (ii) Menyelia dan membahagi-bahagikan buku kecil/panduan mengenai kesuburan dan kemandulan serta perkhidmatan-perkhidmatan Lembaga kepada orang ramai.

INDUSTRI BRITISH DI MALAYSIA

12. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan Industri British yang masih wujud dalam Malaysia dan berapakah jumlah ekuiti yang dimiliki oleh British.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Untuk makluman Yang Berhormat mengikut perangkaan MIDA, terdapat 161 syarikat-syarikat yang terdapat penyertaan ekuiti oleh pelabur-pelabur British di negara ini setakat 31hb Disember, 1984. Jumlah ekuiti yang dimiliki oleh British di dalam syarikat-syarikat tersebut bernilai \$699 juta.

RUMAH SAKIT BESAR SEREMBAN—BANGUNAN BARU

13. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan akan diambil untuk dipermaju atau diperindahkan tanah yang dikosongkan oleh rumah sakit besar Seremban bila ia dipindah ke tapak baru beberapa tahun yang lalu.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Memang terdapat projek-projek yang telah dirancang oleh Kementerian Kesihatan untuk membangunkan semula tapak Hospital Seremban lama yang telah dikosongkan itu secara berperingkat. Ini termasuklah membina bangunan-bangunan baru bagi beberapa program-program kesihatan yang tertentu. Walau bagaimanapun, beberapa bangunan lama yang masih kukuh akan dikekalkan.

Dari segi memperindahkan kawasan itu, Kementerian Kesihatan akan merobohkan bangunan-bangunan lama yang tidak boleh diperbaiki lagi dan mencantikkan kawasan itu dengan menanamkan pokok-pokok yang rendang. Ini akan dimulakan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

PENGGANAS KOMUNIS BERSENJATA

14. Tuan Harun bin Hassan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan terakhir saki baki pengganas

komunis bersenjata yang dapat dikesan di seluruh negara dan menyatakan kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Buat masa ini dianggarkan seramai 262 orang pengganas komunis yang masih bergerak di seluruh negara khususnya di negeri Perak, Pahang, Kelantan, Selangor dan Sarawak. Pada keseluruhannya kegiatan pengganas ini adalah terkawal dan Pasukan Keselamatan sentiasa mengadakan operasi untuk memburu yang menyebabkan mereka terpaksa meneruskan perjuangan mereka di kawasan pedalaman. Pasukan Keselamatan kita masih lagi meneruskan gerakan untuk menghapuskan saki baki pengganas dengan kerjasama dari pihak awam.

ALAT AMARAN HAD LAJU—PEMASANGAN

15. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejak Pemasangan Amaran Had Laju dikuatkuasakan berapa jumlah bilangan kereta-kereta yang diwajibkan telah memasang alat tersebut dan apakah tindakan yang telah dan akan dibuat kepada tuan-tuan punya kenderaan yang tidak lagi memasang alat amaran had laju itu.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Sejak penguatkuasaan pemasangan Alat Amaran Had Laju dikuatkuasakan pada 1 Januari 1986 sebanyak 56,000 buah kenderaan berat 4,500 kg dan ke atas yang diwajibkan telah pun memasang alat amaran had laju. Bagi kenderaan-kenderaan yang belum memasang alat amaran had laju dan yang dapat dikesan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Trafik, tindakan undang-undang akan diambil terhadap tuan-tuan punya kenderaan

berkenaan. Sehingga masa ini sebanyak 287 kes tidak memasang Alat Amaran Had Laju telah dapat dikesan dan tindakan Mahkamah telah dan sedang diambil ke atas tuan-tuan punya kenderaan tersebut.

BANTUAN KEPADA BALU/ JANDA/ANAK YATIM

16. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan apakah bentuk bantuan dan pertolongan yang telah diperuntukkan kepada balu-balu dan anak-anak yatim dan juga ibu-ibu muda yang tidak bersuami dan terbiar kerana mereka inilah yang berhak mendapatkan bantuan Kerajaan.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Bantuan yang diberikan kepada balu, janda dan anak-anak yatim oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat adalah sebanyak \$2.85 juta untuk seramai 6,288 orang balu dan seramai 16,830 orang kanak-kanak dalam tahun 1985. Bantuan ini meningkat kepada \$3.06 juta bagi tahun 1986.

Selain daripada bantuan kewangan, bantuan yang berupa latihan seperti urusan rumahtangga, jahit-menjahit dan perusahaan kecil juga diadakan bagi mereka yang berkeupayaan supaya dengan latihan itu balu-balu tersebut dapat mencari pekerjaan atau menjalankan sesuatu usaha seterusnya. Bagi kanak-kanak pula, Kementerian Kebajikan Masyarakat menitikberatkan kepada persekolahan mereka dan bantuan seperti pakaian sekolah, tambang bas, wang saku, yuran asrama dan bayaran peperiksaan juga diberi supaya dengan bantuan-bantuan tersebut mereka dapat belajar tanpa apa-apa masalah kewangan dan seterusnya mencapai kejayaan di bidang pelajaran masing-masing.

Kerajaan, khususnya Kementerian Kebajikan Masyarakat sentiasa mengkaji berbagai kemudahan yang disediakan bagi golongan sasaran ini supaya keperluan mereka dapat dipenuhi.

TEKSI DI BANDARAYA PULAU PINANG— PENGUNAAN METER

17. Tuan Haji Shuaib bin Lazim minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak, semua teksi di Bandaraya Pulau Pinang enggan menggunakan meter dan enggan mengambil penumpang-penumpang di mana-mana dikehendaki, seperti yang diamalkan oleh teksi-teksi di Bandar Kuala Lumpur. Jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil bagi mengatasi keadaan ini.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Kementerian Pengangkutan sedar bahawa ada teksi-teksi di Bandaraya Pulau Pinang yang enggan menggunakan meter teksi dan tidak mahu mengambil penumpang-penumpang di mana-mana dikehendaki.

Di Bandaraya Pulau Pinang, saya difahamkan orang ramai membayar tambang teksi mengikut rundingan dengan pemandu-pemandu dan biasanya bayarannya rendah sedikit dari kadar tambang mengikut kiraan meter teksi. Cara begini tidak menjadi kesalahan selagi tambang yang dikenakan itu tidak melebihi dari kadar tambang yang telah ditetapkan oleh Kerajaan mengikut kiraan meter teksi. Walau bagaimanapun, pilihan hendaklah diberikan kepada penumpang sama ada mahu bayar mengikut kiraan meter atau secara rundingan sahaja.

Kementerian Pengangkutan sentiasa mengawasi keadaan teksi di Bandaraya Pulau Pinang supaya orang

ramai tidak ditipu oleh pemandu-pemandu dengan mengenakan bayaran berlebihan yang tidak munasabah.

DAKYAH YANG MENCERCA KERAJAAN DI LUAR NEGERI

18. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Luar menyatakan sama ada Kerajaan sudah mengenalpasti mereka yang menyebarkan dakwah dan mencerca Kerajaan di luar negeri. Apakah tindakan dan langkah yang akan diambil.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj: Kerajaan sudah mengenalpasti bahawa segelintir orang-orang di luar negeri yang cuba untuk memburukkan imej negara kita di luar negeri. Umumnya tuduhan-tuduhan yang menjadi tumpuan mereka setakat ini adalah kebebasan dan hak asasi manusia, yang dikatakan mereka telah tercabul di Malaysia dengan ujudnya undang-undang seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Peraturan-peraturan Perlu (Kes Keselamatan) (Pindaan 1975) (ESCAR).

Golongan yang terlibat dengan kegiatan ini, terutamanya, adalah Amnesty International, yang beribu pejabat di London. Selain dari itu, baru-baru ini, satu cubaan juga telah dibuat oleh seorang anggota Parlimen Eropah, yang berpendirian sosialis, untuk memburukkan negara kita dengan membesar-besarkan isu kebebasan dan hak asasi manusia ini dalam konteks Akta dan Peraturan-peraturan yang disebutkan tadi. Usaha ini telah pun dilaksanakan oleh anggota Parlimen tersebut melalui suatu sidang akhbar yang telah diadakan di Belgium pada 13hb Februari, 1986.

Pendekatan Kementerian Luar Negeri terhadap kegiatan-kegiatan seperti ini ialah berdasarkan perspektif bahawa, pertamanya, tidak

ada sebuah negara pun di dunia ini yang sunyi daripada kritikan-kritikan, baik dari dalam mahupun dari luar negeri, satu-satu negara itu. Keduanya, kadangkala kritikan itu adalah ditimbulkan oleh pihak-pihak, yang sama ada "hard-core" atau yang berlainan ideologi atau nilai hidupnya. Mereka ini menilai sesuatu keadaan berdasarkan ideologi ataupun nilai hidup mereka ataupun masyarakatnya sendiri dan mahupun ukuran tersebut diterapkan pada masyarakat negara-negara lain. Golongan seperti ini tidak akan berpuashati selagi apa yang terdapat di sesuatu negara itu tidak sesuai dengan pandangan dan pegangan mereka.

Bagaimanapun Kementerian Luar Negeri sentiasa meneliti perkembangan-perkembangan mengenai perkara ini serta mengambil sikap tidak melayani secara langsung kegiatan-kegiatan kumpulan ini untuk mengelakkan dari memberi publisiti yang memang diinginkan oleh golongan seperti ini.

Disebaliknya pula, Kementerian Luar Negeri mengambil langkah-langkah tertentu lainnya dalam usaha untuk mengatasi masalah ini. Di antara langkah-langkah ini termasuklah mengaturkan temubual dan dialog para wartawan asing, yang mewakili akhbar-akhbar yang terkemuka di negara mereka, dengan para pemimpin kita bila-bila sahaja ada kesempatan dengan tujuan untuk memberikan gambaran yang jelas dan sebenarnya mengenai apa jua isu berkaitan dengan negara kita yang mungkin menjadi persoalan kepada pihak-pihak tertentu di luar negeri.

Dalam pada itu, usaha untuk memberikan penerangan dan penjelasan mengenai keadaan yang sebenar di negara kita tetap diteruskan sebagai usaha yang berterusan oleh para Duta dan Pesuruhjaya Tinggi kita di luar negeri dalam rangka tugas penting mereka. Adalah juga

diperhatikan bahawa ada pihak-pihak tertentu dari Malaysia sendiri yang telah menjalankan kegiatan-kegiatan, melalui setengah-setengah pelajar-pelajar kita di luar negeri, yang mempunyai kesan yang negatif kepada negara kita.

Beberapa langkah telah pun diambil oleh Kementerian Luar Negeri dalam usaha untuk mengatasi masalah ini. Di antaranya, termasuk mengirinkan akhbar-akhbar tempatan kita kepada pusat-pusat pelajar kita di luar negeri dan mengadakan perjumpaan di antara wakil-wakil Kerajaan kita dengan para pelajar kita tersebut, di samping langkah-langkah lain yang biasanya diusahakan oleh perwakilan-perwakilan kita di luar negeri sendiri, seperti mengadakan perjumpaan di antara pihak mereka dengan pelajar-pelajar kita tadi.

INVITED TENDER DARIPADA KONTRAKTOR

19. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sistem "invited tender" yang dipraktikkan sekarang tidak begitu saksama kerana kontraktor-kontraktor yang dipanggil terdiri daripada yang sudah mempunyai kerja sedangkan yang tidak mempunyai kerja tidak pernah dipanggil.

Dato Zainal Abidin bin Zin: Adalah tidak benar sama sekali dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa kontraktor-kontraktor yang dipanggil untuk menyertai tawaran terhad ("invited tender") terdiri daripada kontraktor-kontraktor yang telah mempunyai kerja dan yang tidak mempunyai kerja, tidak pernah dipanggil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bilangan tawaran yang dipanggil secara terhad adalah kecil,

dan hanya dibuat bagi maksud-maksud tertentu sahaja, seperti berikut:

- (i) projek tersebut perlu dilaksanakan dengan segera yang mana tempoh penyiapannya adalah singkat dan ditetapkan;
- (ii) projek tersebut berkaitan dengan soal-soal keselamatan.

Oleh kerana bilangan tawaran terhad adalah sedikit dan projek tersebut perlu disiapkan dengan segera, Kementerian Kerjaraya tidaklah dapat memanggil semua kontraktor yang berdaftar untuk menyertai tawaran berkenaan. Mengikut kriteria-kriteria yang diamalkan sekarang, hanya kontraktor-kontraktor yang benar-benar menunjukkan keupayaan dan kebolehan melaksanakan projek yang lalu dengan memuaskan, dan mutu kerja yang baik serta menawarkan harga yang "competitive" sahaja yang akan dipelawa untuk memasuki tawaran secara terhad, semasa mempelawa tawaran tersebut, dalam keadaan-keadaan tertentu ada juga kontraktor-kontraktor yang sedang menjalankan sesuatu projek akan turut dipelawa. Pelawaan seperti ini dibuat hanyalah semata-mata berdasarkan prestasi kontraktor tersebut di masa-masa yang lalu di mana Kementerian ini mendapati kontraktor berkenaan telah dapat melaksanakan projek yang diperolehinya dengan memuaskan dan memenuhi penentuan-penentuan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kerjaraya.

Walau bagaimanapun, sebelum sesuatu tawaran itu boleh dipanggil secara terhad mengikut peraturan sekarang, Kementerian ini dikehendaki sekurang-kurangnya mengesyorkan 8 kontraktor yang diketahui mempunyai kriteria-kriteria

yang saya sebutkan tadi untuk mengambil bahagian dalam tawaran tersebut.

Keputusan sama ada tawaran itu boleh dipanggil secara terhad akan hanya dapat ditentukan setelah pihak Kementerian Kewangan memberikan kelulusan bahawa pihaknya bersetuju dengan kontraktor-kontraktor yang diperakukan itu.

PENGELUARAN BAHAN MAKANAN

20. Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman minta Menteri Pertanian menyatakan mengenai rancangan untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan di negara ini dengan cara meluaskan penggunaan tanah untuk tujuan tersebut:

- (a) apakah rancangan Kementerian untuk menggunakan tanah yang sedang terbiar sekarang;
- (b) apakah langkah-langkah kerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk membuka tanah baru dengan tujuan pengeluaran makanan secara besar-besaran; dan
- (c) kemungkinan syarikat perladangan yang mengeluarkan bahan-bahan utama dengan cara mengubah sebahagian daripada kegunaan tanahnya kepada pengeluaran makanan.

Tuan Luhah Wan:

- (a) Kementerian memang berusaha untuk memulihkan tanah terbiar terutama sawah padi dengan tanaman yang sesuai. Dalam hal ini Kementerian telah memperkenalkan beberapa kaedah untuk memulihkan tanah terbiar termasuk membangun kawasan secara berkelompok sama ada

diuruskan oleh Pertubuhan-pertubuhan Peladang, Kumpulan Tani, dan Syarikat Swasta.

Sehingga kini lebih daripada 20,000 hektar tanah sawah terbiar telah dipulihkan terutamanya dengan tanaman padi. Bagi pembangunan di masa akan datang, selain daripada padi, tanah-tanah sawah terbiar tersebut akan dimajukan dengan tanaman-tanaman lain yang sesuai seperti koko, kelapa sawit, buah-buahan, tembakau dan sayur-sayuran.

(b) Semua Kerajaan-kerajaan Negeri pada dasarnya telah memberi kerjasama yang amat baik ke atas usaha Kerajaan untuk mempergiatkan pengeluaran tanaman makanan, koko dan kelapa sawit. Mengenai tanah, di antara langkah-langkah kerjasama yang diharapkan daripada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri ialah seperti berikut:

- (i) membenarkan pihak-pihak yang berminat untuk membangun dan memajukan kawasan-kawasan bekas lombong untuk tujuan pertanian;
- (ii) memberi pertimbangan sewajarnya kepada permohonan-permohonan pihak swasta untuk mendapat tanah-tanah Kerajaan Negeri bagi dimajukan dengan tanaman makanan. Tanaman-tanaman dalam kategori ini pada amnya tidak memerlukan saiz yang besar; dan

(iii) membantu pihak-pihak yang terlibat dalam menentu dan mengesan pemilik-pemilik tanah terbiar sama ada untuk mendapat persetujuan atau penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti pertanian yang akan dijalankan.

(c) Kementerian difahamkan bahawa ada beberapa syarikat perladangan yang sedang mengkaji kemungkinan menggunakan sebahagian tanah-tanah mereka untuk tanaman makanan secara komersial.

PENDATANG HARAM YANG DIUSIR

21. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pendatang haram yang telah diusir keluar daripada Malaysia semenjak tahun 1981 dan nyatakan negeri-negeri asal mereka.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Dari tahun 1981 hingga 31hb Disember, 1985 seramai 49,563 pendatang haram yang telah memasuki negara ini telah diusir Pecahan mereka mengikut taraf kewarganegaraan masing-masing adalah seperti berikut:

1. Amerika	2
2. Bangladesh	476
3. Burma	2,606
4. Britain	3
5. Filipina	6
6. Indonesia	29,256
7. India	328
8. Kampuchea	115
9. Nepal	12
10. Pakistan	243
11. Singapura	171
12. Sri Lanka	46
13. Taiwan	12

14. Thailand	15,948
15. Vietnam	12
16. Lain-lain	327
	<hr/>
	49,563
	<hr/>

PILI BOMBA JENIS LAMA

22. Tuan Kuan Peng Soon minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar banyak pili-pili bomba jenis lama tidak mengeluarkan air dalam masa kecemasan dan apa langkah sudah diambil untuk mengatasi masalah ini.

Dato S. Subramaniam: Kementerian saya sememangnya sedar bahawa terdapat banyak pili-pili bomba jenis lama. Walau bagaimanapun, ianya masih berfungsi dengan baik sungguhpun ada kalanya tekanan air agak rendah. Kesemuanya sebanyak 51,542 buah pili bomba terdapat di seluruh negara. Jabatan ini sentiasa menjalankan pemeriksaan dan pengujian ke atas semua pili bomba dan ianya mempunyai perhubungan rapat dengan Jabatan Kerja Air bagi memastikan kesemua pili-pili bomba adalah dalam keadaan yang baik. Adalah menjadi tanggungjawab Jabatan Bomba saya untuk memastikan semua pili-pili bomba berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan apabila berlakunya kebakaran. Di samping itu, saya bersukacita kiranya orang awam dapat memberikan kerjasama mereka supaya tidak merosakkan pili-pili bomba di tempat masing-masing.

SKIM SUBSIDI PADI KEPADA PETANI

23. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada benar bahawa petani-petani kecil tidak mendapat

faedah daripada skim subsidi yang telah dikenalkan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Adalah tidak benar apa yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Skim subsidi harga padi adalah satu skim sokongan pendapatan kepada semua golongan petani padi di negara ini. Setiap petani yang menjual padi kepada LPN atau wakilnya atau juga ke kilang swasta akan mendapat subsidi ini.

Analisa yang dijalankan menunjukkan bahawa seramai 125,954 orang petani (59%) dari jumlah 212,443 orang petani yang menerima subsidi adalah terdiri dari petani-petani kecil.

PATA—PERUNTUKAN PERSIDANGAN

24. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa banyakkah wang yang diperuntukkan untuk persiapan dan kemudahan bagi Negara menjadi tuan rumah kepada persidangan PATA pada tahun ini. Daripada kunjungan peserta-peserta PATA, berapa pula banyaknya wang yang dijangka dibelanjakan oleh mereka, dan setakat manakah kesan yang akan diperolehi dari jangka pendek dan panjang kepada ekonomi Negara dan industri pelancongan.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah M\$7.716 juta telah diperuntukkan untuk kerja-kerja penggalakkan dan persiapan Persidangan PATA 1986 dan PATA Mart.
2. Adalah dianggarkan sejumlah US\$2 juta atau M\$5 juta akan dibelanjakan oleh para delegasi sepanjang tempoh Pacific Travel Mart dan Persidangan PATA

1986. Ini termasuk perbelanjaan untuk penginapan, pendaftaran, makan minum, cendermata di samping perbelanjaan yang dikeluarkan oleh beberapa negara anggota PATA untuk majlis keraian masing-masing.

3. Kesan yang diperolehi dalam jangka panjang kepada ekonomi negara dan industri pelancongan berhubung dengan penganjuran Persidangan PATA adalah seperti berikut:

- 3.1 Persidangan PATA merupakan satu-satunya Persidangan yang sangat-sangat diminati oleh semua negara pelancongan. Pada biasanya Persidangan PATA dan PATA Travel Mart diadakan di tempat-tempat yang berasingan supaya lebih banyak negara mendapat faedah darinya. Walau bagaimanapun dengan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Malaysia, kita telah berjaya buat pertama kalinya mengadakan tiga aktiviti utama PATA iaitu Persidangan Tahunan PATA, PATA Pacific Travel Mart dan Trade Show di negara ini. Dengan adanya ketiga-tiga aktiviti ini di Malaysia, tumpuan masyarakat pelancongan akan tertumpu ke Malaysia. Di samping itu ia akan menghasilkan publisiti-publisiti baik mengenai negara ini di pasaran-pasaran pelancongan terkemuka di luar negeri. Imej negara sebagai destinasi pelancongan dan pusat konvensyen akan menjadi lebih baik.

- 3.2 Mengikut jangkaan, Persidangan PATA 1986 dan Pacific Travel Mart akan dihadiri oleh kira-kira seramai 2,400 para delegasi termasuk wakil-wakil syarikat penerbangan, pengusaha-pengusaha pelancongan antarabangsa, hotel-hotel dan lain-lain pertubuhan pelancongan yang bergerak cergas dalam industri pelancongan di rantau Pasifik. Kehadiran mereka itu di Malaysia dalam tempoh yang sama dengan secara tidak langsung akan memberi peluang kepada negara untuk:

- 3.2.1. menonjolkan segala tarikan-tarikan dan potensi negara ini sebagai sebuah destinasi pelancongan dan pusat konvensyen di rantau ini; dan

- 3.2.2. lebih menyakinkan mereka itu mengenai kemampuan, kebolehan dan keupayaan Malaysia dari segi menampung kemasukan lebih ramai pelancong dan peserta-peserta konvensyen ke negara ini.

- 3.3 Seperti yang saya sebutkan tadi, Persidangan PATA '86 akan juga meliputi satu aktiviti penting iaitu PATA Pacific Travel Mart yang

akan diadakan mulai 9-12 April 1986. Aktiviti-aktiviti ini adalah berupa satu pasaran perniagaan pelancongan di mana kira-kira 230 pengusaha-pengusaha pelancongan yang termuka dari seluruh dunia telah pun dijemput sebagai "pembeli". Kehadiran pembeli-pembeli tersebut di Malaysia akan memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha pelancongan dan hotel tempatan bagi mengadakan perundingan dan perjanjian perniagaan dengan mereka itu.

3.4 Sesuatu Persidangan PATA biasanya akan juga dihadiri oleh pemberita-pemberita, penulis-penulis dan sebagainya yang bertanggungjawab bagi membuat liputan mengenai segala aspek perbincangan dan penganjuran persidangan. Bagi Persidangan PATA 86, seramai 80 orang pemberita dan penulis-penulis dari luar negeri akan datang bagi membuat liputan sedemikian. Ini dengan sendirinya akan meluaskan lagi publisiti mengenai negara ini. Pada kesimpulannya matlamat negara dari segi penganjuran persidangan ini ialah untuk menimbulkkan dan meningkatkan kesedaran khususnya di kalangan para delegasi mengenai potensi Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan dan konvensyen di rantau ini. Kesedaran sedemikian

diharapkan akan dapat menghasilkan kedatangan lebih ramai pelancong ke Malaysia dan meningkatkan lagi tahap kemajuan industri pelancongan negara seterusnya.

PENGGANAS KOMUNIS— ANCAMAN

25. Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah kekuatan, pengaruh dan gerakan Parti Komunis Malaysia:

(a) di kawasan Lebuh raya Timur Barat; dan

(b) di kawasan sempadan Thai.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Ancaman pengganas komunis di Semenanjung Malaysia adalah berpunca dari Parti Komunis Malaya dan Parti Komunis Malaysia yang berpangkalan di Selatan Thai yang mana keanggotaannya adalah seramai 2069 orang. Pertubuhan-pertubuhan ini bagaimanapun tidak mempunyai sebarang unit tempatan (resident unit) di negara kita tetapi ada di antaranya telah berjaya menyusup masuk, dan bergerak dalam kumpulan-kumpulan kecil di negeri Perak, Kelantan dan Pahang. Pasukan keselamatan kita masih meneruskan operasi untuk menghalang penyusupan masuk pengganas-pengganas ini dan juga menghapuskan saki baki pengganas di negara ini yang masih meneruskan perjuangan mereka yang sia-sia itu.

Berhubung dengan masalah keselamatan di Lebuh raya Timur Barat, sukalah saya menerangkan bahawa buat masa ini tidak terdapat sebarang unit pengganas tempatan yang bergerak di kawasan Lebuh raya Timur-Barat. Bagaimanapun terdapat juga anasir-anasir yang dikenali sebagai kumpulan lintas sempadan

yang bergiat di kawasan berhampiran dengan lebuh raya tersebut yang menjalankan kegiatan merisik perkembangan projek-projek keselamatan di Sempadan dan membekalkan makanan kepada pengganas di negeri Kelantan dan Perak.

Pada keseluruhannya keadaan keselamatan di Lebuh raya Timurbarat dan di kawasan Sempadan Malaysia/Thai adalah terkawal. Pasukan Keselamatan sentiasa mengawasi keselamatan kawasan-kawasan ini dan berkemampuan untuk menghadapi sebarang ancaman dari pihak musuh.

KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA

26. Puan Hajjah Azizah Mohd. Said minta Perdana Menteri menyatakan sebilangan para ekonomi berpendapat pertumbuhan ekonomi Malaysia akan menurun ke tahap pertumbuhan kosong atau "zero growth" pada bulan Jun ini dan akan menurun kepada pertumbuhan negatif, dan Malaysia dikatakan terlalu bergantung kepada pasaran antarabangsa, seperti, bijih timah, kayu-kayan, getah, minyak kelapa sawit dan sebagainya. Sebilangan ahli ekonomi pula tidak bersetuju dengan anggapan tersebut, kerana Malaysia mempunyai rakyat melebihi 16 juta orang dan adalah menjadi Dasar Kerajaan untuk membesarkan bilangan penduduk 70 juta. Negara ini masih boleh memperolehi hasil melalui pasaran tempatan tanpa bergantung kepada pasaran antarabangsa. Bilakah pihak Kementerian akan melaksanakan projek-projek besar-besaran seperti pembinaan rumah-rumah kos rendah, menggalakkan rakyat, jabatan dan agensi Kerajaan menggunakan barangan buatan Malaysia secara positif dan penggunaan tanah-tanah terbiar untuk tanaman dan ternakan.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Kadar pertumbuhan ekonomi negara adalah dikira berasaskan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang mengira prestasi ekonomi dari segi jumlah barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan di dalam Malaysia dalam satu tempoh masa. Di dalam ramalan baru, ekonomi negara adalah dianggar bertumbuh pada kadar 3.3% dalam tahun 1986 ini. Walau bagaimanapun sukar bagi kita untuk membandingkan ramalan ini dengan ramalan-ramalan yang dibuat oleh ahli-ahli ekonomi yang dirujuk oleh Yang Berhormat oleh kerana kita tidak memahami asas-asas ramalan ini.

Memang benar prestasi ekonomi negara banyak dipengaruhi oleh pergolakan harga barangan utama di pasaran antarabangsa kerana sebahagian besar pendapatan negara adalah bergantung kepada eksport barangan utama seperti getah, timah, kelapa sawit dan petroleum mentah. Oleh kerana kesedaran inilah Kerajaan berusaha untuk mempelbagaikan lagi ekonomi Malaysia dengan adanya Pelan Induk Perindustrian (Industrial Master Plan).

Dasar Kerajaan untuk menambah bilangan penduduk kepada 70 juta dalam jangka panjang adalah juga bertujuan untuk membesarkan pasaran tempatan bagi keluaran-keluaran Malaysia dan seterusnya mengurangkan pergantungan kepada pasaran antarabangsa.

Berhubung dengan pembinaan rumah kos rendah Kerajaan telah mencadangkan pembinaan sebanyak 80,000 unit setahun bermula tahun ini hingga 1988. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima pula 495,000 unit rumah kos rendah akan dibina. 120,900 unit akan dilaksanakan oleh sektor awam dan baki sebanyak 374,100 unit oleh sektor swasta.

Untuk tanah-tanah terbiar, Kerajaan-kerajaan Negeri telah digesa supaya mengambil langkah-langkah perlu untuk melaksanakan dengan segera penggunaan tanah-tanah terbiar bagi maksud tanaman-tanaman berpotensi dan "cash crops" seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan untuk ternakan dan ternakan air.

Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia seperti Yang Berhormat maklum telah pun dilancarkan setahun yang lepas. Kerajaan juga telah mengeluarkan arahan kepada agensi-agensi Kerajaan supaya membeli barangan tempatan dan menggunakan perkhidmatan perkapalan dan kapal terbang tempatan untuk keperluan mereka.

LEBUHRAYA BUKIT KAYU HITAM—KOS PEMBINAAN

27. Tuan Bee Yang Sek minta Menteri Kerjaya menyatakan:

- (a) bilakah lebuhraya yang menghubungi Bukit Kayu Hitam di Changloon dan bandar Sungai Petani (Kedah) akan siap dibina;
- (b) sebagaimana yang difahamkan bahagian Lebuhraya itu antara Bukit Kayu Hitam dan Gurun sedang dibina tetapi bahagian dari Gurun ke Sungai Petani belum lagi dimulakan;
 - (i) apakah faktor-faktor yang menyekatkan kemajuan (progress) pembinaan bahagian Lebuhraya ini;
 - (ii) apakah jumlah kos pembinaan Lebuhraya dari Bukit Kayu Hitam ke Sungai Petani; dan
 - (iii) bilakah dianggarkan Lebuhraya itu akan disiap untuk dibuka kepada pengguna-pengguna awam.

Dato Zainal Abidin bin Zin:

(a) Lebuhraya Bukit Kayu Hitam ke Sungai Petani dibahagikan kepada beberapa bahagian Lebuhraya, iaitu bahagian dari Bukit Kayu Hitam-Jitra yang telah pun siap pembinaannya dan telah dibuka kepada awam pada tahun 1985, manakala bahagian dari Jitra-Alor Star dijangka siap pada akhir bulan April ini dan bahagian dari Alor Star-Gurun dijangka akan siap pada bulan Ogos 1986. Bahagian Lebuhraya dari Gurun ke Sungai Petani pula akan dilaksanakan di bawah skim penswastaaan Lebuhraya Utara-Selatan yang mana telah pun diiklankan baru-baru ini di akhbar-akhbar dan dijangka mengambil masa 4½ tahun untuk melaksanakan.

- (b) (i) Pembinaan bahagian Lebuhraya dari Gurun ke Sungai Petani belum lagi dimulakan kerana pihak Kerajaan menghadapi masalah kekurangan wang, untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menswastakan sebagai satu "Package" di dalam penswastaaan Lebuhraya Utara-Selatan.
- (ii) Anggaran Kos Lebuhraya dari Bukit Kayu Hitam ke Sungai Petani adalah dianggarkan berjumlah lebihkurang \$550 juta.
- (iii) Lebuhraya Gurun-Sungai Petani dijangka dapat dibuka kepada awam pada tahun 1990 yang aman pembinaannya akan memakan masa lebih kurang 4 tahun.

PEKERJAAN KEPADA BURUH ASING

28. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Buruh menyatakan langkah-langkah positif yang telah diambil bagi menghalang kemasukan tenaga-tenaga buruh secara haram ke negara ini.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Adalah menjadi satu kesalahan bagi seseorang warganegara asing untuk memasuki negara ini secara haram atau secara sah bekerja di negara ini tanpa Pas Kerja.

Adalah menjadi kesalahan juga bagi penduduk negara ini untuk memberi perlindungan atau bersubahat bagi melindungi warganegara asing yang melakukan pekerjaan yang saya maksudkan tadi.

Kementerian Dalam Negeri telah dan akan terus mengambil tindakan tegas dengan cara menangkap dan mengusir mana-mana warganegara asing yang melakukan kesalahan bekerja secara haram di negara ini ke negara asal mereka apabila dikesan.

Di samping tindakan Kementerian Dalam Negeri adalah menjadi tanggungjawab rakyat negara ini untuk menyampaikan maklumat kepada Jabatan Imigresen dan Polis mengenai warganegara asing yang disyaki bekerja secara haram di negara ini bagi membolehkan pihak Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan tegas ke atas pihak yang terlibat mengikut undang-undang yang berkuatkuasa sekarang. Usaha gijih Kementerian Dalam Negeri jika digembeling dengan kerjasama orang ramai sudah pasti akan menghalang kemasukan serta dapat memutuskan pengambilan pekerja asing secara haram oleh majikan tempatan.

TELEFON YANG DIPOTONG— SUNGUTAN

29. Dato G. Pasamanickam minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kerajaan sedar atas sungutan kebanyakan pelanggan telefon yang dikenakan \$50.00 tanpa diberitahu untuk menyambung semula perkhidmatan telefon apabila diputuskan kerana kelewatan bayaran bil-bil.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Kerajaan sedar bahawa ada pelanggan-pelanggan yang telefonnya telah dipotong bersungut apabila mereka dikenakan kadar bayaran baru sebanyak \$50.00 untuk menyambung semula telefon mereka. Kadar bayaran baru ini yang telah pun diumumkan di dalam akhbar-akhbar tempatan pada 16 Julai 1985 dikenakan secara automatik apabila penyambungan semula telefon dilakukan. Dengan hal yang demikian soal memberitahu mereka mengenai bayaran tersebut tidaklah timbul lagi.

PATA—PUBLISITI PERSIDANGAN

30. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk memberi publisiti yang hebat untuk pengetahuan orang ramai mengenai Persidangan PATA yang akan diadakan dalam bulan April tahun ini.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banyak aktiviti publisiti telah dijalankan sejak hujung tahun 1985. Berjenis-jenis aktiviti publisiti dijalankan secara terusan hingga ke sekarang.

Lagu "Kenali Malaysia Cintai Malaysia" disiarkan melalui radio dan treler "To Know Malaysia is To Love

Malaysia” disiarkan melalui siaran TV Malaysia dan TV3. Selain dari itu, filem-filem treler mengenai kebersihan, keindahan Malaysia dan sopan susila sedang disiarkan melalui semua rangkaian TV. Hebahan mengenai PATA dengan menggunakan “slide” juga disiarkan melalui TV dan Panggung Wayang.

Radio Malaysia telah pun melancarkan beberapa rancangan khas bersempena dengan Persidangan PATA, di antara “Beautiful Malaysia Special” dan “KUIZ RMIK”.

Dalam bidang Media Percetakan (Print Media) pula poster Kenali Malaysia Cintai Malaysia telah diedarkan untuk dipamerkan di tempat-tempat tumpuan ramai seperti perhatian bas dan sebagainya.

Surat-surat khabar tempatan telah mengadakan ruangan khas sempena Persidangan PATA untuk menyiarkan berita-berita mengenai Persidangan ini. Beberapa surat khabar sudah pun dan akan terus mengeluarkan rencana-rencana khas yang ada kaitan dengan PATA dan industri pelancongan di Malaysia. Dalam beberapa akhbar tempatan juga terdapat “Count Down” dan cogankata untuk memperingati tarikh persidangan PATA.

Kursus-kursus khas telah diberi kepada pemandu-pemandu teksi, pegawai-pegawai Kastam, Polis, pegawai-pegawai Imigresen dan pekerja-pekerja di Lapangan Terbang untuk menerangkan kepentingan Persidangan PATA.

Papan-papan tanda mengenai PATA telah pun dipamerkan di beberapa tempat yang tertentu di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Yang Berhormat Mulia, Menteri sendiri telah menyertai dalam rancangan TV. “Hal Ehwal Semasa” untuk menerangkan semua aspek persediaan Persidangan PATA.

Pendek kata publisiti tempatan yang telah dibuat mengenai Persidangan PATA ini adalah mencukupi.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI—PINDAAN

31. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula serta membuat pindaan-pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1979.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sedang mengkaji seksyen-seksyen tertentu dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti. Cadangan mengenai perkara tersebut telah dikemukakan kepada pihak tertentu di semua Institusi Pengajian Tinggi untuk sama-sama mengkaji dan memberi pandangan mereka mengenai pindaan yang dicadangkan.

TEMPAT LETAK KERETA DI STESEN KERETAPI

32. Tuan Tay Chee King minta Menteri Pengangkutan menerangkan adakah tempat letak kereta di seluruh stesen keretapi negara telah diswastakan dan dikenakan bayaran.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu telah pun menswastakan pengurusan tempat letak keretanya di stesen-stesen keretapi yang berikut:

1. Stesen Keretapi Butterworth
2. Stesen Keretapi Bukit Mertajam
3. Stesen Keretapi Ipoh
4. Stesen Keretapi Kuala Lumpur
5. Stesen Keretapi Klang

6. Stesen Keretapi Seremban
7. Stesen Keretapi Kluang
8. Stesen Keretapi Johor Bahru
9. Stesen Keretapi Singapura

Proses penswastaan tempat letak kereta ini adalah melalui panggilan tawaran dan salah satu syarat di dalam tawaran tersebut adalah bahawa seseorang penender tidak boleh mengenakan bayaran lebih dari 50 sen bagi sesebuah kereta dalam tempoh sejam.

PENGELUAR BARANGAN UTAMA

33. Puan Mazidah binti Haji Zakaria minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan peranan secara tradisional yang dimainkan oleh Malaysia dalam mengetuai usaha-usaha menyelesaikan isu-isu barangan utama di peringkat antarabangsa, apakah usaha-usaha yang sedang diambil oleh Malaysia dalam mendapatkan pengeluar-pengeluar barangan utama di dunia untuk mengatasi cabaran-cabaran besar dan masalah-masalah yang dihadapi oleh barangan-barangan utama seperti getah asli, bijih timah, kelapa sawit dan balak.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Soalan ini dari segi "substance", adalah serupa dengan soalan terdahulu di mana Ahli Yang Berhormat telah bertanyakan mengenai strategi yang diambil untuk mendapatkan kerjasama ASEAN dan negara-negara pengeluar barangan utama yang lain bagi mengatasi cabaran-cabaran dan masalah-masalah yang dihadapi oleh barangan utama. Oleh kerana jawapan kepada soalan tersebut telah diberikan secara "detail" dan menyeluruh, maka saya tidak bercadang mengulangi perkara-perkara yang telah disebutkan terdahulu, terutamanya mengenai dayausaha Persatuan Negara-negara

Pengeluar Timah (ATPC) dan Persatuan-persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) dalam mengatasi cabaran serta masalah di bidang barangan utama.

Seterusnya, ingin dimaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Perusahaan Utama akan menganjurkan dua seminar mengenai barangan utama dalam tahun ini, satu di peringkat nasional yang akan diadakan pada 21hb April hingga 24hb April 1986 dan satu lagi di peringkat antarabangsa iaitu pada 21hb Julai hingga 24hb Julai 1986. Seminar-seminar tersebut diadakan sempena keadaan "surplus syndrome" ini, yang memberi kesan negatif terhadap negara-negara pengeluar barangan utama. Dengan itu, tujuan-tujuan utama mengadakan seminar-seminar tersebut adalah untuk mendapatkan pandangan serta pendapat daripada kalangan pihak-pihak kerajaan, industri, perdagangan dan ahli-ahli akademik terhadap masalah penurunan harga barangan utama dan kesannya, pendekatan serta strategi untuk mengatasi cabaran kemerosotan harga, dan seterusnya seminar-seminar tersebut juga akan mengkaji secara mendalam isu-isu melibatkan pengeluaran, pemerosesan, pemasaran dan penggunaan barangan utama.

TELEFON KECEMASAN DI JAMBATAN PULAU PINANG

34. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memasang semula telefon dan alat pemadam api di Jambatan Pulau Pinang untuk kemudahan awam dan untuk mengelakkan dari diambil oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Adakah Kerajaan bercadang untuk membina beberapa buah pondok kawalan di sepanjang Jambatan Pulau Pinang di masa hadapan ini.

Dato Zainal Abidin bin Zin: Kementerian saya memang bercadang untuk memasangkan semula telefon-telefon kecemasan dan alat pemadam api yang telah dirosakkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab di sepanjang Jambatan Pulau Pinang. Buat masa ini Lembaga Lebuhraya sedang dalam proses mengadakan sejenis telefon yang tidak memerlukan gagang untuk mengelakkan daripada dirosakkan oleh pengguna-pengguna yang tidak bertanggungjawab itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pondok-pondok kawalan tidak perlu dibina di Jambatan Pulau Pinang kerana satu Unit Penguatkuasaan Lebuhraya sedang menjalankan kawalan yang rapi ke atas harta-harta Kerajaan dengan menjalankan rondaan yang berkesan di sepanjang jambatan itu, semenjak ianya ditubuhkan awal tahun ini.

LALULINTAS DI LEBUHRAYA KUALA LUMPUR—KELANG

35. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lalulintas di Lebuhraya Kuala Lumpur—Kelang sentiasa berada di dalam keadaan penuh sesak. Jika sedar nyatakan tindakan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah "traffic jam" ini.

Dato Zainal Abidin bin Zin: Kementerian saya memang sedar berlakunya kesesakan lalulintas di Lebuhraya Kuala Lumpur—Kelang dan mengikut kajian, jalan itu telah melebihi keupayaan untuk menampung jumlah kenderaan yang bertambah dari semasa ke semasa dengan cepatnya. Kementerian saya berpendapat bahawa kesesakan di jalan ini tidak dapat di atasi secara langkah jangka pendek. Oleh itu satu tindakan jangka panjang untuk mengatasi masalah tersebut telah dirancang, iaitu dengan

membesarkan jalan Kuala Lumpur—Kelang yang sedia ada kepada 6 lorong dan membina lebuhraya baru Lembah Kelang, yang mana kedua-dua ini telah pun dimasukkan di dalam satu "package" penswastan Lebuhraya Utara Selatan yang telah diiklankan pada 24 Februari 1986. Pelaksanaan package penswastan ini dijangka akan bermula pada Oktober 1986 dan dijangka siap dalam tahun 1990. Dengan terlaksananya lebuhraya baru Lembah Kelang ini termasuk pembesaran jalan Kuala Lumpur—Kelang yang sedia ada, saya yakin masalah kesesakan lalulintas di Lebuhraya Kuala Lumpur—Kelang akan dapat diatasi.

PENDATANG HARAM VIETNAM—SEKATAN

36. Puan Ainon Ariffin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh mana pelaksanaan yang telah dibuat bagi rancangan mengatasi:

- (a) menghantar pendatang-pendatang haram Vietnam ke negara-negara ketiga, dengan jangka segera; dan
- (b) menyekat kemasukan pendatang-pendatang haram yang baru kerana kedua-duanya membebaskan negara.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Kerajaan sentiasa berusaha untuk mendesak negara-negara ketiga baik secara langsung ataupun terus Suruhanjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu bagi orang-orang pelarian (UNHCR) memindahkan Pendatang Haram Vietnam dengan lebih ramai dan lebih segera. Selain daripada itu Kerajaan juga telah membuat rayuan kepada negara-negara lain seperti Eropah Barat untuk memikul bersama beban antarabangsa ini dengan mengambil lebih ramai lagi Pendatang Haram Vietnam dari Malaysia. Setakat ini pemindahan Pendatang Haram Vietnam ke negara-negara

ketiga berjalan lancar dan memuaskan. Namun demikian baki yang masih berada di negara ini berjumlah di dalam lingkungan 8,000 orang.

Kerajaan masih terus menerima kemasukan Pendatang Haram Vietnam dan tinggal di negara ini buat sementara waktu kerana negara-negara ketiga masih meneruskan pengambilan mereka.

DAGING LEMBU/KAMBING— PENGELUARAN

37. Tuan A. Shaik Dawood minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian beliau mempunyai langkah-langkah tertentu supaya pengeluaran tempatan daging ternakan terutamanya daging lembu dan kambing dapat menampung keperluan negara.

Tuan Luhut Wan: Kementerian Pertanian akan terus berusaha meningkatkan pengeluaran daging lembu dan kambing biri-biri ke paras yang mencukupi melalui strategi dan program-programnya. Salah satu masalah utama dalam pengeluaran ternakan sedemikian adalah ketiadaan tanah khusus untuk penternakan. Perkara ini telah dapat diatasi melalui beberapa penemuan baru, terutamanya dalam teknik peternakan.

Penghasilan daging lembu sedang diusahakan secara "feedlot" (atau menternak secara berkandang) dengan menggunakan hampas isorong palma (PKC). Peternakan biri-biri pula sedang dilaksanakan secara bersepadu dengan ladang getah atau kelapa sawit. Satu jawatankuasa penyelaras integrasi ternakan telah ditubuhkan di Kementerian.

Kedua-dua konsep peternakan ini, sama ada tidak memerlukan kawasan yang luas ataupun menggunakan

kawasan pertanian yang sedia ada, mempunyai potential yang amat meluas, dan dijangka berkeupayaan untuk menghasilkan daging secukupnya untuk permintaan dalam negeri, malahan berlebihan untuk dieksport.

Pihak sektor swasta dan agensi-agensi Kerajaan juga telah menunjukkan minat yang amat menggalakkan, terutamanya dalam usaha untuk menambahkan daya pengeluaran, mengwujudkan harga yang kompetitif dan infrastruktur pasaran terhadap daging lembu dan kambing. Di samping itu teknologi dan kepakaran sudah pun wujud di negara ini untuk memenuhi segala keperluan industri daging dalam keadaan semasa.

PROTON SAGA—JUALAN

38. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Perdana Menteri menyatakan sehingga akhir Februari 1986 berapa banyak jumlah Proton Saga yang telah dijual kepada orang ramai, dalam dan luar negeri. Bila Kerajaan akan mengarahkan semua kenderaan Kerajaan yang sesuai menggunakan Proton Saga, untuk menggantikan kenderaan Kerajaan yang sudah sepatutnya lupus dan dikondemkan.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Saya telah menjawab pertanyaan ini bersama dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat Tuan A. Shaik Dawood pada 15 April 1986. Saya tidak mempunyai apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

PENDAPATAN PEKERJA- PEKERJA LADANG

39. Dato' Dr K. S. Nijhar minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pendapatan pekerja-pekerja ladang telah merosot semenjak bulan-bulan kebelakangan

ini akibat kemelesetan, dan sekiranya sedar, adakah beliau akan menimbang untuk memberi bantuan yang efektif kepada penduduk-penduduk estet dengan cara mengwujudkan punca pendapatan yang baru melalui ternakan dan tanaman sayur-sayuran dan juga menyatakan adakah diwujudkan rancangan jangka panjang di bawah yunit baru di Kementerian Pertanian bagi tujuan ini dengan memberikan subsidi dan juga khidmat nasihat.

Tuan Luhah Wan: Sebenarnya perkara yang dibangkitkan bukanlah di bawah bidang tugas Kementerian Pertanian. Namun demikian dalam konteks kemelesetan ekonomi yang dihadapi sekarang dan kesannya ke atas pendapatan pekerja-pekerja ladang maka pihak Kementerian bersedia memberi bantuan khidmat nasihat yang diperlukan oleh pekerja ladang yang berminat untuk mencebur diri dalam kegiatan ternakan dan tanaman kontan.

IMPORT DAGING DAN SUSU

40. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerannya untuk mengurangkan jumlah import hasil-hasil ternakan seperti daging dan susu yang begitu tinggi.

Tuan Luhah Wan: Strategi yang sedang dan akan diamalkan oleh Kementerian Pertanian terhadap kedua-dua bahan ternakan berkenaan ialah mempergiatkan pengeluaran tempatan, dan mengawal pengimportan bahan-bahan tersebut.

a. Daging

Langkah-langkah yang telah diambil:

- (i) Memberhentikan sama sekali pengimportan lembu kerbau hidup untuk sembelihan.

- (ii) Mengurangkan pengimportan daging beku atau daging sejuk sekadar 15%. Kuota ini telah dikuatkuasakan mulai 1hb Januari 1986 dan ianya akan dinaikkan ke 30% pada 1hb Mei ini.

- (iii) Serentak dengan di atas, pengeluaran daging melalui sumber tempatan telah dipergiatkan, terutamanya melalui mini "feedlot" atau ternakan secara berkandang. Feedlot ini, sama ada yang besar atau kecil, mempunyai potensial untuk menghasilkan kesemua permintaan dalam negeri, malah juga untuk dieksport.

- (iv) Memperbanyak dan memperbaiki mutu bibit pembiak, sepertimana yang sedang dilaksanakan di seluruh negara, serta meningkatkan tahap pengeluaran bilangan bibit tersebut dari ladang-ladang pembiakan swasta, kerajaan dan petani-petani.

- (v) Menyampaikan segala perkhidmatan pentadbiran, teknikal dan kawal selia supaya industri pengeluaran daging tempatan dapat membangun lebih pesat lagi.

b. Susu

Langkah-langkah yang sedang diambil:

- (i) Menggalakkan pengeluaran susu segar oleh

penternak-penternak tempatan. Program bermula dari tahun 1974, dan diperkembangkan secara berperingkat-peringkat. Sehingga sekarang 40 buah pusat-pusat pengumpulan susu ditubuhkan, yang mengendalikannya 9 juta liter susu pada 1985. Jumlah pengeluaran susu segera dalam negara adalah 20 juta liter.

- (ii) Memberhentikan pengimportan susu cecair dari luar negeri, berkuatkuasa dari 1hb Julai 1985.
- (iii) Menggalakkan pemprosesan dan penggunaan susu segar oleh kilang-kilang susu yang sedia ada, serta menggalakkan penubuhan kilang-kilang baru yang berasaskan kepada pemprosesan susu segar.

c. *Bahan-bahan lain* (Daging ayam, telur dan daging khinzir). Negara ini dapat menghasilkan 100% keperluan dalam negara.

HARGA RUMAH—MENURUNKAN

41. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan iaitu tidakkah Kerajaan bercadang meminta pihak pemaju-pemaju perumahan di negara ini supaya dapat menurunkan harga rumah mereka beberapa peratus mengikut peringkat yang berpatutan sebab memandangkan keadaan ekonomi negara meleset, supaya membolehkan dan kemampuan orang yang berpendapatan rendah membelinya.

Dato S. Subramaniam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengharapkan pemaju-pemaju perumahan supaya menurunkan harga rumah dengan tujuan untuk membolehkan lebih ramai lagi rakyat dalam golongan berpendapatan rendah membeli rumah.

Di bawah program khas perumahan kos rendah yang melibatkan pembinaan 80,000 unit rumah setahun bagi tempoh 1986-1988 umpamanya, kerajaan telah dan sedang mengambil langkah yang sesuai bertujuan untuk mengurangkan kos pembinaan rumah kos rendah. Berhubung dengan langkah-langkah ini, Yang Berhormat Menteri telah memaklumkan Dewan Yang Mulia ini pada 15-4-1986.

LEMBAGA PENGELOLA BERNAMA—LANTIKAN

42. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Penerangan menyebutkan orang-orang yang dilantik ke dalam Lembaga jika ada di:

- (a) Jabatan Penyiaran
- (b) Filem Negara
- (c) Jabatan Penerangan Malaysia; dan
- (d) BERNAMA

dan tarikh perlantikan serta tempoh perlantikan mereka.

Menteri Penerangan (Dato' Rais Yatim): Jabatan Penyiaran, Filem Negara dan Jabatan Penerangan tidak mempunyai sebarang Lembaga.

Hanya BERNAMA mempunyai Lembaga Pengelola dengan keahlian seperti berikut:

<i>Pengerusi—</i>	<i>Tarikh Lantikan</i>
Datuk Dr Mokhzani bin Abdul Rahim	22-6-83—21-6-86
<i>Ahli-ahli Tetap—</i>	
<i>(a) Mewakili Kerajaan</i>	
Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan	22-6-83—21-6-86
Ketua Pengarah Penyiaran	22-6-83—21-6-86
Ketua Pengarah Penerangan	22-6-83—21-6-86
Timbalan Ketua Setiausaha I Kementerian Luar Negeri	22-6-83—21-6-86
Timbalan Pengarah Belanjawan Perbendaharaan Malaysia	22-6-83—21-6-86
Ketua Kajian Sebaran Am ITM	22-6-83—21-6-86
<i>(b) Mewakili Akhbar</i>	
Zainuddin Maidin	22-6-83—21-6-86
Dr Munir Majid	10-1-84—21-6-86
Toh Ching Kiong	22-6-83—21-6-86
C. Vadamalai	22-6-83—21-6-86
Lim Toong Kwong	23-4-84—21-6-86
Melvin Okala	29-12-83—21-6-86
<i>Ahli-ahli Gilir—</i>	
<i>(a) Mewakili Kerajaan</i>	
Setiausaha Bahagian (Kementerian Penerangan)	22-6-83—21-6-86
Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran (Rancangan)	22-6-83—21-6-86
Timbalan Ketua Pengarah Penerangan	22-6-83—21-6-86
Pengarah Bahagian Penerangan Luar, Kementerian Luar Negeri	27-6-83—21-6-86
Penolong Pengarah Belanjawan Perbendaharaan Malaysia	22-6-83—21-6-86

Pegawai Per-
hubungan Awam 22-6-83—21-6-86
Kanan ITM

Ahli-ahli Gilir—

(b) Mewakili Akhbar

Ali Salim 22-6-83—21-6-86
Ahmad Sebi Abu Bakar 5-3-84—21-6-86
Chu Chee Chuan 22-6-83—21-6-86
S. Periasamy 22-6-83—21-6-86
Ho Sai Kong 22-6-83—21-6-86
Lau Hui Siong 22-6-83—21-6-86

FELDA—PENEROKA MENENTANG KERAJAAN

43. Tuan Harun bin Hasan minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menjelaskan tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap para peneroka FELDA yang menentang Kerajaan dan menimbulkan perpecahan serta nyatakan bilangan mereka yang terlibat dalam kegiatan itu dan berapa orangkah yang telah disingkir setelah amaran dibuat oleh Menteri kalau belum mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Kerajaan sentiasa mengambil tindakan tegas terhadap peneroka-peneroka FELDA yang melakukan kesalahan bertentangan dengan syarat-syarat penempatan seperti kesalahan-kesalahan jenayah, zina, penyalahgunaan dadah, menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh memecahbelahkan perpaduan masyarakat dan menentang dasar-dasar Kerajaan. Apabila menerima laporan dari rancangan-rancangan berkenaan mengenai peneroka-peneroka yang terlibat dengan kesalahan-kesalahan tersebut, siasatan dijalankan ke atas peneroka-peneroka yang terlibat dan sekiranya terdapat bukti-bukti yang nyata mengenai

kesalahan-kesalahan yang dilaporkan, notis dikeluarkan kepada mereka untuk memberi peluang kepada yang berkenaan menyatakan sebab-sebab mengapa mereka tidak seharusnya disingkir dari rancangan. Setelah diterima jawapan daripada mereka yang berkenaan, kes-kes mereka dibincangkan dalam Jawatankuasa Tata tertib Peneroka yang di peringkat Ibu Pejabat FELDA. Apabila didapati sabit kesalahan mereka dan alasan-alasan yang diberikan dalam jawapan kepada notis yang dihantarkan kepada mereka itu tidak memberi sebab-sebab yang boleh diterima, Perintah Penyingkiran akan dikeluarkan.

Sehingga ini seramai 155 orang peneroka telah diambil tindakan penyingkiran kerana melakukan kesalahan-kesalahan jenayah, zina, penyalahgunaan dadah, menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh memecahbelahkan perpaduan masyarakat dan menentang dasar-dasar Kerajaan.

Sehingga akhir tahun 1985, jumlah peneroka-peneroka yang telah disingkir dan dibuang dari rancangan FELDA kerana bersabit dengan berbagai kesalahan adalah seramai 3,915 orang seperti berikut:

<i>Sebab Penyingkiran</i>	<i>Jumlah</i>
1. Menyelewangkan Hasil	12
2. Zina	10
3. Rogol	3
4. Mencuri	12
5. Dadah	14
6. Kerja Tetap di luar Rancangan	5
7. Rompak Bersenjata . .	5
8. Menceroboh Rumah Peneroka	2
9. Memukul Kakitangan . .	2
10. Meninggalkan Rancangan Dengan Kehendak Sendiri	3,760
11. Lain-lain Kes	84
JUMLAH	3,915

BANTUAN KEPADA PERTUBUHAN KEBAJIKAN SUKARELA

44. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bantuan Kerajaan kepada Pertubuhan-pertubuhan Kebajikan Masyarakat seperti "Pure Life" dan Rumah Anak-anak Yatim adalah tidak mencukupi dan kini Pertubuhan-pertubuhan seperti ini sedang menghadapi kesempitan wang.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Kementerian Kebajikan Masyarakat memang sedar bahawa bantuan yang diberikan kepada Pertubuhan-pertubuhan Kebajikan Sukarela seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah kurang dari keperluan sebenarnya. Akan tetapi, pihak Kerajaan tidak berkeupayaan untuk membiayai seratus peratus keperluan kewangan semua pertubuhan sukarela.

Bantuan yang diberikan buat masa ini adalah khusus untuk membiayai perbelanjaan makanan para penghuni yang berada di bawah jagaan pertubuhan-pertubuhan berkenaan. Adalah diharapkan bahawa Pertubuhan-pertubuhan Sukarela tidak seharusnya bergantung kepada bantuan Kerajaan semata-mata. Mereka perlu juga mengadakan pelbagai usaha untuk mengumpul wang bagi membiayai aktiviti atau projek yang dikendalikan oleh masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pemberian bantuan kewangan kepada pertubuhan kebajikan sukarela bergantung kepada tiga faktor utama iaitu:

- (a) khidmat yang diberikan;
- (b) kadar yang ditetapkan; dan
- (c) peruntukan yang ada.

PROTON SAGA—PASARAN TEMPATAN

45. Tuan Haji Shuaib bin Lazim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah Proton Saga telah dapat menembusi pasaran tempatan dan menyatakan kesan-kesan buruk, jika ada yang dihadapi oleh pengedar-pengedar kereta jenis lain semenjak Proton Saga berada di pasaran.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Statistik dapat menunjukkan bahawa kejudahan Proton Saga telah berjaya menembusi pasaran tempatan. Ini dapat ditunjukkan sehingga 31hb Januari 1986 jumlah keseluruhan jualan Proton Saga ialah kira-kira 10,000 unit dan meningkat pada bulan Februari 1986, kepada kira-kira 12,000 unit. Sambutan dan sokongan rakyat terhadap Proton Saga yang menggalakkan seperti yang terbukti dari angka di atas adalah mencapai matlamat seperti yang dirancangan.

Kejayaan Proton Saga di pasaran tempatan adalah disebabkan oleh sambutan orang ramai terhadapnya memandangkan mutu dan harga jualannya yang berpatutan. Adalah diharapkan supaya bantuan dan sokongan ini akan berterusan dan makin bertambah.

Walau bagaimanapun, pengujudan Proton Saga sedikit sebanyak menjejaskan syarikat-syarikat pemasangan dan pengedar-pengedar kereta lainnya. Keadaan seperti ini tidak dapat dielakkan dan terpaksa dihadapi. Keadaan ini dapat dianalisa melalui statistik pengeluaran kereta penumpang pemasangan tempatan dalam tempoh masa 3 tahun yang lain seperti berikut:

Tahun 1983	100,226 unit
Tahun 1984	96,214 unit
Tahun 1985 (Tidak termasuk Proton Saga)	61,162 unit

Namun begitu kemerosotan pengeluaran kereta-kereta penumpang pemasangan tempatan bukanlah hanya disebabkan oleh kejudahan Proton Saga sahaja. Daripada Statistik di atas adalah didapati pengeluaran kereta penumpang telah merosot sejak tahun 1984 lagi iaitu sebelum Proton Saga dikeluarkan pada bulan September, 1985. Kemerosotan ini adalah disebabkan juga oleh faktor-faktor lain seperti kemelesetan ekonomi di samping peningkatan kadar pertukaran mata wang asing.

LETUPAN BOM/RUSUHAN DI SABAH

46. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah orang-orang yang terlibat di dalam kejadian-kejadian letupan bom dan rusuhan di negeri Sabah baru-baru ini dan nyatakan tindakan kerajaan terhadap mereka.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 2hb April, 1986, jumlah orang yang ditangkap berhubung dengan kejadian-kejadian tersebut ialah seramai 3,012 orang. Dari jumlah tersebut, seramai 1,170 orang telah dibebaskan sementara 1,842 orang masih ditahan untuk siasatan lanjut.

IKLAN ROKOK DI KAD POSKOD

47. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa beribu-ribu kad poskod yang mengandungi iklan rokok telah dihantar oleh Jabatan Perkhidmatan Pos.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Jabatan Perkhidmatan Pos telah pun menghantar satu poskad kepada tiap-tiap penghuni rumah di dalam negara

bagi memaklumkan kepada setiap penghuni rumah tentang nombor poskodnya.

Langkah publisiti ini dibiayai oleh tiga syarikat pembuat rokok selaras dengan cara iklan-iklan yang dikeluarkan di televisyen untuk memperkenalkan pakaian, barang-barang kemas dan juga tempat penginapan semasa cuti.

GURU-GURU MENGIKUT KAUM

48. Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan guru-guru B1 dan B2 mengikut kaum Melayu, Cina dan India; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil supaya guru-guru B1 dan B2 dapat menikmati tanggagaji yang lebih baik memandangkan perkhidmatan mereka begitu lama.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Bilangan guru B1 dan B2 mengikut kaum adalah seperti berikut:

	Kategori Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
B1	7,538	3,746	905	61	12,250
B2	445	121	45	—	611

Guru-guru B1 dan B2 diberi peluang menikmati tanggagaji yang lebih baik melalui Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Bil. 1 Tahun 1980. Melalui Pekeliling ini guru-guru B1 yang telah berkhidmat selama 10 tahun boleh memohon untuk lantikan ke Kategori C2 dengan syarat mempunyai kepujian Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

Ini merupakan satu kelonggaran yang istimewa kerana mereka dibenarkan mengambil Bahasa Malaysia sebagai satu matapelajaran

sahaja dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada bila-bila masa walau pun mereka tidak memiliki Sijil Rendah Pelajaran. Tambahan pula, urusan perlantikan ke Kategori C2 merupakan urusan berterusan (on going exercise) tanpa menunggu iklan pengambilan guru disiarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Guru-guru B1 dan B2 yang mempunyai kepujian Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia ini boleh memohon kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran bila-bila masa untuk lantikan ke Kategori C2.

Saya juga ingin menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran sentiasa menggalakkan guru-guru melanjutkan pelajaran untuk mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka.

LATIHAN SAMBIL BELAJAR BAGI PEGAWAI KUMPULAN "A"

49. Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said minta Menteri Kewangan menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai program Latihan Sambil Belajar di negara maju bagi pegawai-pegawai Kanan dalam Kumpulan "A" di Jabatan Kastam dan Cukai Pendapatan yang akan membolehkan para pegawai tersebut mempelajari teknologi moden mengenai Kastam dan Pencukaaian yang semakin rumit dan sofistikated.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja dan Jabatan Hasil Dalam Negeri masing-masing ada mempunyai Program Latihan Sambil Belajar di negara maju bagi pegawai-pegawai kanannya dalam kumpulan "A" Bagi Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, kursus-kursus yang biasa diikuti adalah berkaitan dengan teknologi terbaru dalam bidang perkastaman dan lain-lain bidang yang ditadbirkan oleh

Jabatan berkenaan, manakala bagi Jabatan Hasil Dalam Negeri pula bidang kursusnya adalah berhubung dengan penaksiran, penyiasatan dan pengauditan cukai pendapatan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, di masa akan datang pegawai-pegawai dalam Kumpulan ini akan terus dihantar untuk menjalani kursus yang serupa bagi melengkapkan diri mereka dengan teknologi moden mengenai kastam dan pencukaian yang semakin rumit dan sofiskated.

LEBUHRAYA—PERBELANJAAN KEROSAKAN

50. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Kerjaraya menyatakan sebab-sebab utama Lebuhraya-lebuhraya yang telah dibina selalu rosak dan nyatakan jumlah perbelanjaan sehingga sekarang bagi memperbaiki kerosakan-kerosakan di Lebuhraya.

Dato Zainal Abidin bin Zin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan lebuhraya-lebuhraya adalah dibina secara berperingkat-peringkat kerana kekurangan peruntukan untuk membinanya sekali gus. Lebuhraya-lebuhraya yang telah siap dibina itu dirancang untuk diperkuatkan lagi dengan satu lapisan atas di masa-masa akan datang apabila peruntukan diperolehi. Tetapi malangnya, keadaan permukaan jalan itu telah terjejas oleh bilangan kenderaan yang bertambah dengan cepatnya dalam masa yang singkat selepas ianya dibuka kepada lalulintas. Sebahagian besar lalulintas itu adalah terdiri daripada kenderaan-kenderaan yang bermuatan lebih yang mana telah menambahkan lagi kerosakan lebuhraya.

Sebab-sebab lain yang mengakibatkan kerosakan lebuhraya-lebuhraya adalah kerana kurangnya

perparitan di permukaan dan di bawah tanah dan juga keadaan lereng-lereng bukit yang dipotong adalah curam, yang mana apabila hujan turun dengan lebat telah menyebabkan berlaku hakisan yang teruk pada permukaan tanah mengakibatkan berlakunya kerosakan permukaan jalan dan juga tanah runtuh. Perkara ini memang diambil kira semasa pembinaan lebuhraya tetapi oleh kerana kekurangan peruntukan dan di samping untuk mempercepatkan lagi proses pembangunan, Kementerian saya mengambil tindakan membina lebuhraya itu dengan sekadar peruntukan yang ada.

Buat masa ini Kementerian saya telah pun mengambil tindakan ke atas lebuhraya-lebuhraya yang rosak yang mana sehingga ini enam batang lebuhraya yang mengalami kerosakan telah dan sedang dibaiki. Perbelanjaan membaiki lebuhraya-lebuhraya itu sehingga sekarang adalah seperti berikut:

1. Kuala Lumpur—Karak	\$46 juta
2. Kuala Lumpur—Seremban	\$21 juta
3. Timur-Barat	\$120 juta
4. Jerangau—Jabor	\$6 juta
5. Kuantan—Segamat	\$6 juta
6. Bahau—Keratog	\$14 juta
Jumlah	<u>\$213 juta</u>

JAMBATAN PULAU PINANG— BAYARAN BALIK PERBELANJAAN

51. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Jambatan Pulau Pinang telah menelan beratus-ratus juta ringgit dan bolehkah beliau menjelaskan sama ada perbelanjaan yang begitu besar ini dapat dikutip balik melalui tol-tol bayar seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian beliau.

Dato Zainal Abidin bin Zin: Kerajaan memang sedar bahawa Jambatan Pulau Pinang telah menelan belanja yang besar iaitu \$850 juta. Dengan kadar tol yang ada sekarang, perbelanjaan yang besar itu boleh dibayar balik melalui pengutipan tol, tetapi akan memakan masa yang panjang.

Berdasarkan kepada kiraan terhadap jumlah pungutan tol dari sejak ia dibuka sehingga kini, didapati jangka masa yang diperlukan untuk membayar pinjaman adalah selama 88 tahun.

MAJALAH LUCAH

52. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan masih terdapat majalah-majalah lucuh apakah tindakan Kerajaan untuk mengesan penjual-penjual dan pengimport-pengimport majalah-majalah tersebut.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang ke atas penerbitan yang lucuh dengan cara mengharamkan pengimportan, pengeluaran, penjualan pagedaran, pemilikan atau penyimpanannya. Kementerian juga telah dan akan mengambil tindakan untuk mendakwa di Mahkamah mana-mana orang yang melanggar perintah pengharaman ini.

Kemasukan, penjualan dan pagedaran penerbitan-penerbitan lucuh dilakukan secara tersembunyi oleh orang-orang yang terlibat kerana perbuatan ini adalah menyalahi undang-undang. Justeru itu Kementerian Dalam Negeri memerlukan maklumat dari orang ramai mengenai kegiatan ini untuk membolehkannya mengambil tindakan ke atas orang-orang yang disyaki terlibat.

Berdasarkan kepada maklumat yang diterima dari orang ramai, Kementerian Dalam Negeri, bersama dengan pihak polis, sentiasa membuat pemeriksaan-pemeriksaan mengejut ke atas kedai-kedai buku untuk mengesan penjual-penjual dan pengimport-pengimport penerbitan lucuh ini. Sekiranya terdapat mana-mana kedai menyimpan atau menjual majalah tersebut, penerbitan itu dirampas dan penjual atau pengimport akan didakwa ke mahkamah.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KELIMA 1986-1990

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semua perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat, bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama, iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan; meluluskan dan menyetujui Rancangan Malaysia Kelima yang telah dirangka untuk menyesuaikan dan menumpukan dasar-dasar dan program-program bagi mengekalkan perkembangan sosio-ekonomi dan menjamin kestabilan ekonomi dalam jangka panjang serta meneruskan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bilangan 15/86. Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kelima ini, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi serta melengkapkan diri mereka

untuk menghadapi cabaran sosio-ekonomi dan politik yang lebih besar selaras dengan hasrat Rukunegara dan bersatu padu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh. (15hb April, 1986).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sepatutnya hari ini Menteri-menteri akan mula menjawab kepada teguran-teguran dan pandangan-pandangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat atas Rancangan Malaysia Kelima. Oleh kerana masa terlalu singkat dan kita hanya ada dua hari untuk membahaskan 17 Rang Undang-undang mulai hari esok. Walau bagaimanapun dengan persetujuan Menteri-menteri dan untuk menentukan supaya seberapa ramai Ahli-ahli hendak bercakap dapat peluang mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Saya hendakkan 15 minit untuk seorang Ahli bercakap sampai pukul 4.30 petang dan sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King menyambung ucapan beliau, dari itu 4 Ahli-ahli beredaran, yang mulanya Yang Berhormat Tuan D. P. Vijandran tidak ada di sini, Yang Berhormat Tuan Tan Chang Soong, Yang Berhormat Lt. Kol (B) Abdul Hamid bin Ibrahim dan selepas itu Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said.

Saya meminta maaf oleh kerana tidak dapat menerima lagi ucapan-ucapan yang lain, dari itu saya persilakan Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King menyambungkan ucapan beliau.

3.37 ptg.

Tuan Tiong Hiew King: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk menyambung ucapan saya pada hari semalam dalam membahaskan Rancangan Malaysia Kelima ini.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat pelajaran adalah menyediakan tenaga manusia yang berpengetahuan akademik, yang tinggi atau berkemahiran di bidang sains dan teknologi bagi bersama-sama memajukan ekonomi negara di samping mempertingkatkan taraf hidup rakyat kita, maka pelajaran adalah sangat penting baik bagi negara dari segi perancangan ekonomi negara mahupun untuk perseorangan dari segi meningkatkan taraf hidup mereka masing-masing. Oleh yang demikian, saya hendak bercadang agar rakyat kita diberi kebebasan untuk mendirikan sekolah-sekolah rendah, menengah serta universiti-universiti aliran bahasa Cina atau Tamil asalkan mengikut sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran sepertimana yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita sanjungi. Langkah itu akan mengurangkan beban Kerajaan kita dalam penyediaan kemudahan pelajaran dan juga akan menolong menyediakan tenaga manusia yang dikehendaki dalam proses pembangunan nasional, "kill two birds with one stone". Bukankah langkah itu langkah yang dapat dilakukan?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak juga menyentuh tentang peruntukan-peruntukan yang akan disediakan untuk negeri Sarawak bagi tempoh 5 tahun yang akan datang, di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Negeri Sarawak adalah sebuah negeri terbesar dalam Malaysia, memang tidak dapat dinafikan bahawa beberapa tahun ke belakangan ini negeri Sarawak di bawah pimpinan Barisan Nasional telah berkembang dan maju dengan pesat. Walau bagaimanapun, Sarawak masih banyak ketinggalan di pelbagai bidang berbanding dengan negeri-negeri lainnya di Semenanjung.

Saya dapat tahu dalam Rancangan Malaysia Kelima sebanyak \$4,126,611,000 akan disediakan bagi perbelanjaan pembangunan negeri Sarawak sedangkan hanya sejumlah \$60,300 juta disediakan untuk negeri-negeri Semenanjung. Kerajaan kita dapat cadang memperuntukkan sejumlah fund yang begitu besar bagi perbelanjaan pembangunan negeri-negeri, memang bukan mudah bagi Kerajaan kita, memandangkan harga-harga barang-barangan utama terus menurun dan pendapatan dari cukai-cukai juga akan terus berkurangan, tetapi saya adalah seorang warganegara Malaysia dari negeri Sarawak yang mengetahui keadaan sebenarnya di negeri saya.

Saya ingin melihat negeri Sarawak dapat maju sepesatnya seperti negeri-negeri lain. Menurut bahan-bahan yang ada kadar kemiskinan di negeri Sarawak ialah 32%, ini sangat tinggi berbanding dengan Semenanjung di mana terdapat hanya 18%.

Di bidang pertanian, perkembangannya pun terkebelakang. Kita tahu Rancangan Malaysia Kelima juga menitikberatkan perkembangan pertanian, maka agar rakyat Sarawak terutama orang-orang miskin yang tinggal di desa-desa, di pedalaman, mahupun di pekan-pekan dapat juga benar-benar menikmati hasil usaha Kerajaan kita dalam membasmi kemiskinan.

Saya berharap Kerajaan kita dapat berusaha sedapat-dapatnya menumpukan perhatian lebih kepada pembangunan ekonomi dan sosial di negeri Sarawak dengan menyediakan peruntukan lebih kepada perbelanjaan pembangunan negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh lima tahun yang akan datang ini, Sarawak akan diberi sebanyak \$290 juta bagi perbelanjaan pembangunan di bidang pelajaran dan latihan. Jumlah peruntukan ini tidak mencukupi.

Tadi saya telah menyatakan matlamat pelajaran adalah menyediakan tenaga manusia yang dikehendaki oleh pembangunan ekonomi negara serta menolong mempertingkatkan taraf hidup rakyat kita. Maka dalam usaha menggalakkan pembangunan ekonomi dan sosial dengan lebih berkesan di negeri Sarawak, penyediaan lebih banyak kemudahan-kemudahan pelajaran adalah sangat penting dan tidak boleh diabaikan.

Maka saya berharap ketika kedudukan kewangan Kerajaan kita akan bertambah baik nanti, Kerajaan kita akan dapat mengkaji semula serta menimbang untuk menyediakan peruntukan lebih untuk pembangunan berbagai bidang.

Tuan Yang di-Pertua, satu soal lagi hendak saya sentuh di Dewan yang mulia ini ialah untuk menarik perhatian Kerajaan kita bagi mencegah penyalahgunaan kuasa dalam pengurusan kewangan awam. Satu pengajaran boleh diambil dari skandal BMF ialah Kerajaan kita harus mengenakan satu aturcara kawalan yang ketat terhadap pengurusan wang awam yang diamankan di agensi-agensi Kerajaan. Pegawai-pegawai yang dilantik menjawat berbagai-bagai jawatan di agensi-agensi itu pula haruslah orang-orang yang jujur, setia dan amanah. Dengan begitu saya yakin hal-hal yang tidak diingini itu tidak akan berulang lagi. Inilah harapan saya dan saya sekali lagi menyokong penuh di atas Usul Rancangan Malaysia Kelima. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan D. P. Vijandran. I called your name tadi tetapi rupanya Yang Berhormat tidak hadir. Walau bagaimanapun, saya memberi peluang kepada Yang Berhormat sekarang.

Tuan D. P. Vijandran: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi tolong ringkaskan ucapan.

3.44 ptg.

Tuan D. P. Vijandran: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menyampaikan satu rancangan lima tahun yang menarik kepada kita. Perancangan adalah suatu alat yang penting bagi pembangunan ekonomi. Tetapi cadangan-cadangan dan langkah dalam perancang-perancang dengan sendirinya tidak dapat mengatasi masalah-masalah ekonomi kita.

Untuk menggalakkan pembangunan ekonomi, semangat rakyat hendaklah juga digalakkan. Kita perlu memperkembangkan response atau balasan baru terhadap cabaran-cabaran baru.

Seorang pakar sejarah yang termasyhur "Arnold Thoenbe" pada suatu ketika dahulu pernah mensifatkan bangun atau jatuh sesebuah negara dari segi cabaran dan balasan, dengan izin, "the rise and fall of a nation in terms of challenge and response."

Sebuah negara yang baru menurutnya menghadapi cabaran dan juga mendapat balasan atau response yang begitu berjaya untuk menghadapinya. Kemudian ia membangun dan menjadi makmur. Tetapi lama kelamaan bentuk cabaran itu berubah. Dan sekiranya sebuah negara terus menggunakan balasan yang sama yang pada suatu masa dahulu amat berjaya untuk menghadapi cabaran baru tanpa ragu-ragu lagi ia mula jatuh dan akhir sekali menghadapi kegagalan. Sehingga sekarang kita menikmati segala kesenangan oleh kerana kita mempunyai sumber alam yang banyak serta jumlah penduduk yang kecil dan satu sistem perkhidmatan awam yang berkesan yang kita warisi daripada masa dahulu.

Tetapi perubahan dalam cabaran memang didapati sekarang. Kita menghadapi perubahan sosio ekonomi yang mendalam dan tidak boleh disesuaikan dengan amalan-amalan lama.

Kita memang sedar sumber alam negara adalah terhad. Suatu ketika dahulu kita lebih mendahului pengeluar-pengeluar bahan utama dengan sistem pentadbiran dan organisasi yang baik tetapi jurang yang besar itu kini semakin menjadi sempit.

Kita tidak boleh berpuas hati dengan perubahan ini. Kita ingin menjadi pengeluar bahan-bahan pengguna ala eksport serta sebuah negara perindustrian. Adalah perlu bagi kita memajukan kemahiran entrepreneur atau pengusahaan supaya pengaliran itu akan mendapat kejayaan. Kita boleh berjaya jika kita sedia menggalakkan sikap berpuas hati dengan apa yang sedia ada dan berusaha mewujudkan satu suasana dan struktur yang dapat menyedarkan kita akan potensi pengusahaan yang ada pada kita.

Biarkan saya menyentuh mengenai beberapa aspek yang saya percaya harus diberi perhatian untuk masa depan. Yang pertama adalah Dasar Ekonomi Baru. Nampaknya pada tahun 1990 Dasar Ekonomi Baru akan diganti dengan Dasar Ekonomi Negara. Dalam penggubalan dasar tersebut para perancang haruslah memberi jalan terbuka supaya bidang perusahaan maju dengan sendirinya iaitu oleh orang yang memulakan perniagaan inovasi dengan usahanya sendiri serta berani menanggung risiko pelaburannya. Sampailah masanya untuk kita memberi keutamaan kepada merit sebagai kriteria kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, lesen, permit dan peluang mestilah diberi secara liberal. Umpamanya lesen bagi syarikat kewangan, bank dan syarikat-syarikat insurans. Sekiranya sebuah

syarikat dapat menunaikan segala syarat yang diperlukan permohonan untuk mendapatkan lesen tersebut mestilah diluluskan. Menghadkan pemberian lesen akan mewujudkan satu keadaan monopolistik dan akan menghalang idea-idea baru dan sistem-sistem inovasi. Pengusaha baru dapat mengamalkan teknik-teknik baru tanpa dipaksa menggunakan teknik-teknik ketinggalan zaman. Dalam suasana persaingan seperti itu pengusaha-pengusaha yang sebenar akan maju dan negara akan mendapat faedah daripada sistem dan proses perkhidmatan serta pengeluar yang lebih cekap. Lebih-lebih lagi adalah diharapkan bahawa Dasar Ekonomi Negara akan bertujuan untuk menghapuskan polarisasi kaum dalam bidang perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, tender, kontrak Kerajaan dan sebagainya perlulah diberi berasaskan merit perusahaan dan kebolehan. Saya ingin menyentuh produktiviti persaingan sekarang ataupun competitive productivity.

Pasaran Malaysia adalah kecil dan untuk kita mencapai 70 juta penduduk sebagaimana yang diilhamkan oleh Perdana Menteri kita akan mengambil masa. Dalam masa itu untuk menikmati faedah daripada pengeluaran terbesar, pengeluaran-pengeluar sektor swasta kita hendaklah mengeksport barangan mereka untuk hidup. Jika kita mahu mendapatkan pasaran luar barangan kita hendaklah mempunyai kualiti dan harga bersaing.

Produktiviti pekerja kita nampaknya kurang daripada apa yang terdapat di Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong dan negeri Jepun. Mengapa begini? Apakah para pekerja kita kurang kebolehan? Apakah terdapat kekurangan dalam sistem pelajaran kita? Adakah sebarang kesalahan dalam etika kerja kita? Kita perlu mencari jawapan bagi

semua soalan-soalan ini. Jika produktiviti para pekerja kita adalah kurang daripada pekerja di lain-lain negara, harga barangan kita juga akan tinggi berbanding dengan barangan negara lain, maka tidak boleh bersaing dalam pasaran dunia.

Persaingan yang sihat dapat mendorong produktiviti yang tinggi dan bermutu tetapi kita buat kesilapan dengan mengawal industri-industri kita daripada bersaing. Beberapa industri tempatan diberi perlindungan yang banyak daripada persaingan luar dengan protective tariff (tariff perlindungan) dikenakan oleh Kerajaan. Industri-industri yang mempunyai perlindungan tariff seperti itu yakin bahawa barangnya akan dibeli di dalam negeri kerana harga yang murah. Oleh itu, mereka tidak mahu berusaha lagi baik untuk menurunkan harga mahupun memperbaiki mutu barangan. Protective tariff (tariff perlindungan) pula adalah dalam lingkungan 20% hingga 25%. Saya mencadangkan supaya tariff seperti itu dikurangkan kepada kira-kira 10%. Ini pasti akan membawa kesedaran di kalangan industri-industri yang diberi perlindungan tariff itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya meneruskan dengan sistem sokongan perusahaan (entrepreneurial support system). Kebolehan inovasi adalah amat penting dalam perusahaan moden. Jika kita sentiasa mahu menjadi lebih berinovasi dan berani menghadapi cabaran, maka kita perlulah menjamin supaya kita mempunyai ramai pengusaha dan memberi sistem sokongan dan menyokong daya usaha dan perniagaan mereka. Di Malaysia terdapat 3 jenis pengusaha:

- (a) Pengusaha yang membangun dengan daya usahanya sendiri yang boleh dikatakan, dengan izin, rags to riches.

- (b) Pengusaha yang dicipta oleh Kerajaan,
- (c) Pengusaha pemburu atau innovators yang mempunyai pelajaran tinggi.

Kita perlu menambahkan para pengusaha kategori tiga tersebut. Ini hanya boleh dicapai dengan pengajaran cara-cara kemahiran pengusahakan pada peringkat awal kurikulum sekolah. Kita perlu mengkaji, menekankan pelajaran secara keseluruhannya. Kita tidak boleh terus mengamalkan sistem pelajaran atau art atau seni dan sains umum pada peringkat yang sesuai. Latihan dalam perniagaan asas dan kemahiran pengurusan hendaklah diberi kepada semua penuntut. Malangnya pelajaran perdagangan diajar untuk para pelajar dalam aliran perdagangan yang berada dalam aliran itu kerana tidak mencapai kelulusan yang baik, sama seperti yang berada dalam aliran seni dan sains.

Pada masa dahulu kita pernah menolak pelajaran dalam jurusan perniagaan dan perdagangan. Sekarang sikap itu mestilah berubah. Para pelajar serta ibu-bapa perlu disedarkan bahawa pelajaran dalam jurusan pengurusan dan perdagangan memang berfaedah dan mempunyai taraf kehormatan. Jika ini tidak dibuat, para pelajar yang cerdik tidak akan disalurkan dalam bidang perniagaan untuk menerimanya sebagai bidang kerjaya.

Mengenai inovasi, Tuan Yang di-Pertua, Alfin Thofles, seorang pakar sosiologi yang termasyhur menyatakan bahawa dunia sekarang berada dalam ombak ketiga (third wave) pengaliran sosio-ekonomi. Di negara-negara yang membangun, organisasi-organisasi perniagaan sedang menghadapi perubahan yang lebih luas, yang banyak membawa implikasi atau akibat berfaedah serta yang lebih fundamental atau asas dalam kualiti pengaliran daripada apa yang berlaku

sejak sistem industri moden mula berkembang mulai tahun 1890 hingga tahun 1920. Perubahan-perubahan tersebut muncul dari berbagai sumber iaitu tenaga manusia, corak perdagangan dunia, teknologi khususnya dalam bentuk komputer dan cara-cara moden pengurusan.

Professor Canters dalam bukunya "The Change Master" menyatakan bahawa organisasi-organisasi yang menidakkan akan kemampuan serta skop kuasa tersebut dan mengamalkan perubahan organisasi yang diperlukan, maka mereka boleh hidup dan mencapai kemakmuran. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya baca satu perenggan sahaja dari buku itu:

"Those organisations which recognise the immensity and the scope of these forces and carry out the required organisational changes will probably survive. Many indeed will prosper enormously. Those organisations which either fail to understand the need for the change or inept in their ability to deal with it will fade and fall behind if they survive at all. It is already clear from the record of the past decade that a few farsighted organisations have begun to make the necessary changes. These few are signposts to the future. Others have already failed. They are memorials to the past."

Organisasi-organisasi yang gagal memahami akan keperluan perubahan ia mesti akan jatuh. Rekod-rekod dekad lampau menunjukkan dengan jelas bahawa terdapat sebilangan kecil organisasi yang berpandangan jauh mula membuat perubahan yang diperlukan. Organisasi-organisasi inilah akan berjaya pada masa depan dan yang lain pula gagal.

Respons kita terhadap perubahan-perubahan ini serta pengaliran atau transformasi teknik perniagaan akan menentukan jalan kemajuan ekonomi kita. Para penguasaha yang berjaya

menghadapi cabaran ini adalah yang menguasai seni perubahan dan berjaya menggunakan teknologi baru untuk mendapat pencapaian yang tinggi. Oleh yang demikian, keutamaan hendaklah diberi untuk mengelakkan kebolehan inovasi serta mewujudkan keadaan koporat yang memajukan inovasi.

Tuan Yang di-Pertua, para pengusaha Malaysia mestilah lebih berinovasi, berani berniaga dengan cara moden. Tidak ada sebarang syarikat yang tidak boleh diperbaiki dengan membaiki cara pengeluaran, mengurangkan cara-cara yang memakan lebih belanja, mengubah detail barangan supaya menarik para pengguna mengenalpasti kegunaan yang baik, membaiki kualiti, membaiki perkhidmatan, mengurangkan konflik para pekerja atau memberi motivasi kepada para pekerja.

Kita hidup dalam sebuah negara yang kaya dengan sumber alam. Dahulu kita hidup dengan senang tetapi sekarang nampaknya susah untuk kita memberi kesenangan yang sama itu kepada generasi masa depan. Namun demikian, Kerajaan telah menyedari akan pentingnya peranan sektor swasta dan dalam lingkungan had politiknya telah pun berusaha mewujudkan suasana perusahaan yang menguntungkan. Ia telah memperkenalkan konsep-konsep yang amat diperlukan seperti Malaysia Incorporated dan Penswastaan. Ia juga mementingkan peranan sektor swasta dalam Rancangan Malaysia Kelima ini. Sekarang terpulanglah kepada sektor swasta untuk membuktikan kebolehannya.

Saya percaya kita mempunyai pandangan intelek serta daya usaha untuk menambahkan produktiviti serta mewujudkan inovasi atau pembaharuan yang membolehkan kita

mengambil tempat yang tertentu dengan bangganya di kalangan negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar kita berada dalam satu masa yang buruk dari segi ekonomi. Keadaan sekarang adalah mengecewakan terhadap dua cara bagi rakyat kita menunjukkan reaksi terhadapnya. Satu cara ialah menerima kegagalan dan terus mengerang dan merentap serta berdiam diri tanpa apa-apa aktiviti. Cara yang lain ialah menerima cabaran dalam keadaan yang sedia wujud. Biarlah saya merujuk kepada kata-kata dari Shakespeare, dengan izin:

“Whether it is nobler in the mind to suffer the slings of outrageous fortune or to take arms against the sea of troubles and, by opposing, end them.”

Kita tidak boleh menerima keadaan yang mengecewakan itu dengan rela hati. Kita perlu berjuang. Orang-orang Malaysia mempunyai otak yang cergas, tenaga manusia yang kuat dan pengetahuan untuk membawa kejayaan ekonomi, kita mestilah mengelakkan syak-wasangka dan ketakutan antara kaum dan berjuang demi kesejahteraan ekonomi negara.

Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, para pemimpin dan pakar-pakar hendaklah berhenti mengatakan dengan ulangkali bahawa satu masa yang buruk adalah di hadapan kita dan sebaliknya hendaklah menumpu perhatian untuk menyatukan rakyat kita menjadi satu kuasa ekonomi yang dinamik.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh aspek-aspek—berapa minit lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup 15 minit Yang Berhormat.

Tuan D. P. Vijandran: Saya minta 2 minit lagi untuk mengakhiri ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan D. P. Vijandran: Tuan Yang di-Pertua, akhirnya izinkan saya menyentuh satu isu semasa sebelum saya duduk. Baru-baru ini kita telah mendengar rungutan pihak sektor awam yang menuntut kenaikan gaji. Kita semua memang sedar bahawa dalam keadaan ekonomi negara dan dunia yang meleset ini adalah sukar mendapat pendapatan negara yang lebih banyak lagi. Jangkaan keadaan ekonomi bagi beberapa tahun yang akan datang ini tidaklah akan menyakinkan. Dalam keadaan seperti ini adalah lebih baik jika Kerajaan dapat melaksanakan sesuatu yang boleh meningkatkan semangat kakitangan Kerajaan daripada kenaikan gaji.

Saya ingin memberi suatu cadangan yang bernas dan membina untuk dilaksanakan oleh Kerajaan. Kakitangan sektor awam yang kini bekerja selama 6 hari seminggu boleh dikurangkan kepada 5 hari seminggu. 5 hari bekerja seminggu sebenarnya telah diikuti oleh negara-negara yang lebih maju. Kerajaan tidak perlu bimbang mengenai kehilangan masa bekerja selama setengah hari pada Hari Sabtu kerana ini boleh digantikan pada hari-hari yang lain. Kerajaan boleh menambahkan masa bekerja pada Hari Isnin hingga Jumaat daripada jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang dengan tambahan masa bekerja sebanyak 45 minit bagi tiap-tiap hari. Maka jumlah masa yang hilang adalah hanya satu jam sahaja.

Memandangkan kerja pada Hari Sabtu adalah lebih lembap dan kakitangan-kakitangan sektor awam juga sudah pun berada dalam suasana cuti, dengan izin, holiday mood, maka persoalan produktiviti yang menurun tidak akan wujud. Malahan saya rasa produktiviti pada keseluruhannya di berbagai sektor akan meningkat kerana semangat dan azam baru iaitu bekerja 5 hari seminggu sebenarnya

akan mendorong kakitangan sektor awam untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu ini akan memberi peluang kepada pekerja-pekerja untuk membelanjakan lebih banyak masa dengan anak-anak dan keluarga mereka yang mana akan mewujudkan suatu masyarakat yang lebih berkecimpung dalam ciri-ciri keluarga baik. Pertambahan pula kos pengangkutan dan lain-lain kos yang dialami oleh para pekerja pada Hari Sabtu akan dapat dijimbat dan digunakan dengan lebih cermat khususnya dalam masa kemelesetan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak Kerajaan akan menimbangkan cadangan ini dengan serius demi untuk melaksanakan sesuatu kepada golongan pekerja sektor awam yang masih merungut mengenai kenaikan gaji.

Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi impian saya ialah menjelang tahun 1990 tiap-tiap kaum di negara ini akan merasa puas hati dalam kemajuan dalam negara ini. Untuk melakukannya ini kita mesti bekerjasama sebagai sebuah keluarga. Malaysia masih memberi banyak peluang kepada semua kaum, setiap masyarakat di negara ini perlulah bekerja keras jika perlu bertungkus lumus untuk mencapai objektif, sasaran dan hasrat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Kerajaan juga mestilah memberi perhatian dan penumpuan kepada kehendak-kehendak semua warganegara Malaysia tanpa mengira kaum, agama, pekerjaan atau jantina. Suatu semangat yang menitikberatkan kerjasama yang positif untuk membina sebuah negara Malaysia yang bersatu padu dan makmur perlu diwujudkan sekarang. Semangat mengenyahkan perbezaan yang kecil dan bekerja bersungguh-sungguh untuk kebajikan negara adalah sangat-sangat

diperlukan. Jika kita dapat mewujudkan semangat seperti ini, saya rasa tahun 1990 akan menjadi satu tahun yang sungguh membanggakan semua orang-orang Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Chang Soong.

4.05 ptg.

Tuan Tan Chang Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan usul meluluskan Rancangan Malaysia Kelima, 1986—1990 seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Rancangan Malaysia Kelima merupakan bahagian yang terakhir Rangka Rancangan Jangka Panjang 1971-1990, dengan izin, Outline Perspective Plan yang bertujuan untuk mencapai perpaduan negara. Aspek utama RRJP adalah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk menyusun semula masyarakat serta membasmi kemiskinan. Matlamat dasar ini adalah berasaskan kepada perkembangan ekonomi ataupun kekhawatiran. Di dalam proses pelaksanaannya adalah diharapkan bahawa rakyat Malaysia akan dapat kepuasan daripada satu sistem pengawalan dalam pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat-matlamat suci ini patut diberi sokongan oleh semua rakyat Malaysia tidak kira kaum dan bangsa. Pelaksanaan yang selama 15 tahun ini meliputi satu generasi di mana kita telah menyaksikan beberapa pencapaian serta kemajuan negara. Negara ini telah menyaksikan pelaksanaan Rancangan Malaysia akan tetapi bolehkah kita menyatakan secara jujur bahawa kita akan mencapai matlamat-matlamat kita ke arah perpaduan negara? Soalan ini patut difikirkan.

Seperti Rancangan-rancangan Malaysia yang lain, Rancangan Malaysia Kelima juga merangkumi matlamat-matlamat dan rangka-rangka dasar untuk membolehkan kita mencapai tujuan rancangan ini. Seperti biasa tekanan telah dibuat terhadap matlamat perpaduan negara kita. Rancangan ini juga telah mengambil perhatian, pengalaman yang diperolehi daripada rancangan-rancangan yang telah dilaksanakan terutama sekali dari segi strategi serta usaha-usaha pembangunan dan masalah-masalah yang dialami. Adalah juga ternyata rancangan ini akan mengambil satu pendekatan berbagai penjurusan terhadap perpaduan negara dengan mewujudkan satu suasana sosio ekonomi yang akan membolehkan penyertaan semua kaum dalam proses pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa kita perlu merangka serta menanam nilai-nilai positif serta persefahaman sikap terhadap satu sama lain dalam usaha mewujudkan satu masyarakat yang berbilang kaum yang mementingkan unsur-unsur seperti toleransi, harmoni, bersefahaman, keadilan dan perpaduan. Untuk mencapai matlamat ini, kita memerlukan persefahaman, ciri-ciri kebudayaan berbagai kaum serta berusaha untuk menjadikan persamaan di antara mereka ini sebagai satu mercu mewujudkan keharmonian dan bertoleransi ini. Ini adalah sebagaimana pernah saya tegaskan pada masa-masa yang lampau sebagai dasar dua hala ataupun, dengan izin, doctrine of reciprocity. Dasar ini perlu ditanam serta diamali supaya mengurangkan salah faham di antara berbagai kaum serta mewujudkan satu persamaan di antara mereka. Idea-idea yang seumpama ini tidak boleh dipertikaikan. Akan tetapi kita perlu bertanya sama ada dalam pelaksanaan RRJP pada 15 tahun

yang lampau, kita telah mengambil kira asas-asas ini untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru supaya mencapai matlamat-matlamat yang suci ini. Jika ia, apakah sebabnya timbul pada masa sekarang kekhawatiran terhadap masalah polarisasi kaum.

Begitu juga Rancangan Malaysia Kelima telah membangkitkan beberapa perkara seperti permintaan yang keterlaluan, kepentingan sebelah pihak serta keterlaluan kebudayaan dan agama di antara satu-satu kaum di dalam masyarakat Malaysia ini. Dengan ini jelas ternyata bahawa untuk mencapai perpaduan negara setiap rakyat Malaysia perlu meletakkan kepentingan negara di atas kepentingan perkauman ataupun keturunan. Rancangan Malaysia Kelima juga telah menegaskan bahawa kepentingan sebelah pihak akan mengancam kepentingan jangka panjang negara. Keperluan untuk mengekalkan kestabilan harus menjadi kekhawatiran kepada semua rakyat Malaysia memandangkan bahawa masyarakat kita adalah sebuah negara yang majmuk.

Dasar ini membangkitkan perlunya kita mempersibangkan hak-hak berbagai kaum serta mengurangkan jurang perbezaan di antara keturunan dan agama. Nilai-nilai bertoleransi serta bersefahaman terhadap sensitiviti suku-suku kaum merupakan unsur-unsur yang penting dalam usaha mendirikan negara yang bersatu padu, adil, stabil dan maju.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kelima telah menghuraikan masalah-masalah utama yang dihadapi oleh negara. Akan tetapi Rancangan ini tidak menghuraikan sebab-sebab yang mengakibatkan masalah-masalah yang dikhuatirkan ini. Usaha merangkakan satu negara yang bersatu-padu adalah lebih berat daripada cogankata-cogankata yang membayangkan keadaannya.

Cogankata-cogankata serta percakapan-percakapan perlu dipersamakan dengan tindakan. Kita hendak mengurangkan kepentingan sebelah pihak dan kaum untuk menggalakkan perpaduan negara. Kita hendaklah semua rakyat-rakyat Malaysia ditanamkan dengan kasih sayang dan kebanggaan terhadap negara yang dipimpin oleh Rukunegara yang kita percayai merupakan unsur utama mewujudkan nasionalisma dalam proses merangkakan satu masyarakat Malaysia yang kukuh, penuh dengan kualiti yang positif seperti jayadiri, ketekunan dan keutuhan moral.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat-matlamat ini sudah sememangnya baik. Dengan yang demikian pihak Kerajaan perlu berusaha untuk mencapai matlamat ini. Kalau tidak keraguan dan teguran sudah tentu akan dilemparkan terhadap Kerajaan. Dalam apa-apa yang dilakukan oleh kita, kita perlu menentukan bahawa keraguan tidak timbul. Sebenarnya dasar-dasar yang dirangkakan oleh Kerajaan disokong oleh orang ramai, akan tetapi sama ada dasar-dasar ini dilaksanakan dengan ikhlas adalah satu perkara kekhawatiran kepada kita semua. Kepentingan negara perlu diutamakan. Sekiranya ini merupakan hakikat yang sebenar, sudah tentu pengubalan program-program dan dasar-dasar perlu berasaskan kepada keadilan terhadap semua demi kepentingan negara; sebaliknya pengubalan dasar-dasar tidak patut mengasingkan hak-hak rakyat berdasarkan kepada berlainan keturunan. Ianya perlu keseluruhannya tidak kira kaum dan bangsa. Saya percaya bahawa mereka yang miskin tidak mengira kaum dan bangsa patut diberi pertolongan dan bantuan oleh pihak Kerajaan. Adalah penting bahawa Kerajaan perlu memberi peluang-peluang yang sama kepada semua rakyat-rakyat dan kemiskinan tidak terhad kepada satu golongan rakyat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita faham bahawa dasar Rancangan Malaysia Kelima adalah supaya membahagikan kepentingan-kepentingan kepada semua kaum akan tetapi kita masih dapati perbandingan dibuat berdasarkan kepada perkauman. Kejayaan serta kegagalan masih lagi dihuraikan mengikut kaum. Dengan ini dapatlah pandangan bahawa apa yang dilakukan bercanggah dengan dasar-dasar yang disebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan yang digubalkan dan berdasarkan kepada rakyat tidak kira kaum dan bangsa akan menentukan bahawa mereka yang miskin sudah tentu dapat pertolongan Kerajaan. Soal adakah pendekatan yang diambil ini akan dapat menentukan bahawa Kerajaan tidak akan memberi gambaran bahawa ianya hanya dapat membantu satu golongan rakyat sahaja. Saya percaya bahawa sebaik sahaja Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) tamat pada tahun 1990, Kerajaan perlu mengambil satu pendekatan berbagai-bagai dimensi berdasarkan kepada asas tidak perkauman (non-communal) dalam pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan. Dasar Ekonomi Baru ini yang digunakan sebagai jentera untuk pelaksanaan perlu dikaji semula dan digantikan dengan satu Dasar Ekonomi Negara yang dirangka atas keadilan untuk menghilangkan keraguan di antara semua golongan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga atas kesedaran Kerajaan bahawa matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru hanya dapat dicapai melalui satu pertumbuhan ekonomi yang gigih. Pertumbuhan yang diramalkan dalam tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang adalah 8%. Matlamat pertumbuhan yang begini adalah penting supaya menentukan bahawa rakyat Malaysia

dapat bermanfaat dan terus maju dengan tidak berasa khuatir. Kita telah mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 7% dalam 15 tahun kebelakangan ini. Tempoh di antara tahun 1981 sehingga 1985 hanya dapat mencapai kadar 5.8%. Apa akan terjadi sekiranya kadar pertumbuhan ini jatuh lebih rendah daripada kadar 8% yang diramalkan? Dengan ini kita mungkin hanya dapat mencapai satu kadar pertumbuhan sebanyak 3% untuk sepanjang Rancangan Malaysia Kelima sungguhpun kadar matlamat pertumbuhan telah diramalkan sebanyak 5% dalam proses penyusunan semula masyarakat. Bolehkah kita menentukan bahawa faedah-faedah yang diperolehi boleh dibahagikan dengan saksama tanpa keraguan dan ketakutan mana-mana pihak? Kita tidak boleh merasa puas terhadap janji Kerajaan sahaja bahawa ianya akan berusaha untuk mempertingkatkan kadar pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mengambil satu pendekatan yang realistik dan berani bukan sahaja dalam keadaan ekonomi yang meleset ini bahkan juga untuk sepanjang masa. Saya mengalu-alukan perjanjian Kerajaan bahawa ianya akan membebaskan dasar-dasar ekonomi supaya mewujudkan satu suasana untuk menggalakkan pelaburan sektor swasta. Sekiranya ini adalah tujuan Kerajaan maka kita perlu mengambil langkah-langkah yang sesuai supaya mewujudkan suasana pelaburan ini memandangkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kelima, sektor swasta akan memainkan satu peranan pertumbuhan ekonomi yang utama. Kebebasan dasar-dasar ekonomi ini perlu meliputi semua bidang yang berkaitan dengan pelaburan sektor swasta dan segala halangan perlu dihapuskan. Hanya dengan cara ini, pihak swasta dapat memainkan satu peranan yang utama dalam sektor perkembangan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kelima Kerajaan menghuraikan beberapa langkah yang perlu diambil untuk menentukan satu kadar pertumbuhan ekonomi yang aktif.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berapa lama lagi, sebab saya hendak memberi peluang kepada yang lain.

Tuan Tan Chang Soong: Dua minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Tan Chang Soong: Lebih penting lagi adalah supaya menentukan bahawa kita dapat mewujudkan satu suasana kestabilan negara. Kestabilan negara merupakan unsur utama pembangunan. Apa-apa sahaja rancangan-rancangan yang dirangkakan tidak akan berjaya tanpa kestabilan negara. Kestabilan negara akan menentukan bahawa aspirasi-aspirasi semua kaum dapat ditunaikan. Dengan yang demikian kejayaan dan kegagalan Rancangan Malaysia Kelima terpulang kepada kebolehan pihak Kerajaan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh negara dan kejayaan atau kegagalan ini juga bergantung kepada sistem demokrasi yang kami amali.

Tuan Yang di-Pertua, arah kepada perpaduan negara mempunyai banyak cabaran yang telah dihuraikan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Dengan yang demikian, beberapa tahun yang akan datang ini merupakan tahun-tahun yang penting, memandangkan bahawa negara kita akan mengalami kemerosotan pertumbuhan ekonomi. Hanya kita sahaja yang dapat memberi jawapan kepada masalah-masalah. Adakah kami sanggup menilai semula dasar-dasar pembangunan negara? Adakah kita rela menerima hakikat bahawa tahun-tahun kemewahan tidak akan dapat menikmati, melainkan kita sendiri

mengambil satu pendekatan yang realistik dan pragmatis untuk mewujudkan keyakinan di dalam rakyat kita?

Tuan Yang di-Pertua, satu negara yang kuat dan bersatu padu hanya dapat didirikan sekiranya semua rakyat mempunyai satu identiti di mana mereka yakin bahawa peluang-peluang akan dibahagikan dengan saksama. Saya bersetuju bahawa sebuah negara perlu mempunyai ciri-ciri seperti keberanian, ketekunan, sikap-sikap yang positif dan sebagainya. Akan tetapi, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencapai kualiti-kualiti yang seumpama ini? Saya berpendapat bahawa Kerajaan perlu memberi kepimpinan dan menanam unsur-unsur kerajinan dan produktiviti yang tinggi dengan memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada mereka yang mempunyai unsur-unsur ini. Saya percaya bahawa rakyat-rakyat Malaysia sudah tentu akan bekerja dengan sedemikian sekiranya kerajinan serta produktiviti yang tinggi mereka diberi manfaat yang sewajarnya.

Akhir, Tuan Yang di-Pertua, saya telah membincangkan matlamat-matlamat, dasar-dasar serta rangka-rangka Rancangan Malaysia Kelima. Saya yakin bahawa semangat dan arah yang penting adalah penting kepada kita sebelum rancangan ini dapat dijayakan. Sekiranya kita berhajat untuk mencapai perpaduan negara, kita harus mengeneipkan perbezaan di antara rakyat-rakyat Malaysia dan memberi semua rakyat peluang-peluang dan hak-hak yang saksama. Dengan kata lain, kita perlu mengambil satu pendekatan Kemalaysiaan dalam segala usaha pembangunan negara kita.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong usul supaya Rancangan Malaysia Kelima diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Hamid Ibrahim.

4.22 ptg.

Lt. Kol (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diizinkan untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rancangan Malaysia Kelima. Oleh sebab masa tidak mengizinkan, maka saya akan memendekkan ucapan saya dengan hanya menyentuh perkara-perkara yang terkandung di dalam Bab XXIII di dalam Buku Rancangan Malaysia Kelima ini yang bertajuk "Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri".

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh Rancangan Malaysia Kelima ini, izinkan saya terlebih dahulu mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah berjaya melaksanakan program-program pembesaran dan pemodenan Angkatan Tentera dengan begitu pesatnya dalam Rancangan Malaysia Keempat dan seterusnya berjaya mempertingkatkan keupayaan Pasukan Tentera kita bagi menghadapi sebarang ancaman terhadap keselamatan dan kedaulatan negara.

Di antara program-program pertahanan penting yang dapat dilaksanakan oleh Kerajaan kita dalam Rancangan Malaysia Keempat ialah penyediaan kemudahan-kemudahan fizikal. Dalam konteks ini, Kerajaan kita telah berjaya membina beberapa buah pengkalan dan kem, termasuk Pengkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia di Lumut dan Pengkalan Tentera Udara Di Raja Malaysia di Subang. Dalam pada itu, sebahagian besar daripada pengkalan dan kem yang sedia ada telah dipertingkatkan. Kemudahan-kemudahan latihan tambahan dan

pasukan penggempur dan anggota-anggota yang terlibat dalam kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan telah disediakan untuk mempertingkatkan kecekapan bertempur Angkatan Tentera. Selain daripada pembesaran anggota tetap Angkatan Tentera, pasukan-pasukan sukarela seperti Tentera Wataniah, Unit Latihan Pegawai Simpanan telah pun dibesarkan. Unit Simpanan Sukarela Tentera Darat, Laut dan Udara telah disediakan dengan lebih banyak alat-alat kelengkapan dan latihan untuk mempertingkatkan prestasi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangga dengan kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan kita di bidang pertahanan di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Dalam pada itu, saya berharap dapat Kerajaan kita menjayakan semua projek-projek pertahanan yang dirancangkan di dalam Rancangan Malaysia Kelima ini dengan sempurna jua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelima ini kita difahamkan bahawa Kerajaan memerlukan jangka masa yang panjang untuk membina sebuah Angkatan Tentera yang mantap. Oleh yang demikian, Kerajaan kita telah mengambil keputusan untuk menubuhkan sebuah Angkatan Tentera yang seimbang, meskipun kecil tetapi cekap dan menggabungkan sumber-sumber dan kemudahan infrastruktur yang lain di dalam sistem pertahanan yang menyeluruh. Selaras dengan penekanan baru ini, tenaga manusia dan sumber-sumber yang sedia ada akan digunakan secara optimum dan keupayaan bertempur mereka dipertingkatkan melalui penggunaan senjata moden yang berkesan. Dari segi pembangunan fizikal pula, keutamaan akan diberi bagi menyiapkan projek-projek sambungan. Kemudahan-kemudahan perumahan bagi anggota tentera serta

kemudahan latihan untuk mempertingkatkan keupayaan bertempur dan disiplin mereka akan diberi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan sepenuhnya rancangan-rancangan Kerajaan dalam bidang pertahanan yang dibentangkan di dalam Rancangan Malaysia Kelima ini. Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan pertahanan dan seterusnya meminta pendapat dan penjelasan daripada Kementerian Pertahanan mengenai perkara-perkara yang akan saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang ingin saya menyentuh ialah mengenai Dasar Pertahanan Negara. Setahu saya Kerajaan kita belum pernah lagi mengumumkan Dasar Pertahanan Negara, sama ada secara lisan ataupun secara bertulis. Pada pendapat saya adalah sudah sampai masanya untuk Kerajaan menerangkan kepada umum dasar pertahanan kita yang sebenarnya supaya semua rakyat jelata dan kakitangan Kerajaan dapat memahaminya dan seterusnya dapat mereka memainkan peranan masing-masing untuk mencapai matlamat dasar tersebut dengan sempurna demi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Kerajaan tidak mengumumkan dasar kepada semua, maka ianya telah menimbulkan beberapa kekeliruan, bukan sahaja di kalangan rakyat jelata, bahkan juga kepada agensi-agensinya dan kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada kebelakangan ini kita ada terdengar beberapa pemimpin-pemimpin negara yang menyentuh perkara-perkara mengenai konsepsi pertahanan Malaysia. Ada pihak yang menyatakan bahawa konsepsi pertahanan kita adalah konsepsi "deterrent", dengan izin. Ada pula

yang menyatakan konsepsi pertahanan kita bercorak konsepsi pertahanan hadapan ataupun, dengan izin, "forward defence". Dan ada juga yang menyatakan konsepsi pertahanan kita adalah berasaskan kepada konsepsi pertahanan keseluruhan ataupun, dengan izin, "total defence".

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya juga selalu mendengar perasaan kekeliruan daripada mereka yang kurang pasti mengenai tugas-tugas sebenar Angkatan Tentera kita. Kebanyakan daripada mereka ini tidak mengerti sebab-sebabnya kita mengadakan Pasukan Tentera. Mereka itu tidak faham apakah sebenarnya dan sebab-sebabnya kita tubuhkan Pasukan Keselamatan yang agak sama dengan Angkatan Polis Di Raja Malaysia. Mereka berpendapat bahawa kedua-dua pasukan itu adalah lebih kurang serupa. Misalnya, Angkatan Tentera memakai uniform hijau, Polis pun memakai uniform hijau. Angkatan Tentera beroperasi di dalam hutan, pihak Polis pun beroperasi di dalam hutan. Angkatan Tentera pula mempunyai kereta perisai, Polis pun ada mempunyai kereta perisai. Angkatan Tentera mempunyai kapal terbang, Polis pun mempunyai kapal terbang. Angkatan Tentera mempunyai helikopter, Polis pun ada mempunyai helikopter. Angkatan Tentera mempunyai kapal ronda, Polis pun ada kapal yang seperti itu. Jadi, kedua-dua pihak ini mempunyai pasukan darat, pasukan laut dan pasukan udara. Pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan rakyat di negara kita ini tidak mengetahui dengan sebenarnya tanggungjawab dan tugas Angkatan Tentera kita dan seterusnya tidak faham kenapa Kerajaan menubuhkan dua Pasukan Keselamatan yang hampir-hampir serupa.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini, Angkatan Tentera kita sendiri pun telah mengeluarkan beberapa kenyataan yang mengelirukan orang ramai. Pada satu ketika, Angkatan Tentera telah menumpukan kegiatan latihan mereka di dalam peperangan insurgency ataupun peperangan gerilla. Pada satu ketika yang lain pula, mereka telah menumpukan segala kegiatan latihan dalam peperangan conventional. Begitu juga dengan cara-cara mereka memperlengkapkan angkatan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf, bolehkah Yang Berhormat meringkaskan, masa pun sudah cukup untuk perbahasan. Dipersilakan sedikit lagi.

Lt. Kol (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Insya Allah. Yang habis mengelirukan ialah kenyataan-kenyataan oleh ketua-ketua ataupun panglima-panglima perkhidmatan iaitu service chiefs, dengan izin, yang berlainan di antara satu dengan lain. Dengan ini, nyatalah apa yang diperlukan ialah satu bentuk risalah yang akan menerangkan dengan jelasnya Dasar Pertahanan Negara kita.

Dalam hubungan ini, saya mengesyorkan kepada Kementerian Pertahanan supaya mengambil tindakan dengan seberapa cepat mungkin untuk menyediakan satu kertas putih untuk dibentangkan di Parlimen untuk dijadikan panduan kepada semua lapisan rakyat dan agensi-agensi Kerajaan. Pada pendapat saya, dasar pertahanan adalah perlu disebarkan dan difahami oleh seluruh rakyat jelata. Dengan adanya dasar pertahanan ini, maka tiap-tiap golongan rakyat akan menyedari tanggungjawab masing-masing dan akan merancang segala aktiviti mereka mengikut keperluan negara. Misalnya mereka di dalam bidang perindustrian akan merancang

kegiatan mereka untuk membantu keperluan Angkatan Tentera dan seterusnya pihak Angkatan Tentera akan dapat merancang keperluan mereka dengan pengeluaran-pengeluaran yang sedia ada dan dapat diperolehi di dalam negara kita pada tiap-tiap masa. Yang penting sekali ialah dengan adanya dasar tersebut maka perancang-perancang di Kementerian-kementerian Kerajaan terutama sekali di Kementerian Pertahanan akan memahami dengan mendalam asas-asas dasar pertahanan kita supaya mereka itu dapat merancang strategi-strategi dan program-program pertahanan bukan sahaja dalam masa jangka pendek, bahkan juga dalam masa jangka panjang.

Jadi, di sini saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pertahanan sama ada Kementerian bercadang untuk menyediakan dan mengeluarkan risalah mengenai dasar pertahanan Malaysia. Jika ya, apakah bentuk risalah itu, jika tidak kenapa?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh keputusan Kerajaan untuk membentuk sebuah Angkatan Tentera yang seimbang meskipun kecil, tetapi cekap. Saya berpendapat bahawa negara kita tidak berkemampuan untuk menanggung sebuah Angkatan Tentera yang besar. Apa yang dikehendaki ialah sebuah Angkatan Tentera kecil yang berpotensi untuk diperbesarkan dengan tidak mengambil masa yang panjang. Satu cara untuk berbuat demikian ialah dengan mengadakan pasukan simpanan yang besar yang diletakkan di merata-rata tempat di Malaysia. Di sini saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pertahanan sama ada Kementerian ini bercadang untuk membesarkan lagi pasukan Simpanan Angkatan Tentera Malaysia.

Mengenai kelengkapan Angkatan Tentera, ingin saya mengesyorkan supaya kita menyemak semula dasar-dasar dan cara kita memperoleh segala kelengkapan. Sehubungan dengan ini, saya ingin menggesa Kerajaan kita supaya memperluaskan lagi perhubungan kita dengan negara-negara yang berkemampuan untuk melengkapkan Angkatan Tentera kita dengan senjata-senjata dan alat-alat yang lebih moden. Pada masa ini kita adalah bertumpu kepada negara-negara yang sendirinya mengharap bantuan dan perlindungan daripada kuasa-kuasa besar yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf, masa untuk perbahasan sudah cukup.

Lt. Kol (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Bolehkah saya akhirkkan dengan membuat pertanyaan?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Lt. Kol (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Oleh sebab saya tidak dapat memanjangkan, saya cuma hendak bertanya sahaja dengan Kementerian Pertahanan sama ada yang pertama sekali Kementerian Pertahanan bercadang untuk memperluaskan lagi perhubungannya dengan Amerika Syarikat dalam bidang pertahanan?

Yang kedua, berkaitan dengan kelengkapan, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertahanan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pertahanan untuk menggalakkan dan memperkembangkan lagi industri-industri pertahanan di negara kita.

Satu lagi soalan yang saya ingin bertanya ialah mengenai Pusat Penyelidikan Pertahanan. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertahanan sama ada Kementerian tersebut ada bercadang untuk memperluaskan lagi kegiatan-kegiatan

Pusat Penyelidikan Pertahanan merangkumi semua aspek ketenteraan. Jika tidak, kenapa?

Saya juga ingin membuat dua pertanyaan mengenai pentadbiran Angkatan Tentera. Pertanyaan pertama ialah mengenai surat perjanjian. Saya diumumkan bahawa 300 surat perjanjian kontrak di antara pihak swasta dan pihak Kementerian Pertahanan belum lagi ditandatangani. Saya ingin mengetahui sebab-sebabnya surat-surat perjanjian itu tidak dapat ditandatangani dengan segera?

Akhir sekali, mengenai disiplin dan moral, saya ingin bertanya Kementerian Pertahanan sama ada berlanjutan dengan jawapan yang diberi dalam Dewan ini pada minggu yang lepas iaitu sebanyak 87 orang pegawai Angkatan Tentera yang telah diberhentikan oleh sebab kesalahan-kesalahan yang tertentu, adakah Kementerian Pertahanan akan mengambil tindakan untuk mengurangkan angka yang begitu tinggi? Saya mempersoalkan perkara ini kerana pada pendapat saya, pemberhentian pegawai-pegawai yang begitu ramai itu mungkin akan menjejaskan disiplin dan juga moral Angkatan Tentera kita keseluruhannya.

Dengan ini saya menyokong penuh Usul mengenai Rancangan Malaysia Kelima. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat jemaah Menteri kita memberi jawapan masing-masing atas perbahasan kita pada petang ini, maka terlebih dahulu saya memohon ribuan maaf kerana saya ingin berhajat hendak mengingatkan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Dewan yang mulia ini sama ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mahupun yang lama supaya apabila memberi ucapan dalam apa juga

perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini hendaklah, apa yang diharapkan oleh kita semua, menumpukan dengan sepenuhnya ucapan itu kepada tajuk asal perbahasan dan hendaklah mengeneppikan perkara-perkara yang tidak berkaitan sama sekali dengan perkara perbahasan itu. Dengan adanya kerjasama daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sedemikian, maka dapatlah kita menjamin supaya maruah dan kehormatan Dewan yang mulia ini diperlihara dan diperkukuhkan. Dalam perkara ini Ahli-ahli Yang Berhormat, sila lihat Peraturan Mesyuarat Nombor 35.

Sekarang dengan hormatnya saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk memberi jawapan. Dipersilakan.

4.40 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan syor-syor pada masa perbahasan mengenai Usul Rancangan Malaysia Kelima yang telah berlangsung semenjak 11hb April, 1986.

Saya akan menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai beberapa perkara dasar utama yang dibangkitkan berhubung dengan RML dan Jabatan Perdana Menteri. Mengenai perkara-perkara yang menyentuh pelaksanaan program-program Kementerian secara lebih terperinci, Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab ke atas Kementerian masing-masing akan menjawab perkara-perkara yang berbangkit secara terperinci itu.

Tuan Yang di-Pertua, Usul RML telah mendapat perhatian dan perbahasan yang hangat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Secara ringkasnya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara berikut: Dasar Ekonomi Baru, pembangunan sumber utama dan pembinaan, pelan induk perindustrian, peranan sektor swasta dan program penswastaan, peranan wanita dalam pembangunan, penyediaan kemudahan asas kawasan luar bandar, peruntukan pembangunan RML, peruntukan yang ada kaitan dengan Belanja Mengurus termasuk isu gaji dan lain-lain lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dato' Kamruzaman Ahmad, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom Maasom, Yang Berhormat Tan Chang Soong dan Yang Berhormat Senator R. M. Jasni telah menyentuh soal dan isu-isu mengenai Dasar Ekonomi Baru terutamanya mengenai kemajuan kaum bumiputera yang belum lagi memuaskan dan juga kaum-kaum lain. Persoalan mengenai keperluan melanjutkan Dasar Ekonomi Baru serta keperluan mempertingkatkan usaha-usaha mempergiatkan program-program pembangunan luar bandar telah juga dibangkitkan.

Dalam soal pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa data-data dan maklumat-maklumat yang ditunjukkan di dalam dokumen RML jelas telah menunjukkan bahawa Kerajaan akan tetap terus memberi perhatian terhadap pelaksanaan program-program dan strategi-strategi yang bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Kerajaan sedar bahawa pencapaian kaum bumiputera sememangnya belum mencapai tahap yang benar-benar memuaskan dan masih banyak lagi usaha-usaha perlu dibuat sama

ada di pihak Kerajaan, lebih-lebih lagi di pihak usahawan bumiputera sendiri untuk meningkatkan lagi prestasi mereka.

Walau bagaimanapun, jika dilihat pencapaian mereka sejak dari awal pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sebenarnya prestasi mereka adalah menggalakkan. Di samping itu, sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Kerajaan, walau apapun kemajuan yang akan dicapai menjelang tahun 1990, Kerajaan berpendapat masalah ketidakseimbangan sama ada dari segi penyusunan semula masyarakat atau kemiskinan masih lagi wujud. Oleh yang demikian, seperti yang dinyatakan dalam dokumen RML, Kerajaan menganggap perlu supaya usaha-usaha yang menyokong kedua-dua strategi ini akan dapat diteruskan selepas tahun 1990.

Mengenai usaha-usaha mempergiatkan pembangunan luar bandar dan seterusnya membasmi kemiskinan, saya ingin menarik perhatian bahawa Kerajaan akan mempergiatkan lagi usaha-usaha pembangunan luar bandar khususnya yang ditumpukan ke arah pembangunan sektor pertanian.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah RML Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$11.8 ribu juta bagi tujuan ini dan jumlah ini adalah lebih besar daripada perbelanjaan sebenar Rancangan Malaysia Keempat yang sebanyak \$7.7 ribu juta. Antara program-program utama yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima ialah pembangunan tanah-tanah baru dan program-program pemulihan tanah yang juga termasuk rancangan mini-estet, Program-program pembangunan pertanian bersepadu (IADB) dan lain-lain pembangunan pertanian di kawasan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil telah membangkitkan soal mengenai langkah-langkah dan strategi yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mempertingkatkan pengeluaran barangan utama negara ini yang kini menghadapi kemerosotan terutama sekali industri bijih timah. Yang Berhormat berkenaan juga membangkitkan perkara-perkara berhubung dengan pembangunan penggunaan sumber gas negara ini. Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Lajim pula telah membangkitkan soal pembangunan sektor pembinaan.

Kerajaan memang mengambil berat tentang kejatuhan harga dan kemerosotan pengeluaran perindustrian negara ini. Beberapa langkah dan strategi telah dikenalpasti bagi menghadapi ini. Untuk mempercepatkan pertumbuhan eksport, pihak Kerajaan akan menyusun semula strategi-strategi dan galakan pengembangan eksport. Usaha-usaha akan ditumpukan kepada pembaikan pasaran barangan eksport bukan sahaja tertumpu kepada pasaran eksport tradisional tetapi meluaskan pasaran eksport di negara-negara Blok Sosialis di Eropah Timur, Timur Tengah, negara-negara perindustrian baru dan negara-negara membangun termasuk negara-negara ASEAN.

Di samping itu pihak Kerajaan akan mempergiatkan lagi aktiviti penghantaran misi-misi perdagangan, penganjuran pameran barang-barang buatan Malaysia, penyediaan maklumat perdagangan dan penerbitan maklumat-maklumat bercetak mengenai pasaran. Aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan akan terus diberi perhatian bagi mempertingkatkan mutu keluaran. Di samping itu tumpuan juga diberi untuk mencipta

dan mengeluarkan barangan yang baru di dalam mempertingkatkan penggunaan sumber keluaran negara.

Mengenai industri bijih timah yang tidak pasti pasarannya akibat daripada penggantungan urusan niaga timah di Pasaran Logam London sejak bulan Oktober, 1985, pihak Kerajaan akan mengubah struktur industri ini dengan memberi tumpuan kepada pengeluaran hanya daripada lombong-lombong yang ekonomik.

Di samping itu kegiatan pembangunan dan penyelidikan akan dipergiatkan untuk memperluaskan penggunaan timah dan juga memperbaiki kecekapan pengeluaran. Dalam masa yang sama di peringkat antarabangsa, Malaysia akan bekerjasama rapat dengan Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) dan Institut Penyelidikan Bijih timah Antarabangsa di United Kingdom untuk menjalankan penyelidikan bagi memperluaskan pengeluaran bijih timah.

Dari segi pengeluaran, Malaysia akan bekerjasama dengan Pusat Penyelidikan Pembangunan Asia Tenggara bagi menjalankan penyelidikan ke atas pengeluaran bijih timah.

Pihak Kerajaan pada masa ini sedang menyusun beberapa rancangan pembangunan sumber gas di negara ini. Beberapa dasar dan projek sedang dirangka untuk memperluaskan penggunaannya sama ada sebagai sumber tenaga atau sebagai bahan mentah, dengan izin, feed stock bagi industri berat serta memperluaskan kegunaannya di rumah-rumah.

Untuk tujuan tersebut, Kerajaan telah melaksanakan projek Penggunaan Gas Semenanjung (PGS) di mana pada fasal pertama projek tersebut, PETRONAS telah berjaya membekalkan gas asli ke Loji Janakuasa Elektrik di Paka sebagai bahan gantian minyak, juga sebagai

bahan mentah untuk loji besiwaja HICOM di Teluk Kaloh, Terengganu, serta membekalkan kepada 72 unit rumah PETRONAS di Pasir Gudang, Johor.

Bagi Fasa II PGS sedang dilaksanakan dan dijangka siap menjelang tahun 1989. Gas asli akan disalurkan dari Teluk Kalong Terengganu, ke selatan Semenanjung termasuk eksport ke Singapura dan ke Pelabuhan Kelang untuk tujuan penjanaaan kuasa elektrik. Adalah dijangka bahawa beberapa kawasan laluan paip gas tersebut akan menikmati kemudahan saluran gas asli terus ke rumah-rumah sebagai bahan pembakar dan sebagai bahan tenaga. Di samping itu, usaha juga sedang giat dilaksanakan untuk memperluaskan penggunaan otogas sebagai bahan gantian petroleum di sektor pengangkutan kerana bukan sahaja ianya lebih murah, tetapi juga mengurangkan masalah pencemaran alam.

Berkaitan dengan pembangunan sektor pembinaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim, Kerajaan memang memberi perhatian kepada sektor ini memandangkan sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi negara dan menyediakan peluang pekerjaan.

Dalam tempoh RML tumpuan sektor ini akan diberi kepada pembinaan jalan raya dengan menggunakan simin dan pembinaan unit-unit rumah, khususnya unit-unit rumah kos rendah. Pada masa ini belum ada satu institusi penyelidikan khas untuk pembinaan. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna aktiviti-aktiviti penyelidikan mengenai pembinaan tidak dijalankan di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan dan juga sektor swasta telah menjalankan

beberapa penyelidikan yang pada keseluruhannya tertumpu kepada kajian pembinaan dan bahan binaan.

Dalam tempoh RML, satu Unit Penyelidikan akan ditubuhkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi menyelaras dan menjalankan penyelidikan ke atas bahan-bahan binaan khususnya bahan-bahan binaan untuk tujuan perumahan.

Yang Berhormat Puan Aion binti Ariffin telah mencadangkan supaya Kerajaan mengenalpasti tenaga pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian. Selain daripada itu Yang Berhormat membayangkan beberapa perkara yang baik mengenai pembangunan luar bandar; antaranya orang kampung lebih segar dan tegap daripada orang bandar, wanita kampung lebih segar dan mekar daripada wanita bandar. Semuanya saya percaya mengikut Ahli Yang Berhormat tadi oleh kerana mereka ini memakan banyak ulam-ulam dan pucuk paku. Walau bagaimanapun adalah dimaklumkan Kerajaan memang sedar tentang perlunya dikenalpasti tenaga pelaksana Pelan Induk Perindustrian. Selaras dengan itu Kerajaan telah menjalankan usaha-usaha untuk menyediakan satu pelan tindakan, Pelan Induk Perindustrian, untuk merancang secara bersepadu segala perakuan-perakuan utama dalam Pelan Induk Perindustrian dan memastikan tanggungjawab Kementerian dan agensi yang berkaitan terhadap pelaksanaan perakuan-perakuan tersebut. Dengan cara yang demikian, perakuan-perakuan utama dalam Pelan Induk Perindustrian akan dilaksanakan secara teratur dan berkesan dalam usaha mencapai matlamat Dasar Perindustrian Negara.

Yang Berhormat Dato Dr K. S. Nijhar dan Yang Berhormat Tuan D. P. Vijandran telah mendakwa sektor swasta keciwa dengan sikap

pegawai-pegawai Kerajaan dan kelambatan mereka memproses permohonan-permohonan daripada sektor swasta dan mereka juga menyentuh perkara-perkara yang ada kaitan dengan produktiviti. Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat itu telah juga mencadangkan sikap dan kecekapan pegawai-pegawai berkenaan perlu diperbaiki.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah kelambatan pegawai-pegawai Kerajaan memproses khususnya permohonan-permohonan bagi sektor swasta bukanlah sekarang ini disengajakan. Pegawai-pegawai Kerajaan perlu mengambil sedikit masa untuk meneliti dan mengkaji satu-satu permohonan sebelum apa-apa keputusan dapat dikeluarkan. Tambahan pula bagi setengah-setengah permohonan ianya memerlukan pendapat dan pandangan agensi-agensi Kerajaan yang lain yang berkaitan dengan permohonan tersebut. Langkah-langkah ini dibuat adalah bertujuan untuk memastikan bahawa keputusan yang diambil kepada mana-mana permohonan adalah setelah dikaji dari semua aspek yang bersangkutan dengannya. Pihak Kerajaan sebenarnya seberapa yang boleh akan berusaha untuk mengatasi apa-apa masalah besar yang dihadapi oleh pihak sektor swasta, agar peranan dan prestasi sektor tersebut dapat berkembang pada kadar 0.7% setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Mengenai produktiviti dan huraian yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan D.P. Vijandran dan juga cadangan supaya Kerajaan tutup sahaja pejabat pada hari Sabtu dan meningkatkan hari bekerja kepada 5 hari sahaja, saya ingin menjelaskan bahawa sekarang ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk berbuat

demikian memandangkan bahawa Malaysia masih lagi merupakan sebuah negara yang sedang membangun.

Mengenai penswastaan, Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King telah membangkitkan bahawa pihak swasta belum lagi tampil ke hadapan menyambut seruan Kerajaan. Yang Berhormat mencadangkan supaya Kerajaan membuat kajian mengenai perkara ini. Anggapan Yang Berhormat adalah barangkali tidak tepat.

Semenjak bermulanya usaha-usaha Kerajaan untuk menswastakan projek-projeknya, aktiviti-aktiviti dan Perbadanan-perbadanan Kerajaan, sambutan daripada pihak swasta sebenarnya adalah amat menggalakkan. Banyak projek sedang dibincangkan di antara pihak Kerajaan dan pihak swasta di semua peringkat seperti di peringkat Pusat, Negeri dan Perbadanan-perbadanan mengenai perkara tersebut. Sehingga ini terdapat lebih kurang 30 projek yang sedang diusahakan penswastanya dan senarai ini semakin sehari semakin bertambah. Oleh kerana tiap-tiap projek yang akan diswastakan adalah merupakan "business deal", dengan izin, maka maklumat-maklumat ini tidak dapat disebarikan sebelum ianya diluluskan dan apabila kita sudah mendapat kepastian dan mendapat approval yang persis sudah tentu projek-projek yang dikehendaki atau yang dicadangkan lagi untuk diswastakan akan diumumkan oleh Kerajaan seperti yang telah saya nyatakan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Tuan Nasir bin Haji Manap untuk menswastakan Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu (KTM) pada masa sekarang, saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan belum lagi mencadangkan untuk menswastakan KTM ini.

Yang Berhormat Puan Mazidah Haji Zakaria telah mengemukakan cadangan mengadakan Dasar Wanita Negara. Oleh kerana kita tidak menjawab dahulu, jadi Yang Berhormat itu insisted, kita mesti menjawab, dan saya cuba hendak menjawabnya, Tuan Yang di-Pertua.

Adalah dimaklumkan bahawa pihak Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai Integrasi Wanita dalam Pembangunan (NACIWID) telah mempertimbangkan perkara ini dan akan mengemukakannya kepada pihak Kerajaan untuk dipertimbangkan dan dipersetujui seterusnya kalau kita sudah kaji.

Berhubung dengan falsafah mengenai kedudukan wanita dan peranan yang harus dimainkan oleh mereka dalam pembangunan negara, adalah dimaklumkan bahawa ianya terkandung dalam Dasar Wanita Negara yang disediakan. Apabila dasar ini dipersetujui oleh Kerajaan, sudah tentu ianya akan didokumentasikan. Jadi lanjutan daripada itu jawapan saya semalam dalam rangka saya minta penjelasan, yang Kerajaan ini tetap sayang pada wanita, ini juga akan diteruskan dan jangan bimbang, sebelum kita menghuraikan jawapan-jawapan yang lebih persis.

Untuk makluman Yang Berhormat, hasil daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri terhadap laporan yang dikemukakan oleh delegasi Malaysia ke Persidangan Sedunia Dekad Wanita Bangsa-bangsa Bersatu di Nairobi, Kenya pada tahun lalu, persetujuan telah diperolehi supaya pihak Kementerian memberi perhatian yang berat terhadap kesan, dasar, penggubalan undang-undang dan peraturan serta projek-projek untuk wanita. Berikutan dengan arahan ini, Pegawai-pegawai Perhubungan telah dikenalpasti di tiap-tiap Kementerian dan Urusetia Hal Ehwal Wanita akan berhubung

Menteri, Majlis Keselamatan Negara dan Majlis Tindakan Negara;

- (4) projek-projek yang bertujuan untuk menyempurnakan projek utama sama ada projek tersebut telah siap atau sedang dilaksanakan seperti pembelian alat kelengkapan dan projek penanaman setelah penebangan hutang dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, senarai keutamaan yang telah saya nyatakan di atas adalah untuk projek-projek sambungan Rancangan Malaysia Keempat.

Bagi projek-projek baru yang dikemukakan oleh agensi-agensi Kerajaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima agihan peruntukkan adalah dibuat mengikut keutamaan berikut:

- (1) Projek-projek yang dapat memberi sumbangan secara langsung kepada Dasar Ekonomi Baru atau pertumbuhan ekonomi.
- (2) Projek-projek sosio-ekonomi yang utama seperti sekolah, bekalan air, elektrik, perumahan kos rendah dan lain-lain.
- (3) Projek-projek yang mendatangkan hasil atau menjimatkan pertukaran wang asing. Manakala projek-projek yang mempunyai kandungan kos import yang tinggi yang menghasilkan sedikit sahaja value added, dengan izin, dan peluang pekerjaan diberi keutamaan yang rendah.

Ingin saya menyatakan di sini bahawa dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, sektor swasta akan diberi peranan utama di dalam mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara, sementara peranan sektor awam akan ditumpukan kepada

aktiviti-aktiviti penggerak dan penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu. Pihak Kerajaan akan mengurangkan peranannya di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi secara langsung dan sebahagian daripada aktiviti-aktiviti ini akan diserahkan kepada sektor swasta untuk melaksanakannya. Selaras dengan ojektif ini, peruntukan bagi agensi-agensi Kerajaan yang terlibat secara langsung dengan aktiviti-aktiviti ekonomi seperti Perbadanan Kemajuan Pelancongan, Permodalan Nasional Berhad, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi program rumah kos rendah dan lain-lain agensi akan dikurangkan.

Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil telah juga membangkitkan mengenai peruntukan kepada Perbadanan Petroleum Nasional (PETRONAS). Yang Berhormat berkenaan menyatakan adalah tidak wajar PETRONAS memberi peruntukan yang sebegitu besar.

Adalah tidak benar, Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Yang Berhormat tersebut oleh kerana PETRONAS mempunyai, dengan izin, reserve kewangan sendiri, maka Kerajaan Persekutuan tidaklah memberikan sebarang peruntukan kewangan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, sebaliknya PETRONAS akan menggunakan sumbernya sendiri atau pinjaman sendiri untuk membiayai projek-projek pembangunan. Namun demikian, Kerajaan akan mengawasi pembiayaan projek-projek pembangunan PETRONAS supaya projek-projek yang perlu dan berdaya maju sahaja dilaksanakan sesuai dengan kehendak semasa dan rancangan jangka panjang negara untuk pembangunan sumber petroleum dan gas.

Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil juga telah bertanya kenapa PNB tidak diberi peruntukan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima, manakala Bank Pembangunan Malaysia Berhad diberi peruntukan yang lebih. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah menyalurkan peruntukan sebanyak \$3,422.96 juta kepada PNB sejak penubuhannya sehingga akhir tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Sebagai sebuah syarikat, PNB haruslah berupaya untuk menampung aktiviti pelaburannya melalui consolidation, dengan izin, iaitu consolidation aktiviti pelaburannya serta memperkemaskan struktur pengurusannya dan tidak sepanjang masa bergantung kepada peruntukan daripada Kerajaan sahaja. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa memberikan kerjasama kepada PNB untuk membolehkannya menjamin keuntungan terutamanya dalam memenuhi tuntutan bagi menggalakkan pemilihan saham di kalangan bumiputera.

Peruntukan bagi perkhidmatan rawatan di hospital-hospital juga dibangkitkan. Sukacita saya menjelaskan bahawa peruntukan bagi perkhidmatan kesihatan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima iaitu sebanyak \$1,074.14 juta adalah melebihi peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak pula telah membangkitkan mengenai peruntukan Pertubuhan Awam Bukan Kewangan (PABK) yang telah meningkat dan telah mencadangkan peruntukan PABK ini diasaskan kepada viability, dengan izin. Adalah benar bahawa peruntukan PABK sebanyak \$28.9 ribu juta dalam Rancangan Malaysia Kelima adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan jumlah perbelanjaan sebenar \$27.7

ribu juta dalam Rancangan Malaysia Keempat. Jumlah peruntukan sebanyak \$28.9 juta bagi PABK yang ditetapkan dalam RML adalah berasaskan kepada keupayaan PABK keseluruhannya untuk memperolehi sumber-sumber kewangan termasuk dari penggunaan asset PABK sendiri dan pinjaman dalam dan luar negeri.

Berasaskan kepada had bumbung, peruntukan yang telah ditetapkan seperti yang tersebut di atas, ia telah diagih-agihkan di kalangan PABK yang berkenaan mengikut kriteria-kriteria yang tertentu. Ini termasuk viability dari segi ekonomi dan kewangan, potensi mewujudkan peluang pekerjaan dan potensi menghasilkan atau menjimatkan peruntukan asing. Ringkasnya peruntukan seperti di atas adalah diagih-agihkan mengikut viability projek-projek PABK yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan R. M. Jasni telah juga membangkitkan perkara kekecewaan yang dialami semasa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru di dalam RMT, RME yang mana ramai ahli-ahli perniagaan bumiputera dikatakan telah gagal akibat caturan dan pertimbangan politik yang tidak adil dan kejam. Yang Berhormat juga merasa khuatir perkara ini akan menular ke dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Sukalah saya menegaskan di Dewan ini bahawa semua rancangan pembangunan yang dilaksanakan adalah mengikut keperluan sesuatu tempat atau kawasan berdasarkan kepada berbagai-bagai faktor seperti ekonomi, sosial dan politik. Dalam hal ini, walaupun kita mengambil kira aspek-aspek politik dalam usaha pembangunan, tidaklah benar seseorang ahli politik boleh mengutamakan kepentingan politik peribadinya dan mengeneipkan

belum diperbaiki dan oleh itu telah menyuarakan perhubungan di kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perbandingan yang saya sebutkan di dalam jawapan saya di Dewan Negara baru-baru ini sukalah saya menyatakan bahawa perbandingan jalan-jalanraya di masa zaman penjajah dan sesudah memasuki Malaysia bukanlah bertujuan untuk menghina negeri Sabah. Perbandingan itu adalah dibuat mengikut kenyataan yang sebenarnya iaitu Kerajaan sememangnya telah mengambil perhatian yang serius terhadap pembangunan di negeri Sabah khususnya jalanraya-jalanraya.

Perbandingan sedemikian kerap juga dibuat mengenai jalanraya-jalanraya di Semenanjung Malaysia semenjak mencapai kemerdekaan dengan semasa zaman penjajah. Perbandingan ini dibuat dengan tujuan menarik perhatian rakyat jelata bahawa Kerajaan Malaysia selepas kemerdekaan telah banyak menyediakan peruntukan untuk pembangunan negara seperti yang terdapat dalam Rancangan-rancangan Malaysia, Rancangan-rancangan Pembangunan Lima Tahun, seperti Rancangan Malaysia Pertama hingga Kelima. Misalnya sebelum negeri Sabah memasuki Malaysia, jumlah panjangnya jalanraya di negeri Sabah ialah 1,383.74 batu sahaja dan daripada jumlah itu hanya 214 batu sahaja telah diturap, dengan izin, atau sealed pavement road dipunyai oleh negeri Sabah. 751.7 batu jalan batu kikir dan 418 batu jalan tanah, inilah sejarah.

Saya harap Ahli Yang Berhormat akan mengambil perhatian apa yang telah berlaku dalam sejarah tanahair kita. Semenjak Negeri Sabah memasuki Malaysia, jumlah perbelanjaan sebanyak \$1,738.9 juta telah dibelanjakan dalam Rancangan

Malaysia Pertama hingga Keempat untuk membina, memperbaiki, menaikkan taraf jalan-jalan di negeri Sabah termasuk jalan-jalanraya utama dan juga jalan-jalan pedalaman. Sehingga tahun 1985 jalan-jalanraya yang telah dibina di negeri Sabah adalah sepanjang 4,200 batu iaitu 1,306 batu jalan berturap, 2,765 batu jalan batu kikir dan 128 batu jalan tanah yang belum lagi dinaikkan tarafnya.

Pengumuman-pengumuman saya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini bukan untuk publicity tetapi untuk memberi penjelasan kepada rakyat jelata di negeri Sabah yang belum dapat tahu apakah tujuan Kerajaan Pusat untuk menaikkan taraf kehidupan di dalam negeri Sabah itu. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat daripada negeri Sabah mestilah menjelaskan ini kepada rakyat jelata di negeri Sabah. Janganlah menuduh-nuduh sahaja kepada Kerajaan Pusat tetapi mesti mengambil perhatian apakah perkara yang serius telah diambil oleh Kerajaan Pusat untuk menaikkan bukan sahaja jalan tetapi untuk menaikkan taraf kehidupan rakyat jelata di negeri Sabah.

Saya sebagai Menteri, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja duduk di Kuala Lumpur, tidak dapat tahu apakah keadaan jalan-jalan di negeri Sabah itu, saya sendiri mengikuti dengan kenderaan tiap-tiap jalan yang ada di negeri Sabah, saya sendiri lebih tahu daripada Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan jalan di Sabah itu.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kelima memperuntukkan sebanyak \$404.8 juta lagi yang telah dipohon untuk membina, membaiki dan menaikkan taraf jalanraya-jalanraya utama dan juga jalan-jalan pedalaman di negeri Sabah. Sukalah saya menegaskan di sini bahawa peruntukan yang dipohon sebanyak \$404.8 juta itu apabila diluluskan oleh

Parlimen adalah merupakan peruntukan yang terbesar daripada peruntukan-peruntukan yang dipohon oleh negeri-negeri yang lain. Bagi jalanraya-jalanraya jika dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan negeri lain di Malaysia peruntukan itu adalah sejumlah besarnya bagi membina, memperbaiki dan menaikkan taraf jalanraya-jalanraya yang sedia ada sama ada jalan raya utama ataupun jalan-jalan yang menghubungkan bandar mengikut keutamaan. Ini adalah dilakukan dengan sedemikian oleh kerana Kerajaan Persekutuan menghadapi kesulitan kewangan untuk membiayai semua projek yang dipohon oleh negeri-negeri di dalam Rancangan Malaysia Kelima. Dalam keadaan kewangan sekarang adalah sukar bagi Kerajaan Pusat memperuntukkan belanjawan yang lebih besar kepada negeri Sabah untuk membina, membaiki dan menaikkan taraf semua jalanraya-jalanraya utama dan jalan-jalan pendalaman secara sekali gus. Ini akan hanya dapat disempurnakan secara berperingkat-peringkat yang perlu diteruskan di dalam beberapa rancangan-rancangan pembangunan lima tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan bererti Kerajaan Pusat tidak mengambil berat atas jalan-jalan yang sedia ada di negeri Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua sendiri iaitu negeri Sarawak. Ini ada dalam timbangan. Saya suka memberi akuan kepada Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari negeri Sarawak kita ada juga pohon satu peruntukan terbesar dan ada juga rancangan-rancangan untuk memperbaiki jalan, dan juga kita akan mengambil alih jalan iaitu melebihi daripada 1,230 km di negeri Sarawak tidak berapa lama lagi dan saya harap kita akan membaiki jalan itu untuk menjadikan Jalan Persekutuan di bawah kuasa Menteri Kerjaraya.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya ke atas pandangan dan komen yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Usul Rancangan Malaysia Kelima yang ada berkaitan dengan tanggungjawab Kementerian ini. Kepada pandangan dan komen yang tidak sempat saya jawab, saya akan mengambil perhatian ke atasnya dan yang mana didapati perlu tindakan sewajarnya akan diambil. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk memberi jawapan.

5.34 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat di atas cadangan, pandangan serta teguran semasa membahaskan Rancangan Malaysia Kelima yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Yang Berhormat Senator Ng Cheng Kiat telah pun membangkitkan mengenai keraguan sektor swasta dalam pembangunan perindustrian dan halangan-halangan yang dihadapi oleh mereka. Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan memang mengharapkan supaya sektor swasta untuk mengambil peranan utama dalam memajukan sektor perindustrian, kerana penyertaan secara langsung oleh Kerajaan akan dikurangkan. Peluang ini sepatutnya direbut segera oleh sektor swasta tanpa banyak mengharapkan bantuan kepada Kerajaan. Namun begitu Kerajaan telah pun menyediakan berbagai-bagai galakan dan

kemudahan kepada sektor swasta, tetapi tidaklah boleh sehingga ke peringkat memberi subsidi. Kerajaan telah meminda Akta Galakan Pelaburan, 1965 untuk meluaskan barangan-barangan yang layak diberi galakan dan meluaskan skop sesuatu galakan yang diberikan. Kerajaan telah juga melonggarkan peraturan-peraturan yang menyusahkan pencapaian prestasi perindustrian oleh sektor swasta, umpamanya kelonggaran dalam Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 baru-baru ini, pengujudan New Investment Fund dan kajian semula terhadap Export Credit Refinancing. Sekarang diserahkan kepada sektor swasta untuk menerima cabaran ini.

Adalah dipersetujui bahawa segala elemen-elemen yang tidak menggalakkan pelaburan harus dihapuskan supaya sektor swasta boleh mengambil kesempatan peluang-peluang pelaburan yang ada di negara ini. Sememangnya menjadi dasar Kerajaan untuk menghapuskan segala halangan-halangan yang ada, bagi mewujudkan satu iklim yang menarik untuk pelaburan. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah pun memperkenalkan beberapa langkah-langkah bagi menarik bukan sahaja pelabur-pelabur tempatan tetapi juga pelabur-pelabur asing. Umpamanya garis panduan mengenai penyertaan ekuiti telah pun disemak semula dan buat masa ini kita juga telah melonggarkan peraturan-peraturan berhubung dengan penyertaan pelabur-pelabur asing. Akta Penyelarasan Perindustrian juga telah dipinda dan garis panduan-garis panduan baru telah pun diperkenalkan bagi menyenangkan pelabur-pelabur untuk melabur dalam sektor perkilangan.

Di samping itu, pihak Kerajaan juga telah memperkenalkan langkah-langkah untuk mengurangkan kos operasi, antara lain mengurangkan kadar tarif elektrik, teleks dan telefon.

Pihak Kerajaan juga sentiasa mengkaji polisi-polisi bagi mewujudkan satu iklim yang menarik untuk pelaburan dan juga meminimalkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur. Berkaitan dengan ini Kerajaan sedang membuat beberapa perubahan dalam sistem insentif dan cukai untuk menggalakkan pelaburan yang lebih intensif.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan telah menimbulkan masalah pengurangan pendapatan eksport negara disebabkan oleh dasar perlindungan yang diamalkan oleh negara-negara perindustrian dan menyarankan agar kita tidak terlalu bergantung kepada dasar ekonomi negara-negara tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ekonomi negara kita merupakan suatu ekonomi yang terbuka. Negara kita telah pun sekian lama bergantung kepada pasaran dunia untuk memasarkan sebahagian besar hasil keluarannya. Keadaan ini wujud disebabkan pasaran di negara kita terlalu kecil untuk menampung keluaran hasil mahsul negara yang banyak diperlukan untuk meningkatkan pendapatan negara.

Sebagai sebuah ekonomi yang terbuka, ianya adalah terdedah kepada pengaruh dasar-dasar ekonomi negara asing. Oleh yang demikian, tidak boleh tidak dasar ekonomi negara kita perlu mengambil kira dasar ekonomi negara asing, terutamanya negara-negara yang menjadi pembeli utama barang-barang keluaran negara kita, baik barang utama mahupun barang-barang pembuatan. Walau bagaimanapun, penggantungan terhadap negara-negara luar boleh dikurangkan dengan dasar-dasar mempelbagaikan pasaran dan barang-barang yang dikeluarkan sebagaimana yang diberi penekanan sekarang.

Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar bin Lajim telah mengesyorkan agar Kerajaan bersikap "selective" tentang bidang perusahaan yang dijalankan oleh pihak swasta memandangkan bukan semua pengusaha kecil dapat berganding untuk maju ke tahap industri pertengahan dan berat. Tujuannya adalah semata-mata untuk menjamin industri berkenaan dapat berkembang maju. Suka saya menyatakan bahawa Kerajaan memang sedar di atas kebolehan/keupayaan pengusaha kecil untuk bertanding bagi mencapai ke tahap industri pertengahan dan berat. Oleh sebab itu, peranan yang harus dimainkan oleh industri kecil adalah untuk memberikan sokongan (complement) dan menambah di dalam pembekalan dan pemberian perkhidmatan kepada industri-industri besar. Dengan adanya hubungan saling-kait ini, maka kedua-dua kumpulan industri ini akan dapat maju dan berkembang bersama.

Kerajaan memang berhati-hati di dalam menggalakkan pertumbuhan industri supaya ianya selaras dengan kehendak ekonomi negara. Di dalam hal ini, di bawah Pelan Induk Perindustrian, Kerajaan telah pun mengenalpasti industri-industri tertentu yang akan digalakkan pertumbuhannya di masa-masa hadapan. Industri-industri ini ialah yang berasaskan eksport dan juga yang menggunakan bahan-bahan mentah tempatan dan dengan itu memberikan "comparative advantage" kepada Malaysia di pasaran antarabangsa. Di dalam menubuhkan industri, Kerajaan juga menimbangkan pasaran yang terdapat dan juga bilangan industri-industri yang sama yang telah ada. Ini adalah untuk mengelakkan persaingan yang tidak sihat yang boleh menimbulkan keburukan terhadap industri tersebut. Pelan Induk Perindustrian juga memberikan penekanan kepada industri kecil dan galakan yang

tertentu telah pun disediakan untuk menggalakkan mereka tumbuh dan membesar.

Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar bin Lajim juga mengesyorkan supaya usahawan kecil diberikan perhatian khas dari segi bimbingan, pengawasan dan juga jaminan pasaran. Katanya jika 70.4% usahawan kecil di Amerika Syarikat boleh gagal, apatah lagi usahawan kita yang baru hendak berkembang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sememangnya telah memberikan perhatian yang khas dari segi bimbingan, pengawasan dan jaminan pasaran kepada pengusaha-pengusaha kecil. Rancangan-rancangan yang telah pun disediakan adalah seperti berikut:

Bimbingan/Pengawasan

- (i) Latihan Pengurusan dan kewangan kepada usahawan-usahawan yang dibuat melalui Pusat Daya Pengeluaran Negara, MARA, Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia dan juga Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Tujuan latihan ini diadakan ialah untuk mewujudkan keusahawanan dan juga untuk memperteguhkan mereka yang sudah pun beroperasi.
- (ii) Teknologi (termasuk kawalan mutu) dibuat melalui agensi-agensis teknikal seperti MARDI untuk makanan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia bagi barang-barang berasaskan kayu dan rotan, SIRIM untuk barang-barang logam, plastik dan seramik dan juga Pusat Pameran dan Rujukan Teknologi di bawah Kementerian saya di mana maklumat-maklumat mengenai mesin-mesin baru disediakan untuk rujukan.

Jaminan Pasaran

Program Pemasaran Bersepadu dan Konsep Payung memastikan pemasaran barang-barang makanan dan perabot keluaran bumiputera adalah dilakukan melalui pembelian Kerajaan. Pemasaran adalah juga disalurkan melalui satu syarikat, iaitu Besta Sdn Bhd yang dimiliki oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad.

Kewangan

Kemudahan pinjaman daripada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, MIDF, bank-bank perdagangan melalui Perbadanan Jaminan Kredit dan juga MARA telah pun dilaksanakan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan keperluan satu agensi Kerajaan bagi maksud penyaluran maklumat-maklumat pasaran di peringkat antarabangsa, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan sememangnya telah ada agensi khusus di bawah Kementerian saya, iaitu Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO) di samping 30 Pejabat Perdagangan yang ditempatkan di luar negeri seperti di Eropah, Amerika Syarikat, Jepun dan lain-lain negara maju. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MEXPO dan Pejabat-pejabat Perdagangan Malaysia di luar negeri ini telah ditugaskan, antara lain, untuk mengumpulkan maklumat-maklumat pasaran dan kesemua maklumat ini disimpan di MEXPO di mana ianya akan diedarkan kepada semua pengeksport tempatan.

Di samping itu, Kementerian saya baru-baru ini telah juga menubuhkan Majlis Galakan Eksport, yang mana keanggotaan Majlis tersebut termasuklah pihak agensi-agensi Kerajaan dan pihak swasta. Tugas Majlis ini ialah untuk memberi nasihat kepada Kerajaan mengenai cara-cara mempertingkatkan eksport negara.

Merujuk kepada cadangan Ahli Yang Berhormat supaya kita mengkaji "modus operandi" agensi-agensi eksport dari negara-negara maju, Kementerian saya melalui Majlis Galakan Eksport akan mengambil perhatian di dalam perkara ini. Di samping itu, sukacita saya tegaskan di sini bahawa tindakan agresif yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat bukan sahaja tertumpu kepada Kerajaan sahaja oleh kerana di dalam sistem ekonomi kita sekarang, kejayaan mendapatkan pasaran terpulang kepada sektor swasta sendiri. Ini adalah oleh kerana segala urusan untuk mendapatkan jualan adalah dikendalikan oleh pihak swasta sendiri. Kementerian saya, walau bagaimanapun, akan sentiasa berusaha untuk membantu pihak-pihak swasta untuk meningkatkan eksport dan di pihak swasta pula perlulah berusaha mempertingkatkan mutu dan kecekapan pengeluaran dan mengubahsuaikan barang-barang mereka supaya memenuhi keperluan pasaran di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Harun Hassan telah menyentuh tentang penurunan harga minyak, gas dan bil elektrik industri perkilangan dan mengharapkan agar harga barangan keperluan perkilangan dan barangan pengguna dapat diturunkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan penurunan harga beberapa barangan perlu yang dikawal harga

seperti barang-barang petroleum, gula bertapis, tepung gandum dan susu pekat manis serta juga penurunan kadar elektrik untuk industri perkilangan, Kementerian saya telah pun berunding dengan beberapa sektor industri tempatan dengan tujuan untuk menurunkan harga barang-barang keluaran mereka. Syarikat-syarikat berkenaan telah pun diminta untuk mengemukakan kos-kos pengeluaran mereka secara terperinci untuk mengkaji dan menentukan barang-barang mana boleh diturunkan harga. Selain daripada itu, usaha telah juga dijalankan untuk menurunkan harga, tetapi ini hanyalah di atas dasar "persuasion" dan "goodwill gesture" untuk kepentingan pengguna dan mereka tidak boleh dipaksa menurunkan harga sekiranya kos-kos mereka yang lain dan kos pengeluaran mereka keseluruhannya meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar bin Hajim juga telah menyentuh tentang industri pelancongan dan mengesyorkan agar strategi pemasaran dan kempen-kempen yang lebih agresif dan berkesan amat perlu diperkembangkan dari sekarang. Suka saya menyatakan bahawa kita menjadi Tuan Rumah kepada "PATA Travel Mart 1986" dan Persidangan Tahunan PATA 1986 yang sedang berlangsung di Kuala Lumpur sekarang. Acara "PATA Travel Mart 1986" dan Persidangan Tahunan PATA ini sangat-sangat dihasratkan oleh tiap-tiap negara ahli PATA supaya diadakan di negara masing-masing. Kerajaan telah berusaha serta berjaya menarik kedua-dua acara dan Persidangan istimewa ini ke negara kita. Usaha-usaha ini bermula empat tahun dahulu kerana keputusan mengenai tempat Persidangan PATA serta "PATA Travel Mart" ditetapkan tiga tahun sebelum ianya diadakan. Sempena Persidangan PATA 1986 Kerajaan telah pun menjalankan satu

kempen yang hebat di beberapa negeri yang telah dikenalpasti untuk menarik minat para delegasi menghadirinya. Kempen-kempen publisiti dan promosi hebat yang telah dijalankan oleh Kerajaan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. PATA telah memilih kempen Malaysia di luar negeri sempena Persidangan PATA 1986 sebagai satu usaha yang cemerlang dan Malaysia telah pun dianugerahkan hadiah pertama dalam kempen seumpama itu. Ini bermakna bahawa kempen Malaysia di luar negeri telah diiktirafkan sebagai yang terbaik sekali di rantau Asia Pasifik.

Kempen promosi ditujukan bukan sahaja di pasaran-pasaran luar negeri, bahkan juga kepada pengusaha-pengusaha tertentu yang boleh menghasilkan pelancongan berkumpul ke negara ini. Oleh yang demikian, Kerajaan telah pun mengaturkan Persidangan PATA di Kuala Lumpur dengan persiapan yang sungguh teratur dan meriah. Lembaga Pengurus PATA dalam mesyuaratnya pada 15hb April baru-baru ini dengan sebulat suara telah memutuskan bahawa Persidangan PATA 1986 di Malaysia merupakan, dengan izin, "the best ever PATA Conference in the 35 years history of PATA".

Sempena dengan Persidangan ini segala kemudahan-kemudahan pelancongan di Malaysia telah didedahkan kepada lebih kurang 2,000 pengusaha pelancongan yang telah datang ke negeri ini dan melihatnya sendiri.

Selepas Persidangan PATA, Kerajaan melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia akan terus melancarkan tiga kempen misi jualan pelancongan yang hebat di negara-negara Jepun dan Timur Tengah, Amerika Syarikat dan Australia pada tahun ini. Kempen-kempen media massa juga akan terus dijalankan sepanjang tahun di pasaran-pasaran tertentu. Di samping

itu juga, Kerajaan akan mengambil tindakan susulan yang agresif dengan mengadakan lagi "Travel Mart" sempena Forum Pelancongan ASEAN yang akan diadakan pada bulan Mac, 1987 di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Aionon Ariffin telah menimbulkan tentang kelembapan industri perfileman dan mengesyorkan agar pihak artis dan pengeluar filem bersatu untuk meningkatkan pengeluaran filem dan pasaran yang lebih baik. Saya ingin menyatakan bahawa industri perfileman tanahair kita tidaklah begitu lembab. Bagaimanapun, adalah diakui bahawa sektor penerbitan filem cereka dan industri cinema memang didapati terjejas hebat oleh kerana keadaan kemelesetan ekonomi di samping menghadapi persaingan yang hebat dari video dan media elektronik seperti TV. FINAS sebagai agensi yang bertanggungjawab memelihara, mengembang dan memajukan industri perfileman adalah sentiasa menjalankan langkah-langkah yang sewajarnya bagi meningkatkan pengeluaran filem-filem cereka tempatan. Beberapa perkembangan di hari-hari kebelakangan ini seperti persetujuan Persidangan para Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri untuk mengembalikan cukai hiburan 25% kepada penerbit-penerbit filem tempatan dan kejayaan menembusi pasaran filem di Indonesia adalah antara perkara-perkara yang diharap dapat meningkatkan lagi pengeluaran filem-filem bermutu tempatan.

FINAS adalah sentiasa berhubung rapat dengan semua Persatuan-persatuan Artis dan Persatuan Pengeluar-pengeluar Filem Malaysia dengan mengadakan beberapa siri dailog dengan tujuan untuk meningkatkan pengeluaran filem-filem tempatan. Dalam pada itu sementara pasaran luar negeri seperti Indonesia diusahakan, pihak FINAS juga sedang bekerja rapat dengan

Jabatan Penyiaran dalam usaha untuk meluaskan pasaran dalam negeri seperti penerbitan rancangan TV, Majalah Filem dan juga beberapa langkah promosi yang sedang diusahakan oleh pihak-pihak tuannya pawagam.

Mengenai syor supaya menyekat kemasukan filem dari luar, Kementerian memang menyedari keadaan yang tidak seimbang berhubung dengan kemasukan filem-filem dari luar negeri, terutama sekali filem-filem dari barat dan juga filem dari Indonesia. Langkah-langkah sedang dijalankan oleh FINAS dengan kerjasama pihak-pihak tertentu seperti Lembaga Penapis Filem untuk mencari jalan bagi membetulkan keadaan ini. Di samping itu perjanjian pertukaran filem antara Malaysia dengan Indonesia yang telah pun ditandatangani dalam tahun 1982 dan mengiatkan pelaksanaan semenjak akhir tahun 1985 adalah juga bertujuan untuk mengimbangkan penayangan filem-filem keluaran tempatan dengan filem-filem yang dibawa masuk.

Mengenai usaha untuk mengubah suara ke dalam Bahasa Malaysia seperti yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator itu, pihak FINAS sedangpun menghubungi lain-lain agensi yang terlibat untuk menentukan usaha mengubah suara atau mengadakan sarikata dapat dijalankan dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Aionon Ariffin menyentuh tentang industri berat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, bagi menyusun semula sistem galakan yang kini mendapat sungutan dari para pengilang dan Dasar Industri Berat Negara, Pelan Induk Perindustrian telah pun membuat cadangan supaya 3 perundangan baru akan diwujudkan iaitu Akta Galakan Industri

Keutamaan, Akta Galakan Eksport dan Rasionalisasi Perindustrian. Ini adalah bertujuan untuk mengkaji semula kelemahan-kelemahan sistem insentif yang sedia wujud dan menggubal dasar menyeluruh bagi industri berat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberikan pandangan dan cadangan yang ada kaitan dengan Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat, membawa usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.54 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga usul di hadapan Majlis ini telah diluluskan dan sebaik-baik sahaja selepas itu, Majlis ini akan ditangguhkan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang

Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga usul di hadapan Majlis ini telah diluluskan dan sebaik-baik sahaja selepas itu, Majlis akan ditangguhkan.

RANCANGAN MALAYSIA KELIMA 1986-1990

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama untuk memberi jawapan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat akan juga menjawab bagi pihak Kementerian Yang Berhormat?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau begitu, diminta supaya jawapan itu diselit sekaligus.

5.56 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dan seterusnya menggulung bagi pihak Kementerian saya sendiri iaitu Kementerian Pelajaran secara sekaligus.

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah

menyentuh dan memberi cadangan serta teguran terhadap perkara-perkara yang terletak di bawah bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Pelajaran sepanjang perbincangan Rancangan Malaysia Kelima di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rancangan Malaysia Kelima telah dirangka untuk menyesuaikan dan menumpukan dasar-dasar dan program-program bagi mengekalkan pembangunan sosio-ekonomi dan menjamin kestabilan ekonomi dalam jangka panjang serta meneruskan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Oleh itu, Kementerian Perusahaan Utama akan mencuba sedaya-upaya untuk melaksanakan strategi-strategi yang telah digariskan agar Rancangan Malaysia Kelima mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan telah membangkitkan industri bijih timah dan beliau meminta penjelasan apakah strategi dan pandangan Kerajaan tentang masa depan industri bijih timah berdasarkan harga yang tersangat rendah sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak perusahaan timah mulai mengalami kemelesetan, pihak Kerajaan telah memperakukan beberapa langkah bagi membantu perusahaan timah menghadapi masalah pasaran. Di antara langkah-langkah yang telah dipertimbangkan ialah mendapatkan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam melanjutkan tempoh pajakan lombong, menggalakkan aktiviti berhubung dengan tanaman-tanaman kontan, memesatkan aktiviti pembinaan terutama sekali pembinaan rumah kos rendah dan pembinaan lebuh raya, bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada para pekerja

lombong yang diberhentikan kerja akibat penutupan lombong. Dalam menghadapi masalah ini, kerjasama yang erat di antara kedua-dua Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri sangat-sangat diperlukan.

Berdasarkan keadaan dan perkembangan semasa, perusahaan timah Malaysia tiada pilihan, melainkan bersaing dengan lain-lain negara pengeluar sekiranya kita hendak kekal menjadi pengeluar utama timah dunia. Bagi maksud ini, perusahaan timah Malaysia haruslah mencari jalan dan berusaha mengurangkan kos pengeluaran mereka dan mengeluarkan timah dengan cara yang lebih berkesan lagi supaya dapat bersaing di pasaran timah antarabangsa bersama-sama dengan negara-negara pengeluar timah lain yang mempunyai kos pengeluaran yang rendah. Di pihak Kerajaan, sebagai membantu perusahaan timah ke arah tersebut, kos input seperti diesel dan tenaga elektrik telah dikurangkan. Di samping itu, kutipan cukai ke atas bahan-bahan berhubung dengan perlombongan sama ada telah dikurangkan ataupun dihapuskan sama sekali. Memandangkan yang masalah perusahaan timah ini dijangka akan berlarutan sekurang-kurangnya bagi tempoh 1½ tahun lagi yang mana adalah di luar kawalan kita, pihak Kerajaan telah juga berusaha mendapatkan persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melanjutkan tempoh pajakan lombong, bertujuan memberikan perusahaan timah peluang melakukan pengubahsuaian berdasarkan hakikat sebenar keadaan yang dihadapi itu.

Kementerian Perusahaan Utama, berterima kasih kerana ramai di antara Ahli-ahli yang telah menyuarakan pandangan serta buah fikiran tentang cara untuk mengatasi kejatuhan harga barangan utama yang sedang berlaku sekarang. Terhadap segala syor yang

dikemukakan, Kementerian akan memberi pertimbangan yang sewajarnya. Tetapi di dalam hal ini juga, saya ingin menekankan bahawa masalah yang dihadapi ini berpunca dari stok yang berlebihan bagi semua barangan di pasaran dunia. Satu cara bagi Malaysia dapat mengatasi masalah ini ialah dengan meningkatkan mutu pengeluaran supaya barangan kita bertanding dan bersaing dengan lain-lain negara dan ini akan hanya tercapai jika cara pengeluaran itu berpandukan kepada aspek-aspek moden dan yang lebih cekap daripada apa yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini juga beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah berucap mengenai perkara-perkara berhubung dengan pelajaran dan Kementerian Pelajaran.

Yang Berhormat Senator Haji Shaharom bin Haji Maasom telah menyatakan bahawa Kerajaan patut memberi perhatian yang berat kepada pembinaan bilik-bilik darjah di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil berat tentang kemudahan fizikal termasuklah bilik darjah bagi sekolah-sekolah di luar bandar. Oleh sebab inilah dalam program pembangunannya, Kementerian Pelajaran telah memperuntukkan lebih 80% daripada peruntukan pembangunan sekolah rendah di seluruh negara disalurkan kepada program pembangunan sekolah rendah di kawasan luar bandar. Dalam peruntukan bagi sekolah menengah pula, secara purata dua pertiga daripada peruntukan tersebut telah disalurkan kepada kawasan luar bandar.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima kira-kira 5,000 bilik darjah akan dibina untuk menampung pertambahan bilangan pelajar dan menggantikan

bilik-bilik darjah yang sedia ada bagi sekolah-sekolah rendah. Kira-kira 6,200 bilik darjah akan dibina untuk sekolah-sekolah menengah. Kawasan-kawasan luar bandar akan terus diberi keutamaan dalam pembinaan bilik-bilik darjah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Nasir bin Haji Manap telah membuat beberapa pandangan mengenai pelajaran dalam Rancangan Malaysia Kelima ini. Satu dari perkara-perkara yang diberi perhatian oleh beliau ialah pelajaran vokasional dan beliau mahu Kerajaan memberi tumpuan yang lebih dalam bidang ini. Di sini saya ingin menyatakan bahawa pelajaran vokasional memang disesuaikan dengan permintaan bagi tenaga manusia selaras dengan dasar pembangunan perindustrian negara.

Dalam tempoh 1986-1990, bilangan sekolah menengah vokasional akan bertambah menjadi 68 buah dengan siapnya pembinaan 31 buah sekolah baru. Bilangan pelajar di sekolah-sekolah ini akan bertambah daripada 13,700 orang pada tahun 1985 kepada 30,200 orang pada tahun 1990. Jumlah ini merupakan 8.2 peratus daripada bilangan pelajar di peringkat menengah atas pada tahun 1990 berbanding dengan 3.6 peratus pada tahun 1985. Langkah-langkah akan juga diambil untuk meningkatkan dan menambah kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah yang sedia ada bagi membolehkan pengambilan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus asas dan kursus khusus daripada 330 orang dalam tahun 1985 kepada 720 orang dalam tahun 1990.

Kementerian Pelajaran juga merancang hendak mulakan kursus-kursus 6 bulan hingga setahun dalam beberapa bidang ketukangan di sekolah-sekolah vokasional bagi mereka yang telah tamat persekolahan di peringkat SRP/SPM/SPVM. Kursus ini akan diadakan selepas waktu

dikemukakan, Kementerian akan memberi pertimbangan yang sewajarnya. Tetapi di dalam hal ini juga, saya ingin menekankan bahawa masalah yang dihadapi ini berpunca dari stok yang berlebihan bagi semua barangan di pasaran dunia. Satu cara bagi Malaysia dapat mengatasi masalah ini ialah dengan meningkatkan mutu pengeluaran supaya barangan kita bertanding dan bersaing dengan lain-lain negara dan ini akan hanya tercapai jika cara pengeluaran itu berpandukan kepada aspek-aspek moden dan yang lebih cekap daripada apa yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini juga beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah berucap mengenai perkara-perkara berhubung dengan pelajaran dan Kementerian Pelajaran.

Yang Berhormat Senator Haji Shaharom bin Haji Maasom telah menyatakan bahawa Kerajaan patut memberi perhatian yang berat kepada pembinaan bilik-bilik darjah di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil berat tentang kemudahan fizikal termasuklah bilik darjah bagi sekolah-sekolah di luar bandar. Oleh sebab inilah dalam program pembangunannya, Kementerian Pelajaran telah memperuntukkan lebih 80% daripada peruntukan pembangunan sekolah rendah di seluruh negara disalurkan kepada program pembangunan sekolah rendah di kawasan luar bandar. Dalam peruntukan bagi sekolah menengah pula, secara purata dua pertiga daripada peruntukan tersebut telah disalurkan kepada kawasan luar bandar.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima kira-kira 5,000 bilik darjah akan dibina untuk menampung pertambahan bilangan pelajar dan menggantikan

bilik-bilik darjah yang sedia ada bagi sekolah-sekolah rendah. Kira-kira 6,200 bilik darjah akan dibina untuk sekolah-sekolah menengah. Kawasan-kawasan luar bandar akan terus diberi keutamaan dalam pembinaan bilik-bilik darjah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Nasir bin Haji Manap telah membuat beberapa pandangan mengenai pelajaran dalam Rancangan Malaysia Kelima ini. Satu dari perkara-perkara yang diberi perhatian oleh beliau ialah pelajaran vokasional dan beliau mahu Kerajaan memberi tumpuan yang lebih dalam bidang ini. Di sini saya ingin menyatakan bahawa pelajaran vokasional memang disesuaikan dengan permintaan bagi tenaga manusia selaras dengan dasar pembangunan perindustrian negara.

Dalam tempoh 1986-1990, bilangan sekolah menengah vokasional akan bertambah menjadi 68 buah dengan siapnya pembinaan 31 buah sekolah baru. Bilangan pelajar di sekolah-sekolah ini akan bertambah daripada 13,700 orang pada tahun 1985 kepada 30,200 orang pada tahun 1990. Jumlah ini merupakan 8.2 peratus daripada bilangan pelajar di peringkat menengah atas pada tahun 1990 berbanding dengan 3.6 peratus pada tahun 1985. Langkah-langkah akan juga diambil untuk meningkatkan dan menambah kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah yang sedia ada bagi membolehkan pengambilan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus asas dan kursus khusus daripada 330 orang dalam tahun 1985 kepada 720 orang dalam tahun 1990.

Kementerian Pelajaran juga merancang hendak mulakan kursus-kursus 6 bulan hingga setahun dalam beberapa bidang ketukangan di sekolah-sekolah vokasional bagi mereka yang telah tamat persekolahan di peringkat SRP/SPM/SPVM. Kursus ini akan diadakan selepas waktu

persekolahan biasa iaitu di sebelah malam. Perjalanan kursus ini adalah tertakluk kepada permintaan dari lepasan-lepasan sekolah dan adanya peruntukan bagi memulakan kursus ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu sistem pelajaran vokasional baru untuk sekolah-sekolah menengah vokasional yang berasaskan kepada dua bidang kursus, iaitu vokasional dan kemahiran akan dilaksanakan. Dalam bidang vokasional, masa yang lebih akan ditumpukan kepada matapelajaran akademik dan sijil yang dianugerahkan adalah setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Penganugerahan sijil ini akan memberi peluang kepada mereka yang mendapat keputusan baik melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi. Dalam bidang kemahiran, peperiksaan yang diadakan dan sijil yang dianugerahkan adalah setaraf dengan piawaian yang ditetapkan oleh Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (LLPPKK). Pelajar-pelajar lepasan bidang kemahiran tersebut akan mempunyai kelayakan kemahiran yang diperlukan bagi mendapatkan pekerjaan dalam sektor perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Nasir bin Haji Manap juga telah menyentuh soal perancangan untuk mengatasi kekurangan guru. Dalam perkara ini saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah kekurangan guru ini. Masalah ini timbul di peringkat sekolah rendah berikutan dengan perlaksanaan nisbah kelas guru iaitu 1 kelas ialah 1:5 orang guru bagi kelas-kelas KBSR.

Walau bagaimanapun, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, keluaran guru daripada maktab-maktab perguruan dijangka bertambah seramai 40,000 orang iaitu

sekali ganda lebih ramai daripada keluaran dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Mungkin Ahli Yang Berhormat kurang jelas mengenai nisbah ini, nisbah yang lama bagi guru ialah satu bilik darjah 1:3 orang guru. Jadi kalau mengikut KBSR, kita adakan satu bilik darjah kita adakan 1:5 orang guru. Itu ertinya.

Lima maktab perguruan baru akan dibina bagi membolehkan pertambahan pengambilan pelatih daripada kira-kira 9,600 orang pada tahun 1985 kepada kira-kira 10,000 orang pada tahun 1990. Pengambilan guru pelatih di peringkat ijazah akan juga diteruskan bagi menampung pertambahan bilangan pelajar di peringkat pelajaran menengah rendah dan peringkat pelajaran menengah tinggi serta untuk mengatasi masalah kekurangan guru-guru berijazah dalam berbagai matapelajaran di peringkat pelajaran menengah.

Tuan Yang di-Pertua, kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan kemahiran mengajar dan menambah pengetahuan dalam berbagai matapelajaran akan terus dikendalikan. Kursus bagi menyesuaikan guru-guru mengajar dengan kurikulum baru sekolah-sekolah rendah dan menengah akan juga diteruskan. Sehubungan dengan ini, empat buah pusat sumber pelajaran yang telah diwujudkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat di Kedah, Kelantan, Pahang dan Terengganu akan menyediakan kemudahan kepada guru-guru untuk memperolehi kemahiran mengajar dan menambah pengetahuan dalam berbagai bidang matapelajaran serta teknik-teknik baru dalam menyediakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran. Langkah-langkah akan juga diambil bagi meningkatkan kebolehan mengajar bagi guru-guru matapelajaran Matematik dan bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah cuti yang tidak sama bagi sekolah dan maktab-maktab perguruan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Nasir Haji Manap juga, saya ingin menyatakan perkara ini berpunca dari program untuk melipatgandakan pengeluaran guru terlatih. Oleh kerana kapasiti maktab-maktab perguruan untuk menambah pengambilan pelatih di bawah sistem yang lama adalah terhad, maka sistem semestar telah diperkenalkan dan ini telah menyebabkan masa cuti yang tidak sama itu. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran sedar tentang masalah yang timbul mengenai latihan mengajar bagi guru-guru pelatih itu dan sedang berusaha untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator yang tersebut juga telah mencadangkan supaya universiti-universiti dan cawangan-cawangannya tidak dibina di satu tempat sahaja. Berhubung dengan perkara ini, saya sukacita menyatakan bahawa Kerajaan tidak berhasrat untuk memuatkan universiti-universiti dan cawangan-cawangannya di sesuatu tempat sahaja. Ini jelas kalau kita perhatikan bahawa Universiti Sains Malaysia telah dibina di Pulau Pinang; Universiti Utara Malaysia di Kedah; Universiti Teknologi Malaysia di Johor. Selain dari itu Cawangan-cawangan Universiti Sains Malaysia terdapat di Kelantan dan Perak; Cawangan Universiti Pertanian Malaysia terdapat di Sarawak; Cawangan Universiti Kebangsaan Malaysia terdapat di Sabah; dan Cawangan Universiti Malaya terdapat juga di Kelantan. Penubuhan cawangan-cawangan kampus universiti yang baru adalah tertakluk kepada keperluan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King telah mencadangkan supaya Kerajaan

membenarkan pembukaan sekolah-sekolah swasta di peringkat rendah dan menengah. Dalam perkara ini saya ingin menjelaskan bahawa pihak swasta memang dibenarkan membuka sekolah-sekolah jenis tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Satu daripada syarat-syarat itu ialah sekolah-sekolah tersebut hendaklah menggunakan sukatan pelajaran yang digunakan untuk sekolah-sekolah Kerajaan. Dan sebenarnya di negara kita hari ini banyak sekolah-sekolah swasta telah ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ulasan saya mengenai perkara-perkara berhubung dengan Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Pelajaran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam ucapan-ucapan mereka semasa membahaskan usul mengenai Rancangan Malaysia Kelima.

Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas teguran-teguran itu dan mana-mana teguran yang tidak dapat saya jawab, insya Allah kita akan ambil tindakan di masa akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk memberi jawapan. Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

6.09 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rancangan Malaysia Kelima di Dewan yang mulia ini yang berkaitan dengan tugas beberapa bahagian serta jabatan

dan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom, Yang Berhormat Tuan Nasir bin Haji Manap, Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin dan Yang Berhormat Puan Mazidah Haji Zakaria, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah memberikan sokongan, pandangan serta cadangan kepada Kementerian ini yang rata-ratanya menyentuh beberapa perkara khususnya soal-soal pembekalan projek-projek kemudahan asas seperti jalan, bekalan air, bekalan elektrik, jalan-jalan kampung dan jalan luar bandar, peranan KEMAS dan Bahagian Industri Kampung Kementerian ini. Ianya akan saya jelaskan secara menyeluruh, jika terdapat perkara-perkara yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan tidak terjawab secara detail, ianya akan tetap mendapat perhatian oleh Kementerian saya dan ia akan dijadikan asas oleh Kementerian ini dalam usaha kita untuk menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab Kementerian di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom mengenai Kementerian saya, sukacita saya memaklumkan kepada Yang Berhormat, bahawa Kerajaan menyedari hakikat bahawa masih banyak lagi kampung-kampung di luar bandar khususnya kampung yang terpencil dan jauh di pedalaman yang memerlukan kemudahan asas seperti jalan, elektrik, air dan sebagainya.

Untuk menyediakan kemudahan asas ini serentak di seluruh kawasan tersebut mungkin Kerajaan tidak berkemampuan lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi yang meleset sejak

beberapa tahun yang lalu. Walaupun ekonomi negara tidak begitu menggalakkan di waktu ini, namun demikian di bawah Rancangan Malaysia Kelima ini Kerajaan melalui beberapa buah Jabatan dan Kementerian termasuk Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan terus melaksanakan berbagai-bagai kemudahan asas ke kawasan luar bandar. Misalnya bagi program bekalan air luar bandar, Kerajaan akan melaksanakan satu projek raksaksa yang akan menelan belanja sebanyak \$1,430 juta. Sudah tentu apabila siapnya rancangan ini hampir keseluruhan kawasan luar bandar akan dapat menikmati bekalan air bersih, begitu juga program bekalan elektrik luar bandar dan program jalan luar bandar serta jalan kampung yang mana masing-masing sebanyak \$462.2 juta dan \$1.011.8 juta telah dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Kelima ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Nasir bin Haji Manap supaya Kementerian ini mengambilalih tanggungjawab untuk mengendalikan pendidikan pra-sekolah. Untuk tujuan ini pihak Kementerian saya melalui KEMAS akan mengkaji dengan teliti di atas cadangan daripada Yang Berhormat itu.

Kepada perkara-perkara yang disarankan oleh Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin yang mahukan supaya barangan kraf dapat dipelbagaikan untuk hiasan dalaman dengan menggunakan bahan-bahan tempatan, contohnya seperti menghiasi dengan barang-barang kraf di dalam Dewan-dewan Parlimen dan juga dapat mempertingkatkan hasil-hasil keluaran barang-barang kraf agar tidak mengecewakan pembeli-pembeli. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan inginlah saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini, bahawa Kementerian

Pembangunan Negara dan Luar Bandar bersetuju dengan cadangan supaya barangan kraf keluaran negara dipelbagaikan supaya ia bukan hanya dapat digunakan sebagai barangan kegunaan harian (utility), dengan izin, tetapi boleh digunakan sebagai barang-barang hiasan. Untuk tujuan tersebut unit Dayacipta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia sentiasa mencari idea baru dan menghasilkan barang ciptaan baru yang mana ia boleh digunakan untuk tujuan-tujuan di atas. Sehingga sekarang kira-kira 3,650 rekaan baru telah dihasilkan dalam usaha Kerajaan untuk mempelbagaikan barangan kraf negara ini. Dari jumlah tersebut sejumlah 3,230 rekaan telah dijadikan barangan contoh dan barangan-barangan ini sudah diuji di pasaran oleh Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn Bhd dan juga Batek Malaysia Berhad.

Berhubung dengan kekurangan barang-barang kraf, Kementerian saya memang sedar akan masalah tersebut dan sedang giat untuk menambah lagi pengeluaran barang-barang itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga usaha ke arah ini sedang dilakukan melalui beberapa program pembangunan yang sedang dijalankan. Program ini termasuklah program memberikan bantuan kewangan kepada pengusaha-pengusaha, memberi latihan kemahiran, menyediakan skim bekalan bahan mentah dan menyediakan peluang pasaran. Adalah diharapkan dengan adanya tindakan-tindakan tersebut maka masalah kekurangan barang-barang kraf di negara ini akan dapat dikurangkan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat Puan Mazidah Haji Zakaria yang ingin tahu mengenai langkah-langkah dan strategi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi menggembelingkan tenaga kaum

wanita dalam projek-projek pembangunan sekurang-kurangnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini, inginlah saya memaklumkan di sini bahawa penubuhan projek Karyaneka dan Industri Kampung adalah satu daripada langkah utama yang diambil oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk menggembelingkan tenaga kaum wanita dalam projek-projek pembangunan sekurang-kurangnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini, inginlah saya memaklumkan di sini bahawa penubuhan projek Karyaneka dan Industri Kampung adalah satu daripada langkah utama yang diambil oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk menggembelingkan tenaga wanita di dalam projek-projek pembangunan. Dengan penubuhan projek-projek Karyaneka ini maka kebolehan wanita dalam bidang kraf dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya boleh dapat digunakan bagi faedah menambahkan pendapatan mereka dan mempercepatkan lagi proses pembangunan di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga langkah dan strategi lain yang telah diambil oleh Kementerian ini adalah mempertingkatkan lagi program pembangunan keluarga menerusi KEMAS. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan merupakan pendidikan ekonomi rumahtangga, pendidikan kesejahteraan keluarga dan kegiatan-kegiatan ke arah matlamat penambahan pendapatan dengan meningkatkan latihan kemahiran.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima KEMAS menganjurkan "Training Gum Business", dengan izin, yang menggembelingkan tenaga kaum wanita dalam projek masakan pelbagai jenis yang akhirnya

menggalakkan mereka berusaha berniaga bagi menambahkan pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dan pandangan dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya tidak dapat menjawab ataupun tidak terjawab, saya inginlah mengesyorkan bahawa Kementerian ini akan mengambil perhatian di atas cadangan-cadangan dan teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan untuk memberi jawapan. Dipersilakan.

6.18 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya suka menjawab kepada hujah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato Dr K. S. Nijhar, mengenai kemudahan kesihatan di sektor swasta dan persoalan beliau mengapakah hospital Kerajaan tidak dapat memberi perkhidmatan sebaik hospital swasta.

Sukalah saya mengatakan di sini bahawa mutu rawatan di hospital-hospital Kerajaan adalah dianggap oleh ramai sebagai setanding dengan apa yang diberikan oleh hospital-hospital swasta, tambah lagi banyak kemudahan rawatan dan kepakaran yang terdapat di hospital-hospital Kerajaan tidak wujud sama sekali di hospital-hospital di sektor swasta. Banyak hospital-hospital swasta pada masa inipun merujuk pesakit-pesakit yang mempunyai penyakit yang rumit atau dalam keadaan tenat ke hospital-hospital Kerajaan untuk rawatan selanjutnya kerana di situ terdapat kemudahan dan kakitangan yang

sempurna bagi menjaga pesakit dalam keadaan seperti itu. Ini sebagai satu tanda menunjukkan bahawa doktor-doktor swasta pun menganggap rawatan di hospital Kerajaan itu adalah juga baik.

Di hospital-hospital swasta mereka mempunyai kemudahan-kemudahan yang lebih selesa seperti bilik, kemudahan perkakas dan sebagainya untuk melayani kehendak-kehendak pesakit yang sanggup membayar bagi kemudahan-kemudahan ini, dalam bahasa Inggeris dengan izin, if you pay like a duke, you get treated like a duke di sektor swasta, begitulah rupanya.

Penyelenggaraan pesakit-pesakit di hospital-hospital swasta juga adalah lebih "personal" jika dibandingkan dengan di hospital-hospital Kerajaan. Di hospital-hospital Kerajaan kita tidak dapat membezakan dari segi rawatan ataupun penyelenggaraan di antara pesakit-pesakit Wad Kelas 3 dengan pesakit-pesakit di Wad Kelas 1, kita anggap mereka sebagai sama penting dan kita terpaksa menyelenggarakan mereka seperti itu. Di dalam keadaan itu, penyelenggaraan "personal" tidak dapat ditumpukan kepada pesakit-pesakit seperti terdapat di sektor swasta.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang telah menyentuh satu perkara yang saya anggap sebagai sedih dan malang. Beliau telah memberitahu tentang pengalaman beliau semasa beliau dimasukkan di Hospital Besar Seremban, jikalau saya tidak silap, akibat kemalangan pada 16hb Disember, 1985 dan layanan buruk yang diberi kepada beliau oleh doktor dan kakitangan di hospital tersebut. Pada amnya saya dapat mengatakan bahawa kakitangan yang berkhidmat di hospital-hospital Kerajaan adalah berdisiplin, berdedikasi dan memberi layanan yang memuaskan kepada pesakit-pesakit yang datang ke

hospital-hospital itu dan ramailah pesakit yang datang sebagai "outpatient" dan juga sebagai "in-patient", dengan izin, di hospital-hospital Kerajaan.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa di mana-mana juga dalam satu-satu organisasi terdapat segelintir kakitangan yang tidak memberi layanan yang memuaskan dan kita di Kementerian sentiasa berusaha untuk menentukan bahawa keadaan-keadaan seperti itu di mana tindak-tanduk dan sikap segelintir kakitangan itu tidak menjejaskan nama baik ataupun perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit-pesakit.

Mengenai kejadian di Hospital Besar Seremban pada 16hb Disember, 1985 yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menyatakan bahawa saya sendiri akan meninjau, menyiasat keadaan yang telah berlaku pada hari itu dan menentukan bahawa kejadian seperti itu tidak berulang.

Sekian sahaja, terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan memberi beberapa cadangan tentang Kementerian Kesihatan dan saya harap aspek-aspek yang lain juga akan diambil perhatian.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah memberi jawapan. Persilakan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

6.23 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberi

pandangan, cadangan serta teguran-teguran yang membina mengenai pelaksanaan program-program dan aktiviti-aktiviti di Kementerian saya di sepanjang perbahasan atas Usul Rancangan Malaysia Kelima.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim telah membangkitkan mengenai tanah terbiar yang mana beliau menyarankan supaya tanah-tanah terbiar ini sepatutnya diusahakan oleh mereka yang tidak mempunyai tanah, manakala hasilnya pula dibahagikan di antara tuan punya tanah dengan pengusaha berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, agensi yang bertanggungjawab memulihkan tanah terbiar ini ialah FELCRA. Tanah-tanah terbiar yang telah dikenalpasti dan tidak diusahakan oleh pemiliknya akan dipulihkan oleh FELCRA sekiranya dia didapati sesuai dan berpotensi. Segala faedah dan keuntungan hasil tanah yang telah dipulihkan akan dibahagikan kepada pemilik tanah itu sendiri setelah ditolak belanja pembangunan yang telah dibelanjakan semasa membangunkan tanah itu.

Mengenai saranan Yang Berhormat supaya tanah-tanah terbiar sepatutnya diusahakan oleh mereka yang tidak bertanah, sukalah saya menyatakan bahawa cadangan ini terpulanglah kepada tuan tanah itu sendiri untuk berunding dengan pihak yang akan mengusahakan tanah terbiar tersebut. Walau bagaimanapun, adalah lebih baik jika tanah yang terbiar itu dimajukan oleh FELCRA kerana kos pembangunannya adalah tinggi dan juga FELCRA mempunyai kepakaran dalam hal-hal memajukan tanah terbiar.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom telah membangkitkan mengenai permohonan tanah yang diminta daripada Rancangan Malaysia

Pertama sehinggalah berakhirnya Rancangan Malaysia tetapi permohonan tanah tersebut masih belum diluluskan lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara yang dibangkitkan ini adalah terlalu umum dan saya tidak dapat memberikan jawapan yang tepat mengenai keadaan ataupun kedudukannya. Sekiranya ada butir-butir lengkap mengenai kes-kes seumpama ini yang benar-benar telah didapati berlaku maka siasatan dan tindakan yang sewajarnya dapat dibuat.

Selanjutnya Yang Berhormat Senator juga membangkitkan mengenai nama pemohon tanah yang telah hilang dari komputer tetapi sebaliknya nama orang lain yang tidak memohon pula yang timbul. Dalam hubungan ini sudah tentu Yang Berhormat berkenaan telah menerima maklumat yang salah dan tidak benar.

Untuk makluman Yang Berhormat, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa setakat ini permohonan-permohonan tanah belum lagi diproses dengan komputer di Pejabat-pejabat Tanah. Oleh itu nama pemohon hilang dalam komputer dan diganti dengan nama orang lain yang tidak memohon itu tidak timbul. Pada masa ini kegunaan komputer ditumpukan kepada peringkat urusan-urusan pungutan cukai tanah sahaja.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr K.S. Nijhar dan Yang Berhormat Senator Ainon binti Ariffin telah membangkitkan mengenai masalah permohonan untuk menukar syarat tanah yang mana ianya memakan masa yang lama untuk diproses.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator-senator, perkara yang dibangkitkan ini adalah terlalu umum. Tanpa butir-butir lengkap mengenai kes-kes yang tertentu maka saya tidak dapat memberikan jawapan yang tepat mengenai kedudukan ataupun

keadaan perkara yang dibangkitkan itu. Walau bagaimanapun, menyedari adanya kelewatan yang telah berlaku pada masa-masa yang lepas maka Kementerian saya telah mengarahkan keseluruhan jentera pentadbiran tanah, khususnya Pejabat Tanah supaya menentukan permohonan-permohonan tukar syarat tanah diproses dan diangkat kepada peringkat Pihak Berkuasa Negeri untuk pertimbangan dalam tempoh tiga bulan. Pada masa ini setiap lapisan pentadbiran tanah di peringkat Pusat, Negeri dan Daerah sedang memberikan tumpuan dan melaksanakan arahan itu.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang menyarankan supaya agensi-agensi Kerajaan yang telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek pembangunan tanah hendaklah melaksanakan tugas-tugasnya mengikut program-program yang telah ditetapkan dan pegawai-pegawainya pula hendaklah jujur manakala semua projek-projek yang memberi manfaat hendaklah diteruskan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pelaksanaan projek-projek pembangunan tanah adalah mengikut perancangan Rancangan Lima Tahun yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Di samping itu tiap-tiap projek yang hendak dilaksanakan dalam sesuatu tanah itu hendaklah juga diluluskan dalam Anggaran Belanjawan tahun tersebut dengan mengambil kira dasar-dasar dan program-program yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Oleh yang demikian, pelaksanaan projek-projek pembangunan tanah oleh agensi-agensi Kerajaan adalah mengikut program-program yang telah ditetapkan. Pegawai-pegawai di agensi-agensi berkenaan bertugas mengikut arahan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Jika ada

pegawai yang tidak jujur dalam masa menjalankan tugasnya maka tindakan tatatertib boleh diambil terhadapnya.

Mengikut dasar Kerajaan, projek-projek yang memberi manfaat seperti pembangunan tanah adalah diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, kepada saranan-saranan serta pandangan-pandangan dan apa-apa jua masalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, yang tidak dapat saya sebutkan di Dewan yang mulia ini, akan tetap diambil perhatian oleh Kementerian saya sebagai asas Kementerian ini untuk bertindak dan berfungsi di masa-masa yang akan datang. Kepada cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menjawab.

(Tiada jawapan dari Menteri)

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan.

(Tiada jawapan dari Menteri)

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pertanian untuk menjawab.

Saya percaya Yang Berhormat akan menjawab bagi pihak 3 Kementerian. Sila.

6.31 ptg.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, pertama saya mohon izin menjawab bagi pihak Kementerian Pertanian, kemudian Kementerian Kebajikan Masyarakat dan seterusnya Kementerian Pengangkutan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran kepada Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai dakwaan Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom yang menyatakan bahawa orang-orang tengah terlibat di dalam pasar-pasar tani. Saya ingin terlebih dahulu menerangkan dan menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan mengenai konsep dan tujuan pasar tani itu diadakan.

Tujuan pasar tani diadakan ialah memberi peluang kepada kaum petani memasarkan hasil pertanian mereka terus kepada pengguna-pengguna. Untuk tujuan ini peserta-peserta pasar tani adalah terdiri daripada petani-petani, sama ada petani perseorangan, kumpulan atau melalui jabatan, agensi-agensi atau badan-badan yang berkaitan dengan pembangunan pertanian dan sosio-ekonomi luar bandar. Dengan cara ini tentulah dapat dipastikan bahawa petani-petani akan memperolehi semua hasil jualan di pasar tani ini. Oleh itu, tidaklah benar bahawa orang tengah terlibat di dalam pasar tani ini.

Mengenai saranan beliau supaya LPP (Lembaga Pertubuhan Peladang) meluaskan perkhidmatannya di dalam usaha untuk mengelakkan orang-orang tengah, adalah dimaklumkan bahawa LPP hanya memilih peserta yang terdiri dari ahli-ahli Pertubuhan Peladang sahaja menjual barang mereka di pasar-pasar tani. Dengan cara ini orang-orang tengah tidak dapat memainkan peranan mereka. Namun demikian, LPP akan berwaspada untuk mengelakkan timbulnya orang-orang tengah terlibat di pasar-pasar tani.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan mengenai peruntukan di bawah sektor perikanan, saya ingin menjelaskan bahawa dengan penglibatan Zon Eksklusif Ekonomi, perairan negara telah bertambah daripada 45,000 batu nautika kepada 160,000 batu nautika. Memang lojik peruntukan pembangunan RML patut ditambah daripada peruntukan Rancangan Malaysia Keempat, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekurangan peruntukan ini tidak bermakna bahawa Kementerian Pertanian tidak memberi tekanan yang sewajarnya dalam pembangunan perikanan, terutama penangkapan ikan laut dalam. Dalam konteks ini, Kementerian Pertanian telah pun membina kompleks-kompleks pendaratan ikan utama dan sederhana di dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk pendaratan bot-bot besar dan sederhana.

Satu perkara yang saya ingin jelaskan di sini ialah pembangunan industri perikanan akan dikendalikan oleh pihak swasta sendiri dan agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Perikanan akan memberi khidmat sokongan seperti penyelidikan, perlindungan pembangunan dan latihan. Di samping itu juga beberapa insentif seperti pinjaman faedah rendah, pengecualian daripada cukai alat-alat penangkapan ikan dan galakan-galakan telah pun diwujudkan. Maka dengan itu, Kementerian Pertanian yakin peruntukan RML yang berkurangan ini tidak akan menjejaskan perkembangan industri perikanan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato Haji Kamaruzaman bin Ahmad telah menyentuh mengenai penghijrahan belia-belia luar bandar ke bandar-bandar yang akan menjejaskan pembangunan sektor pertanian. Kerajaan sememangnya menyedari hal ini.

Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Pertanian telah mengambil beberapa langkah tertentu yang bertujuan untuk menjadikan sektor pertanian lebih menarik untuk dijadikan sebagai kerjaya. Walaupun belia-belia yang dilatih di institusi-institusi Jabatan Pertanian, Perikanan dan Ternakan tidak lagi beri jaminan pekerjaan, Kementerian Pertanian tetap meneruskan latihan ini bagi membolehkan lepasan institusi-institusi tersebut menjadikan lapangan pertanian sebagai kerjaya mereka.

Satu pendekatan baru mengenai latihan juga telah diperkenalkan di mana ketiga-tiga bidang iaitu pertanian, perikanan dan ternakan juga diperkenalkan di institusi latihan yang pada asalnya mengkhususkan bidang-bidang mereka. Kementerian Pertanian menganggap perkara ini penting dijalankan supaya lepasan-lepasan institusi-institusi latihan akan lebih lengkap pengetahuan mereka dalam bidang pertanian dan boleh menjadikan pertanian sebagai kerjaya mereka.

Di samping itu, langkah-langkah menambahkan peladangan secara berkelompok juga diharap akan dapat menarik lebih ramai golongan belia menceburi bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kejatuhan harga koko dan kelapa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang sama, ingin saya menjelaskan bahawa harga koko dan kelapa di negara ini juga bergantung kepada pasaran dunia, iaitu dengan lain-lain perkataan, permintaan dan penawaran. Harga kelapa yang merosot dengan banyaknya adalah disebabkan oleh penawaran yang berlebihan dari stok negara-negara pengebur. Sungguhpun harga koko turun, tetapi pulangan dari komoditi itu adalah baik dan tidak menjejaskan petani-petani.

Dalam hal ini, Kerajaan telah memberi sokongan harga kepada harga kelapa memandangkan pada masa tersebut petani-petani kelapa yang juga kebanyakan mempunyai koko belum lagi mendapat hasil koko mereka. Walaupun begitu, Kerajaan baru-baru ini telah mengkaji balik sokongan harga ini apabila petani-petani telah mendapat hasil koko mereka. Oleh hal yang demikian, adalah jelas bahawa Kerajaan sentiasa memberi perhatian ke atas nasib petani-petani dan dalam pada itu Kerajaan tidak boleh sentiasa memberikan harga sokongan kerana Kerajaan pun mempunyai keupayaan yang terbatas.

Mengenai saranan beliau supaya menambah nelayan-nelayan diajar seni pertukangan dan kemahiran supaya dapat menambah pendapatan mereka, khususnya di musim tidak ke laut, saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian Pertanian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia memang menyediakan kemudahan tersebut, iaitu di bawah program Pembangunan Masyarakat Nelayan. Di bawah program ini nelayan-nelayan yang berminat diajar berbagai kemahiran seperti seni pertukangan dan sebagainya. Di samping itu, di bawah program-program ini juga nelayan-nelayan dipupuk dan dilatih untuk menjadi usahawan-usahawan di sektor perikanan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan pandangan kepada Kementerian Pertanian.

Sekarang untuk Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana

telah menyentuh mengenai tanggungjawab dan peranan Kementerian Kebajikan Masyarakat semasa membahaskan Rancangan Malaysia Kelima yang telah dibentangkan pada 11hb April di Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian saya sekarang sedang menggubal satu dasar kebajikan negara yang menitikberatkan aspek-aspek pembangunan sosial yang memberi tekanan yang lebih dalam penglibatan dan penyertaan masyarakat di dalam usaha-usaha yang dijalankan untuk kesejahteraan hidup golongan-golongan tertentu.

Ini bermakna bahawa masyarakat kini perlulah memainkan peranan dengan lebih positif dan lebih bertanggungjawab lagi terhadap kebajikan ahli-ahlinya. Oleh hal yang demikian, Kementerian saya akan berusaha dengan lebih giat lagi untuk melahirkan satu masyarakat yang lebih memberi daripada yang menerima. Dengan kesedaran inilah maka Kementerian saya telah memperkenalkan program pembangunan sosial pada tahun 1982 di mana tujuannya adalah untuk mendorong sesuatu kelompok masyarakat tempatan untuk bersatu-padu dan berusaha mengenalpasti serta mengadakan berbagai aktiviti dengan menggunakan sumber-sumber tempatan. Melalui program ini Kementerian Kebajikan Masyarakat sentiasa berusaha untuk mencegah berlakunya masalah sosial yang boleh menjejaskan kestabilan dan keharmonian masyarakat serta memberi perkhidmatan sokongan kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela dan lain-lain agensi bagi mencapai kesejahteraan hidup.

Program ini juga melibatkan perubahan pemikiran dan sikap masyarakat untuk lebih bertanggungjawab melalui kerja komuniti dan tindakan sosial. Buat masa ini program ini sedang dilaksanakan di 32 buah kawasan yang kurang maju di seluruh negara. Masyarakat di kawasan-kawasan berkenaan telah digalakkan untuk mewujudkan berbagai aktiviti ekonomi untuk mempertingkatkan taraf hidup mereka.

Di dalam RML liputan program ini akan diperluaskan. Bagi tujuan ini Kementerian saya telah merancang untuk melaksanakan tiga program bukan fizikal iaitu:

(i) Program Organisasi Komuniti:

Program ini bertujuan untuk memberi galakan, panduan dan dorongan kepada komuniti tempatan supaya mereka itu dapat melahirkan tanggungjawab perpaduan dan kerjasama bagi mengatasi masalah mereka. Tumpuan akan diberi kepada komuniti tempatan yang mundur yakni yang mengalami masalah sosial yang teruk serta tertinggal oleh arus pembangunan negara ini.

Di dalam RML sebanyak 468 projek telah dirancangan. Mengenai saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Puan Mazidah binti Haji Zakaria penubuhan dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian saya bagi melibatkan wanita di dalam pembangunan, sukacitalah saya menyatakan bahawa di bawah program organisasi komuniti yang akan dijalankan di dalam RML, wanita-wanita yang tidak bekerja akan diberi keutamaan menyertai rancangan latihan dan seterusnya

aktiviti-aktiviti ekonomi bagi menambahkan sumber pendapatan mereka.

(ii) Program Taman Asohan Kanak-kanak ataupun TASKA:

Program ini bertujuan untuk mengadakan perkhidmatan sokongan kepada wanita yang bekerja bagi jagaan kanak-kanak di bawah umur 4 tahun dan untuk menentukan pertumbuhan kanak-kanak yang sehat serta mengadakan peluang pembelajaran bagi mereka. Program TASKA ini akan memberi faedah kepada kanak-kanak untuk mendapat kemudahan asuhan dan perkembangan yang baik supaya apabila mereka dewasa kelak, mereka akan menjadi warganegara yang lebih bertanggungjawab, sehat berpelajaran dan mempunyai daya usaha yang tinggi. Secara tidak langsung program ini akan mengelakkan berlakunya masalah kerosakan akhlak, keciciran sekolah dan berbagai masalah sosial yang lain. Bagi kaum wanita pula program ini memberi peluang untuk mereka bekerja dalam berbagai sektor perusahaan membantu keluarga menambah pendapatan dan seterusnya menyumbang terhadap kesejahteraan keluarga serta pembangunan negara, terutama dari segi mengadakan tenaga pekerja dalam sektor pertanian, perindustrian dan perkhidmatan. Melalui program ini juga ibu-bapa pula dapat mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam pengasuhan dan perkembangan kanak-kanak. Program TASKA ini

adalah ditadbirkan di bawah Akta Taman Asohan Kanak-kanak 1984 yang telah berkuat-kuasa di seluruh negara mulai daripada 1hb Februari tahun ini.

(iii) Program Pemulihan Berkomuniti:

Program ini merupakan satu pendekatan baru yang menekankan penglibatan yang lebih aktif oleh ibu-bapa, ahli keluarga dan komuniti tempatan terhadap usaha untuk mencegah dan memulihkan orang cacat, khususnya di peringkat kampung dengan menggunakan sumber dan struktur yang sedia ada. Pendekatan ini pernah dilaksanakan dengan jayanya di beberapa negara asing. Menyedari hakikat ini, maka Kementerian Kebajikan Masyarakat telah mengadakan projek perintis di Mukim Batu Rakit, di Terengganu pada awal tahun 1983 dengan bantuan kepakaran dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau, dengan izin, WHO. Memandangkan program ini telah mencapai kejayaan, Kementerian saya bercadang memperkenalkan pendekatan ini di 93 buah kawasan di seluruh negara di dalam RML.

Tuan Yang di-Pertua, seiringan dengan usaha Kerajaan untuk mengimbangkan kemajuan sosial dengan kemajuan ekonomi, Kementerian saya akan terus membimbing kumpulan sasarannya menerusi perkhidmatan pemulihan seperti latihan, nasihat ataupun bantuan kewangan supaya mereka turut serta menikmati kemajuan yang berlaku di sekeliling masing-masing.

Untuk melaksanakan tanggungjawabnya, Kementerian saya sangat memerlukan tenaga terlatih secukupnya supaya segala intervensi kerja sosial yang diperlukan dapat memberi kesan yang berpanjangan.

Selain dari itu, amatlah perlu disediakan kemudahan fizikal seperti pusat latihan dan pemulihan, bengkel pengeluaran, rumah kebajikan dan sebagainya di mana sebahagian daripada kerja sosial dapat diselenggarakan dengan lebih teratur. Bagi mencapai tujuan ini Kementerian saya telah merancangkan sebanyak 13 projek untuk dilaksanakan dalam RML. Projek-projek ini dibahagikan mengikut perkhidmatan Kementerian iaitu perkhidmatan keluarga dan kanak-kanak sebanyak 6 projek, perkhidmatan orang cacat sebanyak 2, perkhidmatan akhlak sebanyak 4 dan bahagian latihan—satu projek.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perkhidmatan keluarga dan kanak-kanak, Kementerian Kebajikan Masyarakat akan menyambung semula perkhidmatan kepada pesakit-pesakit melarat yang ramai terlantar di hospital-hospital. Mereka ini kebanyakannya terdiri dari orang-orang tua yang uzur dan terlantar di hospital menggunakan katil-katil yang boleh digunakan oleh pesakit-pesakit lain walaupun didapati mereka tidak memerlukan jagaan perubatan yang rapi. Adalah didapati bahawa lebih sesuai jika pesakit-pesakit ini dijaga dan diselenggarakan oleh sebuah institusi yang khusus bagi mereka.

Bagi tujuan ini Kementerian saya telah merancang membina dua buah rumah kesenangan bagi pesakit-pesakit melarat iaitu satu di Taiping, Perak dan satu lagi di Kuala Kubu Bharu, Selangor bagi menempatkan seramai 640 orang pesakit seumpama itu.

Dalam penjagaan kanak-kanak pula, satu konsep baru akan diperkenalkan iaitu rumah kanak-kanak dengan menggunakan sistem pondok. Di bawah rancangan ini pihak swasta akan berganding bahu dengan Kerajaan untuk mengadakan kemudahan bagi sistem ini. Kementerian saya sedang berunding dengan beberapa pihak swasta bagi melaksanakan rancangan ini di tempat-tempat yang tertentu, terutama di Terengganu dan Selangor. Bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan kemudahan pemulihan bagi orang cacat pula, dua buah institusi akan dibina iaitu Pusat Pemulihan dan Latihan Perindustrian bagi orang cacat di Bangi, Selangor dan dua bengkel pelindung bagi orang-orang cacat di Sungai Petani, Kedah. Pusat Pemulihan dan Latihan Perindustrian Orang Cacat di Bangi adalah bertujuan untuk memulihkan pekerja-pekerja yang cedera selepas mengalami kemalangan semasa bekerja di kilang dan bengkel perindustrian dan juga bagi anggota tentera dan polis yang mendapat kecacatan semasa menjalankan tugas.

Pusat ini akan memberi kemudahan pemulihan rawatan dan latihan vokesyenal dan perindustrian dengan keupayaan untuk 350 orang pekerja supaya ianya boleh menyesuaikan pekerja-pekerja tersebut dengan sesuatu vokesyen. Negara kita masih belum mempunyai satu institusi yang berbentuk seperti ini dan ianya juga akan merupakan institusi yang ulung sekali di rantau ini. Adalah diharapkan bahawa dengan terdinya institusi ini kelak maka ramai lagi pekerja cacat dan juga anggota tentera dan polis yang cacat dapat kembali bekerja dengan produktif dan membolehkan mereka berdikari.

Dalam Perkhidmatan Akhlak pula, tumpuan akan diberi untuk membina semula bangunan Sekolah-sekolah

Akhlak dan Tunas Bakti yang telah usang dan tidak selamat lagi untuk kediaman iaitu:

- (i) Sekolah Tunas Bakti, Sungai Besi.
- (ii) Sekolah Tunas Bakti, Taiping.

Di samping itu, satu Sekolah Tunas Bakti yang baru akan dibina di Kota Kinabalu, Sabah dan di Sarawak pula, fasa kedua bagi Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis di Miri akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, kerja sosial yang menjadi teras kerja kebajikan merupakan satu jurusan iktisas. Justeru itu, semua kakitangan yang menjalankan tugas sebagai Pegawai dan Pembantu Kebajikan Masyarakat perlu diberi latihan secukupnya dalam lapangan yang dinamis ini. Ini adalah untuk membolehkan mereka memahami konsep atau falsafah kerja sosial serta berbagai prinsip, pendekatan dan amalannya. Oleh kerana kemudahan latihan yang ada sekarang sangatlah terhad, maka sebuah Institusi Latihan Kakitangan Kebajikan akan dibina di Selangor dalam RML.

Mengenai cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Harun bin Hassan supaya Kementerian Kebajikan Masyarakat memberi latihan serta bimbingan agama kepada kelompok Mak Nyah, sukacitalah saya maklumkan bahawa Kementerian saya sentiasa memberi perhatian berat terhadap kebajikan dan kesihatan mereka yang berkenaan. Bagi tujuan ini, Kementerian saya telah mengadakan satu perjumpaan dengan Kumpulan Mak Nyah pada 11hb April baru-baru ini. Di dalam perjumpaan tersebut Kementerian saya bersetuju untuk menyokong penubuhan satu persatuan bagi mereka. Melalui persatuan ini nanti seluruh ahli dapat dibantu dalam bidang ekonomi, kebudayaan dan lain-lain. Mengenai bimbingan agama pula, sukaah saya

nyatakan bahawa satu panel penasihat akan ditubuhkan yang terdiri daripada wakil daripada Bahagian Hal Ehwal Agama Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan lain-lain jabatan yang berkaitan. Adalah diharapkan bahawa dengan tertubuhnya Panel Penasihat ini nanti aktiviti-aktiviti yang bercorak keagamaan akan dapat diatur bagi membimbing Mak Nyah-Mak Nyah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya bahawa dengan pelaksanaan program dan projek-projek kelak, negara kita akan dapat membendung segala masalah sosial akibat dari pergolakan pembangunan dengan lebih berkesan lagi. Akhirnya, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat serta masyarakat pada keseluruhannya yang telah mengambil perhatian yang serius serta bekerjasama dalam usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat demi kepentingan mereka yang kurang bernasib baik di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada seorang Ahli Yang Berhormat yang berminat untuk memberi teguran serta cadangan mengenai perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu (KTM) di bawah pentadbiran Kementerian Pengangkutan semasa perbincangan terhadap Rancangan Malaysia Kelima di Dewan yang mulia ini. Saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sudah mempunyai fahaman yang jelas serta berpuas hati dengan prestasi Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Nasir bin Haji Manap telah mencadangkan supaya KTM diswastakan dan dipercayai jika penswastakan ini dapat dilakukan perkhidmatan Keretapi ini tidak akan

menempuh kerugian. Memanglah cadangan Ahli Yang Berhormat itu bertetapan dengan dasar penswastakan yang sedang diamalkan oleh Kerajaan sekarang. Kerugian yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memangnya masih dialami oleh KTM kerana adanya persaingan yang hebat daripada pengusaha-pengusaha pengangkutan darat yang lain seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan semasa Dewan bersidang di dalam Soal Jawab sebentar tadi. Buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk menswastakan perkhidmatan KTM kerana dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang belum ada lagi pihak swasta yang bersedia untuk mengambil alih mana-mana perkhidmatan yang tidak mendapat keuntungan seperti KTM. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan terus terang di sini bahawa KTM sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang baik kepada orang ramai, baik dari segi pengangkutan penumpang mahupun pengangkutan barangan. Walaupun KTM masih mengalami kerugian, namun perkhidmatan penumpang akan diteruskan sebagai perkhidmatan sosial yang penting kepada orang ramai. Inilah satu-satunya janji dan tanggungjawab Kerajaan terhadap rakyat negara ini terutamanya mereka yang terdiri dari golongan yang kurang berada.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan di sini bahawa satu pasukan petugas yang dianggotai oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Pengangkutan dan Perbendaharaan telah pun ditubuhkan pada bulan Februari yang lalu dan pasukan ini dijangka akan dapat menyiapkan laporan pada akhir bulan Mei 1986. Bidang tugas pasukan itu ialah:

- (i) mengkaji secara keseluruhan dan terperinci kedudukan KTM dengan mengambil kira

kajian-kajian yang telah dibuat terdahulu sebagai panduan;

- (ii) mengenalpasti masalah-masalah utama yang dihadapi oleh KTM terutamanya dari segi kewangan; dan
- (iii) mengemukakan cadangan-cadangan ke atas masalah-masalah yang dikenalpasti dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, setelah pasukan petugas ini selesai membuat kajiannya sebarang perakuan mengenainya akan diberi pertimbangan yang sewajarnya di dalam usaha memperkemas perkhidmatan KTM termasuklah langkah-langkah memperkukuhkan kedudukan kewangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu dalam Dewan yang mulia ini, sukalah saya menyebutkan di sini bahawa setakat ini KTM telah menswastakan kerja-kerja seperti berikut:

- (i) mencuci koc dan gerabak;
- (ii) kimpalan alat-alat landasan KTM; dan
- (iii) overhaul enjin lokomotif.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Nasir bin Haji Manap yang telah menunjukkan minatnya dalam mengemukakan teguran dan pandangan ke arah menambahkan lagi kekesanan tentang perjalanan dan pentadbiran KTM di bawah kawalan Kementerian Pengangkutan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang akhir sekali saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk menjawab. Dipersilakan.

7.00 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran serta cadangan-cadangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan sewaktu membahaskan usul Rancangan Malaysia Kelima yang telah berlangsung sejak hari Jumaat yang lalu. Saya mengambil kesempatan di sini untuk memberi penjelasan ke atas perkara-perkara utama yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rancangan Malaysia Kelima adalah merupakan susunan dasar-dasar dan program-program yang bertujuan untuk mengekalkan perkembangan sosio-ekonomi serta meneruskan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Dalam menggubal rancangan ini, usaha untuk mencapai ke arah ini adalah merupakan cabaran yang besar untuk negara berbanding dengan Rancangan-rancangan Lima Tahun yang lepas. Ini adalah kerana Rancangan Malaysia Kelima telah dirangka dalam keadaan sosio-ekonomi yang kurang memuaskan akibat daripada kemelesetan ekonomi antarabangsa sejak awal lapan puluhan. Pada asasnya, strategi-strategi dan pendekatan yang termaktub di bawah Rancangan Malaysia Kelima ini mengambilkira faktor-faktor tersebut.

Secara amnya, pertumbuhan ekonomi negara adalah dianggarkan sebanyak 5% setahun bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Sungguhpun kadar pertumbuhan dalam tahun 1986 dan 1987 mungkin rendah daripada kadar ini, adalah dijangka kedudukan ekonomi negara akan bertambah baik pada akhir-akhir

1980an. Ingin saya memaklumkan bahawa anggaran ini akan dikaji dari masa ke semasa dan akan diubahsuai selaras dengan perubahan-perubahan yang berlaku. Walau bagaimanapun, Kerajaan masih yakin bahawa kadar purata 5% setahun ini dapat dicapai dalam tempoh ini kerana berbagai-bagai langkah sedang dilaksanakan oleh Kerajaan seperti yang diperakukan oleh Jawatankuasa Jemaah Menteri Mengenai Kemelesetan Ekonomi. Ini termasuklah 48 perakuan yang meliputi, antara lain, rancangan perumahan secara besar-besaran terutama perumahan kos rendah, pelaksanaan projek-projek kecil dan projek jalan yang menggunakan tenaga pekerja yang banyak, pembukaan tanah untuk sektor swasta, menggalakkan penggunaan barang-barang buatan tempatan, menggalakkan perusahaan pelancongan, serta menanggungkan pelaksanaan projek yang menggunakan modal yang besar. Selain daripada itu, Kerajaan akan juga meneruskan dasar berjimat cermat dan mengawal perbelanjaan dengan lebih ketat lagi supaya kedudukan kewangan negara dan keutuhan ekonomi dapat dikukuhkan lagi.

Berdasarkan kepada hakikat ini, cadangan yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Toh Muda Dr Fadzil Che Wan supaya dalam usaha memperkukuhkan ekonomi negara, Kerajaan tidak perlu mengambilkira dasar-dasar yang dibuat oleh lain-lain negara maju, adalah agak sukar dilaksanakan. Ekonomi negara adalah merupakan ekonomi yang terbuka dan sebahagian besar daripada aktiviti ekonomi bergantung di atas perdagangan luar negeri. Dasar yang diamalkan oleh negara-negara luar, seperti dasar perlindungan, akan memberi kesan mengurangkan permintaan barangan keluaran negara dan dengan secara langsung ekonomi

negara tidak dapat berkembang dengan pesatnya. Oleh yang demikian, mewujudkan "in-house system", dengan izin, bagi menggubal dasar-dasar ekonomi negara seperti yang dicadangkan, mungkin tidak akan berkesan dari segi ini.

Beliau juga menyentuh perkara mengenai Pasaran Saham Kuala Lumpur. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa bagi menentukan supaya Pasaran Saham Kuala Lumpur bergiat dengan aktif dan dinamik, elemen spekulasi pada paras minima perlu wujud. Namun demikian, bagi tujuan mencegah penyelewengan amalan-amalan tidak sihat, beberapa peraturan perlu diwujudkan. Peraturan-peraturan ini adalah semata-mata bertujuan untuk mengawasi perjalanan dan kegiatan pasaran saham bagi menjaga kepentingan pelabur-pelabur, terutamanya pelabur-pelabur kecil.

Yang Berhormat Dato Dr Nijhar telah menyentuh mengenai penyertaan sektor swasta sebagai penggerak utama dalam pertumbuhan ekonomi bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Di samping memberi galakan seperti perlindungan tarif dan lain-lain insentif, Kerajaan perlu menyelaraskan syarat-syarat dan peraturan-peraturan, seperti memberi lesen, supaya keyakinan di kalangan ahli-ahli perniagaan dapat dipertingkatkan. Dalam hal ini, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah untuk mengurangkan kawalan-kawalan ke atas kegiatan ekonomi, khususnya sejak setahun dua ini, di samping langkah-langkah positif yang lain untuk mewujudkan suasana pelaburan yang lebih menggalakkan. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan, seperti pindaan ke atas Akta Penyelarasan Perusahaan dan, dengan izin, lain-lain langkah "deregulation", telah dijelaskan

beberapa kali sejak kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, apa yang penting ialah bagi sektor swasta menggunakan peluang-peluang yang diberikan ini dan menyambut dengan positif langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan. Namun demikian, adalah sukar bagi Kerajaan untuk menghapus kesemua prosedur dan kawalan kerana kawalan-kawalan ini diperlukan demi menjaga kepentingan awam keseluruhannya. Jika semua kawalan dan prosedur dihapuskan, ini akan menjejaskan sektor swasta dan seterusnya akan menimbulkan keadaan negara yang tidak stabil. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus berusaha untuk memperbaiki peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur usang yang membantutkan perkembangan sektor swasta dengan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran yang membina semasa membahaskan Rancangan Malaysia Kelima. Ingin saya memberi jaminan bahawa semua teguran-teguran yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan akan diberi perhatian yang sewajarnya, sungguhpun saya tidak dapat menjawab kesemua perkara-perkara yang telah ditimbulkan sejak beberapa hari yang lepas. Adalah diharapkan dengan adanya sokongan dari semua golongan rakyat negara ini, usaha ke arah mencapai segala objektif untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang termaktub di bawah Rancangan Malaysia Kelima ini dapat dicapai, insya Allah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian, iaitu:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat; bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama, iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan; melulus dan menyetujui Rancangan Malaysia Kelima yang telah dirangka untuk menyesuaikan dan menumpukan dasar-dasar dan program-program bagi mengekalkan perkembangan sosio-ekonomi dan menjamin kestabilan ekonomi dalam jangka panjang serta meneruskan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bilangan 15/86. Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kelima ini, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi serta melengkapkan diri mereka untuk menghadapi cabaran sosio-ekonomi dan politik yang lebih besar selaras dengan hasrat Rukunegara dan bersatu padu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh.

Dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat; bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama, iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan; melulus dan menyetujui Rancangan Malaysia Kelima yang telah dirangka untuk

menyesuai dan menumpukan dasar-dasar dan program-program bagi mengekalkan perkembangan sosio-ekonomi dan menjamin kestabilan ekonomi dalam jangka panjang serta meneruskan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bilangan 15/86. Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kelima ini, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi serta melengkapkan diri mereka

untuk menghadapi cabaran sosio-ekonomi dan politik yang lebih besar selaras dengan hasrat Rukunegara dan bersatu padu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 2.30 petang hari esok, Khamis, 17hb April, 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.09 malam.